



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

# LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN UMPSA 2023



**Melestarikan  
Kecemerlangan:  
Teknologi untuk  
Masyarakat**



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
**AL-SULTAN ABDULLAH**

*Teknologi untuk Masyarakat*



# Sidang Editorial

**PENAUNG**

Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin

**EDITOR PERUNDING**

Muhammad Faisal Mohd Yasin

**KETUA EDITOR**

Mimi Rabita Abdul Wahit

**EDITOR**

Safriza Haji Baharuddin

**AHLI-AHLI**

Yong Ying Mei, Noorul Farina Arifin, Ernie Nurazlin Lizam, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Rosidah Hassan, Iskandar Salehudin, Azlina Abdul Mubin, Mohd Jamil Mohd Ja'afar, Shahrizai Haji Sarif, Abd Razak bin Ja'afar, Azlina Dahirudin, Nurul Syahida Suhaimin, Mohd Shahri Mohd Akhir, Zahruddin Mohd Zain, Hazman Abdul, Aminatul Nor Mohamed Said, Noor Syahidah Sabran, Mohd Zaki Ahmad, Danial Mohamed, Halizan Mahmood, Nadira Hana Ab Hamid, Mohd Nizam Abdul Rashid, Yang Mulia Raja Allen Jordan Izzuddin Shah Raja Baharudin, Kalpana a/p Ramachandran, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Nor Ashikin Sulaiman, Zuryaty Zol, Mohd Izzat Shafie@Mohd Alias, Khairul Adlan Ismail, Wan Muslimin Wan Nawang, Nurull Syamimi Ahmad Abzan, Nur Syuhada' Asmar, Mohd Ferdaus Musa, Nurul Izzah Abu Bakar, Muhammad Nadzmi Puaad, Hardyana Mohd Saman, Athirah Ruzaini, Mohamad Ashraff Ruslan, Nur Ezzati Mohd Nasir, Nabilah Zamimi, Amira Abdullah, Nur Syafiqah Abd Razak, Nur Atiqah Mohd Nor, Nor Fadzillah Zulkipli, Marhaniza Othman, Nor Azlin Mohd Azman, Wan Nor Haffiffah Wan Hamad, Naquiyah Nadhirah Zulbahri, Mohd Halimi Abdul Aziz, Sakinah Abdullah, Nurul Izzah Zulkipli, Baharudin Basiron, Mohamed Noor Ghadafi Ahmad, Rozana Sahadan, Finny Mohamed, Nursudirita Abd Rahman, Nurul Intan Safinaz Aminuddin, Nur Hartini Mohd Hatta, Muhammad Zarif Hanis Zakaria, Ain Fatihah Johar, Nur Shakirah Mohd Azmi, Mohd Lutfi Abu Talif, dan Norhanani Mohamad Nor

**PEREKA BENTUK GRAFIK**

Azman Md. Diah

Mohd Zulkifly Hamzah

**JURUFOTO**

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil

Zaffaruddin Hamzah

**PEMBANTU PENERBITAN**

Hafizatulazlin Abdul Aziz

**PENGEDARAN**

Noor Azmi Mohamed

Cetakan pertama 2024

Hak cipta terpelihara. ©Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah 2024

Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

**Editor Perunding**

Muhamad Faisal Mohd Yasin

**Ketua Editor**

Mimi Rabita Abd Wahit

**Editor**

Safriza Baharuddin

**Diterbitkan oleh:**

Pusat Komunikasi Korporat  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang, Malaysia


**Dicetak oleh:**

Emas Anjung Enterprise  
No. 1, Jalan Padang Temu 7,  
Padang Temu, 75050, Melaka

ISSN 3030-5780

# Isi Kandungan

Sidang Editorial	3
Isi Kandungan	5
Visi, Misi, Objektif, Falsafah dan Nilai Teras	6
Universiti Teknologi Terunggul	7
Canselor	10
Pro-Canselor	11
Pengerusi Lembaga Pengarah	13
Naib Canselor	15
Carta Organisasi	16
Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti	17
Pegawai Utama Universiti	19
Ahli Senat Universiti	20
Maklumat Lembaga Pengarah Universiti	23
Laporan Tadbir Urus Korporat	25
Penyata Kawalan Dalaman	28
Pengurusan Risiko	30
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah	34
Laporan Naib Canselor	36
Pengurusan Sumber Manusia	39
Pengurusan Kualiti dan Produktiviti	51
Keunggulan TVET Aras Tinggi (Termaju)	73
Inovasi dengan Kolaborasi Industri	97
Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi	147
Kelestarian Kewangan	169
Kecemerlangan Ekosistem Universiti	173
Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan	221
Fakulti	233
Yayasan UMPSA	283
UMPSA Advanced	289
UMP Holdings Sdn. Bhd.	293
Laporan Penyata Kewangan 2023	299



## Visi

Universiti Teknologi Terunggul

## Misi

Kami bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial.

## Objektif

1. Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
2. Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
3. Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
4. Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

## Falsafah

Kepercayaan bahawa ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dimanfaatkan. Penekanan kepada ilmu gunaan yang diperlakukan oleh insan berakhlik akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## Nilai Teras

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

## Polisi Kualiti

### Polisi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berdasarkan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkaui kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultasi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

### Slogan

Teknologi untuk Masyarakat

# Universiti Teknologi Terunggul

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 1996). UMPSA bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) yang beroperasi di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999. Dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) diwartakan pada 16 Februari 2002. Pada 1 Februari 2007, KUKTEM bertukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Seiring usia 21 tahun kewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menelusuri kegemilangan, universiti ini kini dijenamakan sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Pemasyurian nama UMPSA disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang juga Tuanku Canselor UMPSA pada 24 Oktober 2023. Baginda banyak menyumbang jasa bakti dalam mencorakkan kepimpinan negara, memperkasa pendidikan, menyebarkan ilmu dan agama serta keprihatinan KDYMM Tuanku terhadap rakyat khususnya di negeri Pahang Darul Makmur.

Penjenamaan universiti tatkala berada di puncak kejayaan kepada UMPSA ini adalah berdasarkan Perintah Universiti Malaysia Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 (P.U. (A) 116/2023) yang berkuat kuasa pada 14 April 2023.

Fokus utama UMPSA adalah untuk membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia dan petrokimia, sumber asli, automotif serta pembuatan. Mendapat penarafan sebagai salah sebuah universiti terbaik dalam kategori Penyelidikan dan Inovasi dalam kalangan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Universiti Bukan Penyelidikan (Non RU), UMPSA teguh dan komited dalam memperkenalkan sesuatu yang baharu dan membangunkan program akademik melalui kerjasama strategik pada peringkat antarabangsa. Antara kejayaan utama inovasi yang berkaitan ialah program Kejuruteraan Ijazah Dual UMPSA yang bertaraf dunia dengan kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA), Jerman, yang menjadi penanda aras kepada institusi pengajian tinggi awam yang lain di Malaysia. Dalam bidang penyelidikan, UMPSA menjalankan kerjasama dengan industri tempatan berfokus kepada aplikasi berkaitan industri. Kerjasama penyelidikan tersebut memperkaya modul pengajaran dan pembelajaran di universiti dan pada masa yang sama menggalakkan pengkomersialan hasil dan produk penyelidikan.

## UMPSA Pekan

Kampus utama UMPSA mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Kampus seluas 642 ekar ini menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Pada masa ini, UMPSA Pekan menempatkan empat fakulti dan satu pusat iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM), Fakulti Komputeran (FK) dan Pusat Bahasa Moden (PBM).



## UMPSA Kampus Gambang

UMPSA beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 126 ekar persegi dan boleh menempatkan seramai 5,000 orang pelajar. UMPSA Kampus Gambang ini terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuh Raya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Pada masa ini, ia menempatkan empat buah fakulti, dua buah pusat dan satu institut iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Pusat Sains Matematik (PSM), Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS).



## Konsep dan Ciri-ciri Utama

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMPSA menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskan gunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMPSA ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat produk teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna, di samping latihan industri, para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkuuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti mengkomersialkan produk penyelidikan. UMPSA juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMPSA komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMPSA menawarkan program pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD), sarjana, ijazah sarjana muda, dan diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh fakulti berikut:

- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)
- Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
- Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
- Fakulti Komputeran (FK)

UMPSA juga mempunyai Pusat Sains Matematik (PSM), Pusat Bahasa Moden (PBM), Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS), Institut Confucius dan UMPSA Advanced.

Kewujudan UMPSA juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumum sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi dan Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

## UMPSA Advanced


Bagi memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Lembaga Pengarah Universiti pada 29 Mac 2013 telah meluluskan cadangan mentransformasikan Centre for Continuing Education & Professional Development (CENFED) daripada sebuah Special Business Unit (SBU) kepada Syarikat Sdn. Bhd.

UMP Advanced dikenali sebagai UMPSA Advanced selari dengan penjenamaan semula Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). UMPSA Advanced berfungsi menawarkan program Perdana iaitu program yang mempunyai pengiktirafan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antara program yang ditawarkan meliputi Asasi Sains dan Teknologi dan Diploma. UMPSA Advanced bertanggungjawab mempromosikan program berkenaan dan menguruskan pengambilan pelajar di luar unjuran Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi melalui pengambilan Masuk UMPSA Secara Terus (MUST) di bawah inisiatif *Public University Private Wing* (PUPW).



## UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH)

UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 2016 dan berdaftar secara rasminya pada 8 Mac 2004 dengan matlamat untuk menjadi pemain utama dalam pembangunan, pembinaan dan pengurusan harta tanah. Sepanjang perjalanan UMPH, syarikat ini telah berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan telah berjaya mencapai misi untuk mencabar status quo dengan melibatkan diri dalam pembangunan rumah sejahtera, projek perumahan pertama dengan kerjasama kerajaan Negeri Pahang, bagi kumpulan B40 pada tahun 2017.




UMPH terbahagi kepada dua iaitu *subsidiaries* dan *spin-off*. Anak syarikat di bawah *subsidiaries* adalah UCT Solutions. Sdn. Bhd., UMP Services Sdn. Bhd., UMP Technology Sdn. Bhd., UMP Energy Sdn. Bhd., dan Imani Agro Industries Sdn. Bhd. Manakala anak syarikat di bawah *spin-off* adalah UMP Karaglow Sdn. Bhd., UMP Renal Care Sdn. Bhd., Synbion Sdn. Bhd., UMP EcoPest Sdn. Bhd., dan UMP Green Technology Sdn. Bhd.

**CANSelor****KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA****SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG****AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH****IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),  
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K.(Selangor),  
Order of the State of The Republic of Turkiye.



**PRO-CANSELOR**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG**  
**TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH**  
**IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFABILLAH**  
**SHAH**  
**DK., SSAP., SIMP.**



**PRO-CANSELOR**  
**TAN SRI DATO' SRI (DR.) ABI MUSA ASA'ARI BIN MOHAMED NOR**  
PSM., SSAP., SIMP., DIMP., SMP.



**PENGERUSI  
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI  
TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN  
PSM., SSAP., SIMP., DSAP., KMN.  
(Hingga 18 Oktober 2023)**




PENGERUSI  
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI  
**DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR**  
DGPN.  
(Mulai 1 November 2023)



**NAIB CANSELOR  
PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
DIMP.**

# Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



Tarikh kemas kini: 28 Disember 2023

\* Maklumat adalah betul dan tepat pada tarikh cetakan

# Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti

## Pengerusi



**TAN SRI DATO' SRI DR.  
ABDUL AZIZ BIN ABDUL  
RAHMAN**  
PSM., SSAP., SIMP., DSAP.,  
KMN.  
(Hingga 18 Oktober 2023)



**DATO' SERI ABDUL RAZAK  
BIN JAAFAR**  
DGPN.  
(Mulai 1 November 2023)

## Ahli-ahli



**PROFESOR DATO' TS. DR.  
YUSERRIE BIN ZAINUDDIN**  
DIMP.  
Naib Canselor



**ENCIK MADYASIR BIN  
AHMAD BASIR**  
Wakil Alumni



**PROFESOR DATO' DR.  
MOHAMMAD SHATAR BIN  
SABRAN**  
DIMP., DPMP.  
Wakil Berpengetahuan dan  
Berpengalaman



**DATO' HAMDAN BIN HUSSIN**  
DIMP., SAP., AAP., AMP.  
Wakil Masyarakat



**PROFESOR IR. DR. MOHD  
FAIZAL BIN JAMLOS**  
Wakil Senat  
(Mulai 13 Jun 2022)



**DATO' SRI ZAINAL ABIDIN  
BIN AHMAD**  
DBNS., SSAP.  
Wakil Swasta  
(Hingga 31 Oktober 2023)



**DATO' HAJAH HABIBAH  
BINTI MOHD YUSOF**  
DIMP., SIS., ASP., AMN.  
Wakil Swasta  
(Hingga 1 September 2023)



**DATO' INDERA MAHMUD  
BIN MOHD NAWAWI**  
SIMP., DIMP., AMP.  
Wakil Swasta  
(Mulai 17 Oktober 2023)



**DATO' MOHD SHARIL BIN  
ABDULLAH**  
SAP., BCM., DPSM., DIMP.  
Wakil Kementerian Pendidikan  
Tinggi  
(Hingga 16 Ogos 2023)



**DATIN NOORAZAH BINTI  
OMAR**  
Wakil Kementerian Pendidikan  
Tinggi  
(Mulai 1 September 2023)



**DATO' SRI DR.  
SALLEHUDDIN BIN ISHAK**  
SSAP., SIMP., DIMP., PJN.,  
JSM., PJK.  
Wakil Swasta  
(Mulai 16 September 2023)



**DATO' HAJI MOHAMAD  
SAHFRI BIN AB AZIZ**  
DSAP., DIMP., SMP.  
Wakil Swasta  
(Mulai 1 November 2023)



**ENCIK MOHD SAKERI BIN  
ABDUL KADIR**  
Wakil Kementerian Kewangan  
(Hingga 31 Oktober 2023)

## SETIAUSAHA



**DATO' SAIFUL BAHRI BIN  
AHMAD BAKARIM**  
DIMP.

Pendaftar

# Pegawai Utama Universiti

	<p>Naib Canselor  <b>PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN DIMP.</b></p>		<p>Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  <b>PROFESOR TS. DR. MOHD RUSLLIM BIN MOHAMED</b>  (Hingga 14 Mei 2023)</p>
	<p>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)  <b>PROFESOR IR. TS. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN</b>  (Mulai 15 Mei 2023)</p>		<p>Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  <b>PROFESOR TS. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI</b></p>
	<p>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  <b>PROFESOR TS. DR. MOHD RUSLLIM BIN MOHAMED</b></p>		<p>Bendahari  <b>DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN</b>  DIMP.</p>
	<p>Ketua Pustakawan  <b>ENCIK AZMAN BIN ABDUL RAHIM</b>  (Hingga 6 Mac 2023)</p>		<p>Ketua Pustakawan  <b>CIK KAMARIAH BINTI GONO</b>  (Mulai 27 Mei 2023)</p>
	<p>Penasihat Undang-undang  <b>PUAN MARLINA BINTI MAMAT</b></p>		<p>Pendaftar  <b>DATO' SAIFUL BAHRI AHMAD BAKARIM</b>  DIMP.</p>

\* Maklumat adalah betul dan tepat pada tarikh cetakan

# Senat Universiti

## Pengerusi

### **Naib Canselor**

**PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN**

DIMP.

Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)

## Timbalan-timbalan Naib Canselor

### **Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

**PROFESOR TS. DR. MOHD RUSSLIM BIN MOHAMED**

Ph.D (UMPSA), M.Eng. (UTHM), B.Eng. (Warwick), Dip.Eng. (UiTM), Fellowship (Southampton), (Duisburg-Essen)

(Hingga 14 Mei 2023)

### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)**

**PROFESOR IR. TS. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN**

Ph.D (Massey University), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)

(Mulai pada 15 Mei 2023)

### **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**

**PROFESOR TS. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI**

Ph.D (Newcastle Upon Tyne), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Worcester Polytechnic Institute)

### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

**PROFESOR TS. DR. MOHD RUSSLIM BIN MOHAMED**

Ph.D (UMPSA), M.Eng. (UTHM), B.Eng. (Warwick), Dip.Eng. (UiTM), Fellowship (Southampton), (Duisburg-Essen)

## Dekan

### **Dekan, Pusat Sains Matematik**

**PROFESOR DR. MOHD ZUKI BIN SALLEH**

Ph.D (UKM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UPM)

### **Dekan, Institut Pengajian Siswazah**

**PROFESOR DATIN TS. DR. MIMI SAKINAH BINTI ABDUL MUNAIM**

Ph.D (Chemical Eng., UTM), M.Sc. (Environmental Sc., UPM), B.Eng. (Chemical Eng., UTM)  
(Hingga 31 Julai 2023)

### **Dekan, Institut Pengajian Siswazah**

**PROFESOR TS. DR. CHE KU MOHAMMAD FAIZAL BIN CHE KU YAHYA**

Ph.D (NUT), M.Eng. (Yamaguchi University), B.Eng. (Yamaguchi University)  
(Mulai 1 Ogos 2023)

### **Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif**

**PROFESOR DR. MAHADZIR BIN ISHAK@MUHAMMAD**

Ph.D (Ibaraki University), M.Eng. (Tokushima University), B.Eng. (Ehime University)

### **Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses**

**PROFESOR TS. DR. CHE KU MOHAMMAD FAIZAL BIN CHE KU YAHYA**

Ph.D (NUT), M.Eng (Yamaguchi University), B.Eng. (Yamaguchi University)  
(Hingga 31 Julai 2023)

**Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses**

**PROFESOR TS. DR. SUMAIYA BINTI ZAINAL ABIDIN@MURAD**

PhD (Loughborough University), M.Sc. (UPM), B.Sc. (UPM)  
(Mulai 1 September 2023)

**Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik**

**PROFESOR MADYA DR. HAMDAN BIN DANIYAL**

Ph.D (University of Western Australia), M.Eng.  
(UTHM), B.Eng. (UTM)

**Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik**

**PROFESOR MADYA IR. TS. DR. FAIZ BIN MOHD TURAN**

Ph.D (UTHM), B.Eng. (UTM), Assoc. Degree  
(Yonago)

**Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam**

**PROFESOR MADYA IR. DR. FADZIL BIN MAT YAHAЯ**

Ph.D (UMPSA), M.Eng. (UTM), B.Eng. (Honours)  
(UTM)

**Dekan, Fakulti Komputeran**

**PROFESOR MADYA TS. DR. ADZHAR BIN KAMALUDIN**

Ph.D (Loughborough University), M.Sc. (University of Warwick), B.Sc (UTM)

**Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Industri**

**PROFESOR MADYA TS. DR. SAIFFUL KAMALUDDIN BIN MUZAKIR@LOKMAN**

Ph.D (UMPSA), MSc. (UKM), BSc (UKM)  
(Hingga 22 Ogos 2023)

**Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Industri**

**PROFESOR MADYA DR. AIZI NOR MAZILA BINTI RAMLI**

Ph.D (UTM), B.Sc. (UTM)  
(Mulai 1 September 2023)

**Dekan, Pusat Bahasa Moden**

**PROFESOR MADYA DR. NIK ALOESNITA BINTI NIK MOHD ALWI**

Ph.D (Victoria University of Wellington), M.HSc.  
(IIUM), B.HSc. (IIUM)

**Dekan, Fakulti Pengurusan Industri**

**DR. MOHD HANAFIAH BIN AHMAD**

Ph.D (UMP), M. Tech Management (HRD) (UTM),  
B.Eco (Hons) (UKM)

**Dekan, Pusat Sains Kemanusiaan**

**DR. MOHAMAD HILMI BIN MAT SAID**

Ph.D (USM), M.A (UKM), B.A (hon's) (Al-Azhar Univ.  
Egypt)

**Profesor**

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses**

**PROFESOR DATO' TS. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS**

Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)  
(Hingga 30 Oktober 2023)

**Profesor, Pusat Sains Kemanusiaan**

**PROFESOR DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL WAHAB**

Ph.D (UPM), M.Sc. (UPM), Bach. (UM)  
(Hingga 31 Januari 2023)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif**

**PROFESOR DR. RIZALMAN BIN MAMAT**

Ph.D (Birmingham, UK), M.Eng. (UTM), B.Eng.  
(UTM)  
(Mulai 14 Februari 2023)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik**

**PROFESOR IR. DR. AHMAD RAZLAN BIN YUSOFF**

Ph.D (Sheffield), M.Sc. (USM), B.Eng. (Hons)  
(USM), Cert. Edu. (NIU)  
(Hingga 31 Januari 2023)

**Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi Industri**

**PROFESOR DR. MOHD HASBI BIN AB RAHIM**

Ph.D (Wales), M.Sc. (UPM), B.Sc. (Hons) (UPM)  
(Mulai 14 Februari 2023)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik**

**PROFESOR IR. DR. HAJI NIK MOHD ZUKI BIN NIK MOHAMED**

Ph.D (Bradford), M.Eng. (UPM), B.Eng. (USA)  
(Mulai 14 Februari 2023)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik**

**PROFESOR IR. TS. DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI**

Ph.D (UKM), M.Sc (UTM), B.Sc (UTM)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik**  
**PROFESOR IR. DR. MOHD FAIZAL BIN JAMLOS**  
 Ph.D (UTM), M.Eng. (Adelaide), B.Sc. (UniMAP)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses**  
**PROFESOR TS. DR. KAMAL BIN YUSOH**  
 Ph.D (Loughborough, UK), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)  
 (Mulai 14 Februari 2023)

### Ahli Ko-Opt

**Penolong Naib Canselor, Bahagian Pembangunan TVET**  
**PROFESOR DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM**  
 Ph.D (Cardiff), M.Sc. (Wisconsin), B.Sc. (Wisconsin), Dip. Votec (Toronto), Dip. Res (Cardiff)  
 (Hingga 21 Jun 2023)

**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses**  
**PROFESOR TS. DR. KAMAL BIN YUSOH**  
 Ph.D (Loughborough), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)  
 (Hingga 13 Februari 2023)

**Pengarah Pusat Kerjasama Strategik Akademik**  
**PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD RUZAIMI BIN MAT REJAB**  
 Ph.D (University of Liverpool), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)  
 (Mulai 8 Januari 2023)

**Pengarah Kanan (Bahagian Kualiti Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan), Jabatan Penyelidikan dan Inovasi**  
**PROFESOR CHM. DR. CHONG KWOK FENG**  
 Ph.D (Singapore), B.Sc. (UTM)  
 (Hingga 31 Disember 2023)

**Pengarah Kanan, Akademi A.D.A.B, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**  
**PROFESOR MADYA DR. MOHD NIZAM BIN MOHMAD KAHAR**  
 Ph.D (Nottingham), M.Sc. (UTM), B.Eng. (Hons.) (UTM)  
 (Mulai 1 Januari 2023)

**Pengarah, Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik**  
**DR. NORAM IRWAN BIN RAMLI**  
 Ph.D (USM), M.Sc. (USM), B.Eng. (Hons) (UiTM)  
 (Mulai 1 Januari 2023)

**Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik**  
**PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD SHAHRIR BIN MOHD SANI**  
 Ph.D (Liverpool), M.Sc. (UPM), B.Eng. (UTM)

### Ahli Ex-Officio

**Bendahari**  
**DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
 DIMP.  
 C.A. (M), B.Acc. (Hons) (UKM)

**Ketua Pustakawan**  
**ENCIK AZMAN BIN ABDUL RAHIM**  
 MLIS (IIUM), BBA (University of Miami, FL)  
 (Hingga 6 Mac 2023)

**Ketua Pustakawan**  
**CIK KAMARIAH BINTI GONO**  
 M. Ed. (UTM), B.Sc. (UiTM)  
 (Mulai 27 Mei 2023)

**Penasihat Undang-undang**  
**PUAN MARLINA BINTI MAMAT**  
 LLB (Hons) (IIUM)

### Setiausaha

**Pendaftar**  
**DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM**  
 DIMP.  
 B.Sc. (Hons) (UiTM), Dip.(UiTM)

# Maklumat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

**Jadual 1: Tarikh Mesyuarat LPU Tahun 2023**

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2023	24 Februari 2023	Dalam Talian
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2023	18 Mac 2023	Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur
3.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2023	27 Mei 2023	Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur
4.	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2023	8 Julai 2023	Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur
5.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2023	29 Julai 2023	The Zenith Hotel Kuantan
6.	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2023 (Secara Hibrid)	14 Ogos 2023	The Zenith Hotel Kuantan dan Dalam Talian
7.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2023	30 September 2023	Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur
8.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2023	25 November 2023	Hyatt Regency Kuantan Resort

**Jadual 2: Tarikh LPU Secara Edaran Tahun 2023**

BIL.	LPU (SECARA EDARAN)	TARIKH
1.	LPU (Secara Edaran) Bil. 1/2023	9 Januari 2023

**Jadual 3: Statistik Kehadiran Mesyuarat LPU Tahun 2023**

BIL.	NAMA	LPU (KHAS) BIL. 1/2023	LPU BIL. 1/2023	LPU BIL. 2/2023	LPU (KHAS) BIL. 2/2023	LPU BIL. 3/2023	LPU (KHAS) BIL. 3/2023	LPU BIL. 4/2023	LPU BIL. 5/2023
1.	Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Hingga 18 Oktober 2023)								
2.	Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar (Mulai 1 November 2023)								
3.	Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin								
4.	Dato' Hajah Habibah binti Mohd Yusof (Hingga 1 September 2023)								
5.	Dato' Mohd Sharil bin Abdullah (Hingga 16 Ogos 2023)								
6.	Dato' Sri Zainal Abidin bin Ahmad (Hingga 31 Oktober 2023)								
7.	Encik Madyasir bin Ahmad Basir								
8.	Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran								
9.	Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir (Hingga 31 Oktober 2023)								
10.	Dato' Hamdan bin Hussin								
11.	Profesor Ir. Dr. Mohd Faizal bin Jamlos								
12.	Dato' Indera Mahmud bin Mohd Nawawi								
13.	Datin Noorazah binti Omar (Mulai 1 September 2023)								
14.	Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak (Mulai 16 September 2023)								
15.	Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz (Mulai 1 November 2023)								

	Hadir Mesyuarat		Tidak Hadir Mesyuarat (Dengan Notis)		Belum Dilantik atau Tamat Lantikan
--	-----------------	--	---	--	------------------------------------

# Laporan Tadbir Urus Korporat

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### Perlembagaan UMPSA 2010: Bahagian iii [Pihak Berkuasa Universiti]

16. (1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, fakulti, sekolah, pusat, akademi, institut, jawatankuasa pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pekerja, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, dan badan lain yang sebagaimana yang ditetapkan oleh statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

## Keahlian LPU

### Seksyen 17. (1) Perlembagaan UMPSA 2010

Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada:

1. Pengerusi;
2. Naib Canselor;
3. Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
4. Seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya universiti itu;
5. Seorang profesor universiti yang dipilih oleh Senat dalam kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 22(1)(d);
6. Lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar universiti yang, pada pendapat menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu lembaga.

## Fungsi dan Kuasa

### Seksyen 20, Perlembagaan UMPSA 2010

Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada:

1. Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada pihak berkuasa, badan atau kepada pegawai lain universiti.
2. Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

3. Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah:
  - a. Mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi universiti;
  - b. Menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan serta mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi universiti;
  - c. Membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
  - d. Memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan; dan
  - e. Memastikan pelaksanaan Perlembagaan, Undang-undang dan Dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa Jawatankuasa, Pegawai atau Jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

## Jawatankuasa Di Bawah Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

### Seksyen 21, Perlembagaan UMPSA 2010

Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya. Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

1. Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa;
2. Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantiknya dan layak untuk dilantik semula;
3. Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu;
4. Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga;
5. Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa;
6. Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh lembaga;
7. Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa;
8. Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:
  - a. Minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
  - b. Salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.
9. Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu;

10. Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) (Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh lembaga; dan
11. Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.



# Penyata Kawalan Dalaman

**Jadual 4: Jawatankuasa Lembaga Pengarah Universiti (LPU)**

BIL.	JAWATANKUASA	PENGURUSI	AHLI LEMBAGA DALAM KEAHLIAN
1.	Audit	Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran	Encik Madyasir bin Ahmad Basir
2.	Pemilih	Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran</li> <li>• Datin Noorazah binti Omar</li> </ul>
3.	Pelaburan	Dato' Indera Mahmud bin Mohd Nawawi	Wakil Kementerian Kewangan
4.	Perancangan Strategik dan Pengurusan Prestasi	Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Hamdan bin Hussin</li> <li>• Profesor Ir. Dr. Mohd Faizal bin Jamlos</li> </ul>
5.	Pembangunan Pelajar dan Alumni	Encik Madyasir bin Ahmad Basir	Tiada
6.	Pembangunan dan Pemantauan Projek	Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar	Tiada
7.	Governan, Risiko dan Integriti	Datin Noorazah binti Omar	Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz
8.	Tetap Kewangan	Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Naib Canselor</li> <li>• Datin Noorazah binti Omar</li> <li>• Profesor Ir. Dr. Mohd Faizal bin Jamlos</li> <li>• Wakil Kementerian Kewangan</li> </ul>
9.	Pencalonan dan Imbuhan	Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Naib Canselor</li> <li>• Encik Madyasir bin Ahmad Basir</li> <li>• Dato' Indera Mahmud bin Mohd Nawawi</li> </ul>
10.	Pemandu Kampus Pintar dan Kelestarian Kampus	Dato' Indera Mahmud bin Mohd Nawawi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Naib Canselor</li> <li>• Dato' Hamdan bin Hussin</li> </ul>

## Jadual 5: Perincian Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

PEMANDU KAMPUS PINTAR DAN KELESTERIAN KAMPUS					
PENCALONAN DAN IMBUHAN					
TETAP KEWANGAN					
GOVERNAN, RISIKO DAN INTEGRITI					
PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK	AUDIT	PENGURUSAN	PELABURAN	PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN PRESTASI	PEMILIH
Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar	Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak	Ahli	Ahli	Ahli	Ahli
Professor Dato' Ts. Dr. Yusserie bin Zainuddin	Professor Ir. Dr. Mohd Faizal bin Jamlos	Pengerusi	Pengerusi	Pengerusi	Pengerusi
Encik Madyasir bin Ahmad Basir	Dato' Hamdan bin Hussin	Ahli	Ahli	Ahli	Ahli
Professor Dato' Dr. Mohammad Shatir bin Sabran	Professor Dr. Mohd Mahmud bin Mohd Nawawi	Pengerusi	Pengerusi	Pengerusi	Pengerusi
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak	Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak	Ahli	Ahli	Ahli	Ahli
Wakil Kementerian Kewangan	Wakil Kementerian Kewangan				



# Pengurusan Risiko

Bagi memastikan kelancaran pengurusan risiko, UMPSA sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa dan menyeluruh, Jawatankuasa *Taskforce Pengurusan Risiko UMPSA* yang ditubuhkan pada 27 Jun 2022 telah dibuat penstrukturkan semula keahliannya.

Pengurusan risiko yang cekap dan sistematis dapat membantu kepada pencapaian objektif universiti. Jika risiko tidak diuruskan dengan baik, ia boleh menjelaskan imej, reputasi, kerugian kewangan dan operasi harian universiti. Seterusnya, ia akan memberi kesan kepada persepsi pemegang taruh dan kedudukan ranking universiti. Pelaksanaan pengurusan risiko di UMPSA masih pada peringkat awal pelaksanaan iaitu semua pemantauan dan pelaporan pengurusan risiko (*Dashboard Risiko*) di setiap Kluster Pusat Tanggungjawab (PTJ) dilaksanakan secara manual.

Unit Pengurusan Risiko (UPR) dengan kerjasama Pusat Teknologi Digital (DiTec) dan Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) dalam gerak kerja untuk mewujudkan satu Sistem Pengurusan Risiko UMPSA yang dapat integrasikan semua subsistem dan subkomponen serta maklumat berkaitan semua risiko di UMPSA.

Dengan adanya sistem ini kelak akan dapat membantu menyediakan data dan maklumat risiko secara lebih sistematik dan berkesan. Bagi memastikan kelancaran pengurusan risiko UMPSA sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa serta menyeluruh, Jawatankuasa *Taskforce Pengurusan Risiko UMPSA* yang ditubuhkan pada 27 Jun 2022 telah dibuat penstrukturkan semula keahliannya.

Pada tahun 2023, terdapat pertukaran terhadap pengurus jawatankuasa yang baharu dan penambahan ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada staf pengurusan dan akademik UMPSA yang mempunyai kepakaran dan kompetensi dari pelbagai bidang. Pelantikan bagi penstrukturkan semula ini telah selesai dilaksanakan melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Governan, Risiko dan Integriti (JGRI) Bil. 2/2023.

Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Risiko UMPSA telah selesai dibangunkan melalui beberapa siri semakan dan penambahbaikan yang dilaksanakan pada tahun 2023. Polisi dan Garis Panduan ini telah dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 24 Mei 2023 untuk semakan dan makluman serta diluluskan di dalam mesyuarat JGRI Bil. 2/2023 pada 24 Julai 2023. Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Risiko UMPSA menjadi dokumen rujukan utama dalam melaksanakan pengurusan risiko mengikut tatacara dan proses yang menyeluruh dan efektif.

**Pelbagai aktiviti dan kaedah telah dilaksanakan pada tahun 2023 dalam memastikan Pengurusan Risiko di UMPSA dilaksanakan dan dibudayakan ke seluruh kluster.**


- Pengurusan universiti telah memutuskan bahawa Pengurusan Risiko dijadikan agenda tetap bagi setiap mesyuarat pengurusan PTJ. Arahan ini telah pun dimaklumkan secara rasmi kepada semua jabatan melalui Surat Edaran Penetapan Agenda Tetap Mesyuarat Pengurusan pada peringkat jabatan (No. Ruj: UMPSA.100-6/2/39 (02) bertarikh 11 Julai 2023).
- Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke-207 Bil. 14/2023 bertarikh 7 Jun 2023, JKPU telah mengarahkan supaya semua kertas kerja yang melibatkan parameter risiko yang ditetapkan perlu menyediakan Laporan Penilaian Risiko untuk dilampirkan bersama-sama dengan kertas kerja yang akan dikemukakan ke JKPU. Selain itu, pihak UPR juga turut diminta untuk hadir memberikan maklum balas bagi setiap kertas kerja yang dibentangkan berkenaan.
- Pihak UPR dijemput hadir untuk memberi pemakluman dan pelaporan Pengurusan Risiko di UMPSA secara berkala kepada JKPU pada setiap tiga bulan.
- Pembentangan dan pelaporan secara bulanan oleh Ketua Unit Pengurusan Risiko (UPR) kepada Naib Canselor berkenaan Pengurusan Risiko di UMPSA.
- Penyediaan Prosedur Pengurusan Risiko UMPSA sebagai salah satu Prosedur Utama dalam pelaksanaan dan sasaran UMPSA ke arah persijilan MS ISO 9001:2015 (Skop Pembangunan dan Pengurusan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda).

**Beberapa program dan aktiviti peningkatan kefahaman dan tadbir urus pengurusan risiko telah dilaksanakan pada tahun 2023.**

- Sesi Taklimat Pengisian *Dashboard* Pengurusan Risiko kepada Kluster antaranya kepada Jabatan Canseleri dan Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) UMPSA Kampus Gambang.
- Penyertaan dan Penganjuran Bersama Seminar Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan Risiko Universiti Awam (*Spark-RISK 2023*) pada 27 hingga 29 Ogos 2023 bertempat di The Everly Hotel Putrajaya.
- Khidmat nasihat pengisian *Dashboard* Risiko kepada Subkluster (PPPH, FTKA, FIM).
- Bengkel Semakan Prosedur MS ISO 9001:2015 (Prosedur Pengurusan Risiko UMPSA) bersama Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 23 Mei 2023 bertempat di Hotel Ancasa Royal Pekan.


## Laporan Pengurusan Risiko

Laporan Pemantauan Profil Risiko Kluster disediakan berdasarkan pemantauan *Dashboard* Risiko yang dilaksanakan secara berkala. Pemantauan yang dilaksanakan ini adalah sebahagian daripada proses pengurusan risiko yang efektif. Terdapat 11 kluster yang terlibat dalam pemantauan ini. Pemantauan *Dashboard* Risiko bagi tahun 2023 hanya dilaksanakan sebanyak tiga sesi pemantauan berikutnya *dashboard* hanya dikeluarkan dan risiko didaftarkan selepas suku pertama tahun 2023. Melalui pemantauan pada tahun 2023 ini, semua 11 Kluster telah selesai menyediakan dan mengemas kini laporan status risiko kluster masing-masing.

**Gambar Rajah 1: Perincian Laporan Pengurusan Risiko Tahun 2023****Carta 1: Bilangan Risiko Mengikut Kategori Tahun 2023****Jadual 6: Laporan Pemantauan Profil Risiko Kluster Tahun 2023**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	RENDAH	SEDERHANA	KETARA	TINGGI	JUMLAH RISIKO
1.	Jabatan Canseleri	6	4			<b>10</b>
2.	Jabatan Pendaftar	19	1			<b>20</b>
3.	Jabatan Pengurusan Pengetahuan dan Teknologi Maklumat	5	2			<b>7</b>
4.	Jabatan Bendahari	15	5			<b>20</b>
5.	Jabatan Perundangan	4				<b>4</b>
6.	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi	1	10			<b>11</b>
7.	Pusat Pengurusan Penyelidikan	2	3	2	1	<b>8</b>
8.	Pusat Pengurusan Inovasi dan Komersial	1	3			<b>4</b>
9.	Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA)	18		3		<b>21</b>
10.	UMPSA Pekan	10	1			<b>11</b>
11.	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)	24	21	12	5	<b>62</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>105</b>	<b>50</b>	<b>17</b>	<b>6</b>	<b>178</b>

## Laporan Pemantauan Risiko Kluster


**Carta 2: Perincian Risiko Mengikut Tahap Tahun 2023****Carta 3: Perbandingan Jumlah Tahap Risiko Mengikut Sesi Pemantauan Tahun 2023**

## Laporan Penilaian Risiko Kluster (*By Project*)

Gambar Rajah 2: Jumlah Penilaian Risiko Kluster (*By Project*) Tahun 2023



Carta 4: Bilangan Risiko (*By Project*) Mengikut Tahap Tahun 2023



Gambar Rajah 3: Perincian Penilaian Risiko Kluster (*by Project*) Tahun 2023

- |    |   |    |   |
|----|---|----|---|
| 2  | Jumlah projek yang telah selesai dan dikeluarkan untuk pemantauan | 13 | Jumlah risiko yang telah dikeluarkan untuk pemantauan |
| 5  | Jumlah projek baharu yang didaftarkan                             | 12 | Jumlah risiko baharu yang didaftarkan                 |
| 12 | Jumlah projek yang perlu dilaporkan                               | 38 | Jumlah risiko yang perlu dilaporkan                   |



# Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu izinkan saya memanjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan Izin-Nya, sejarah telah tercipta pada tahun 2023 yang menyaksikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dijenamakan sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) selepas 21 tahun diwujudkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah seperti Warta Kerajaan Persekutuan yang berkuat kuasa pada 14 April 2023.

UMPSA telah bertukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah pada 30 Julai 2023 dan dimasyurkan pada 21 Oktober 2023 bersempena Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18. Penjenamaan universiti kini kepada UMPSA bertepatan dengan visi universiti ke arah sebuah Universiti Teknologi Terunggul. Penjenamaan ini juga akan membina keterlihatan, reputasi dan keupayaan universiti seiring dengan perkembangan serta pencapaian universiti yang diiktiraf dunia.

Pada tahun 2023 juga, UMPSA buat pertama kalinya tersenari dalam *Low Carbon Cities 2030 Challenge* dan telah memenangi Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023. UMPSA Pekan melalui pengiktirafan *Diamond* Kategori Rakan Kongsi bagi *Low Carbon Zone* manakala UMPSA Kampus Gambang memperoleh pengiktirafan *Diamond* Kategori Rakan Kongsi bagi *Low Carbon Partner*. Ini memperkuuhkan sinergi dalam menjadikan UMPSA sebuah Kampus Hijau (*Green Campus*).

Anugerah ini merupakan pengiktirafan usaha dan komitmen berterusan universiti dalam memajukan pembangunan bandar mampan dan rendah karbon. UMPSA juga terus melestarikan kecemerlangan apabila konsisten memperbaiki kedudukan di dalam *QS Stars World University Rankings* dan UMPSA In *Sustainability*. Malah, UMPSA terus kekal unggul tersenari di antara universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Untuk itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas



kepada seluruh warga UMPSA yang bertungkus-lumus membantu UMPSA mencipta kejayaan tersebut.

Akhir kata, saya bersyukur dan berbangga atas pencapaian UMPSA sepanjang tahun 2023. Saya juga yakin dengan UMPSA di bawah pentadbiran Naib Canselor yang disokong oleh pengurusan tertinggi, maka seluruh warga UMPSA akan terus berganding bahu bekerjasama dalam menggalas tanggungjawab meneruskan kesinambungan bagi menggerakkan inisiatif strategik yang telah disepakati bersama.

Saya mewakili semua ahli Lembaga Pengarah Universiti mengambil kesempatan menjunjung kasih dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku Canselor UMPSA dan Kebawah Duli yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Pro-Canselor UMPSA yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dalam usaha melestarikan kecemerlangan UMPSA.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, Pro-Canselor 2 UMPSA, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kerajaan Negeri Pahang, Lembaga Pengarah Universiti serta seluruh warga UMPSA atas komitmen dan kepercayaan yang diberikan kepada UMPSA sehingga meletakkan universiti ini sebagai salah sebuah universiti awam yang dikenali dan disegani.

Sekalung penghargaan juga dizahirkan kepada barisan Sidang Editorial dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan UMPSA 2023 sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga komitmen dan kebersamaan ini diteruskan serta ditingkatkan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

**DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR, DGPN.**

Pengerusi Lembaga Pengarah

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



# Laporan Naib Canselor

Setelah mengharungi dua dasawarsa, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) merakamkan pelbagai kisah dan sejarah sepanjang tahun 2023. Bagi mencerminkan komitmen untuk terus meningkatkan kesarjanaan dan mempersiapkan generasi akan datang dengan kemampuan yang diperlukan untuk bersaing secara efektif di peringkat nasional mahupun antarabangsa, UMPSA terus fokus bergerak ke hadapan dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan inovasi serta memperkuat posisinya dalam arena pendidikan tinggi global.

Tahun 2023 juga turut menyaksikan anjakan terbesar universiti apabila Universiti Malaysia Pahang (UMP) dijenamakan sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang telah diperkenan dan dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Penjenamaan universiti kepada UMPSA tatkala berada di puncak kejayaan ini bertepatan dengan visi universiti ke arah sebuah universiti teknologi terunggul tanpa mengubah bidang fokus utama universiti, program pengajian dan enrolmen serta matlamat tujuan penubuhannya. Penjenamaan ini juga terus membina keterlihatan (*visibility*), reputasi dan keupayaan universiti seiring dengan perkembangan serta pencapaian UMPSA sebagai sebuah universiti yang diiktiraf dunia.

Dalam usaha memacu hala tuju universiti tercinta ini agar terus melestarikan kecemerlangannya, segala inisiatif dan usaha yang dilaksanakan adalah berpaksikan kepada iltizam Amanat Naib Canselor Tahun 2023, Pelan Strategik UMPSA 2021-2025 (UMPSA25) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2021-2025 yang melibatkan input daripada semua pemegang taruh di UMPSA.

## LAKARAN KECEMERLANGAN

Perjalanan cemerlang UMPSA dalam tempoh 22 tahun ini turut dinadikan oleh komitmen tinggi warga kerjanya, sama ada di peringkat akademik, pentadbiran mahupun operasi. Hasil komitmen warga universiti ini, pada tahun 2023 UMPSA buat pertama kalinya tersenaraikan dalam *Low Carbon Cities 2030 Challenge* dan telah memenangi Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023. UMPSA Pekan melalui pengiktirafan *Diamond* Kategori Rakan Kongsi bagi *Low Carbon Zone* manakala UMPSA Gambang memperoleh pengiktirafan *Diamond* Kategori Rakan Kongsi bagi *Low Carbon Partner*. Pengiktirafan



atas usaha dan komitmen berterusan universiti dalam memajukan pembangunan bandar mampan dan rendah karbon.

Universiti juga terus melestarikan kecemerlangan apabila konsisten memperbaiki kedudukan *QS Stars World University Rankings* di mana UMPSA berada di kedudukan 781-790 terbaik dunia dan kesepuluh di Malaysia. Manakala kedudukan *THE World University Rankings* pula UMPSA berada di kedudukan 601-800 di dunia dan kedudukan kelapan di Malaysia. Bagi kedudukan *THE World University Rankings Young* meletakkan UMPSA di kedudukan 201-250 di dunia dan ketiga di Malaysia.

Bagi kedudukan *UMPSA In Sustainability* pula, *UI Green Metric World University Rankings* pula meletakkan UMPSA di kedudukan ke-68 dunia dan keempat di Malaysia. *THE Impact Rankings* pula UMPSA berada di tangga ke 301-400 dunia dan di tangga kelapan di Malaysia. Malah, UMPSA terus kekal unggul apabila kesemua kedudukan ini meletakkan UMPSA di tangga teratas dalam kalangan universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Kedudukan ranking yang baik ini terus memastikan UMPSA berada di landasan terbaik untuk menjadi sebuah universiti teknologi terunggul menjelang 2050.

## KEUNGGULAN AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

- Pengukuran kepuasan pelanggan menggunakan model SERVQUAL.

### Teras 5B: Sumber Manusia yang Sejahtera

Jadual 40: Pencapaian Peratus Capai Sumber Manusia yang Sejahtera


PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 5B: Sumber Manusia yang Sejahtera</b>					
1. Prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan staf UMPSA	Peratusan penurunan prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan warga kerja UMPSA	6.39%	1%	6.39%	<b>100%</b>
2. Kes jenayah dan kemalangan jalan raya dalam kalangan staf dan pelajar	Peratusan maksimum kes jenayah dan kes kemalangan jalan raya	0.09%	0.10%	0.26%	<b>38%</b>

**Nota**

- Bagi KPI 5B(2), faktor yang menyumbang terhadap peningkatan kes adalah peningkatan penggunaan kenderaan mikromobiliti dalam kalangan pelajar. (64 peratus kemalangan jalan raya melibatkan e-skuter Beam). Selain itu, kemasukan pelajar baharu yang baharu menyesuaikan diri dengan peraturan di dalam kampus juga antara sebab peningkatan kes kemalangan jalan raya.
- Penguatkuasaan secara aktif berpandukan kepada Peraturan Lalu Lintas Jalan 2016 yang telah dipinda (melibatkan kenderaan mikromobiliti).

## 5B(2) Kes Jenayah dan Kemalangan Jalan Raya dalam Kalangan Staf dan Pelajar


**Carta 11: Bilangan Kes Jenayah dan Kemalangan Jalan Raya dalam Kalangan Staf dan Pelajar Tahun 2023**



**Jadual 41: Pencapaian Peratus Capai Sumber Manusia yang Sejahtera**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 5B: Sumber Manusia yang Sejahtera</b>					
1. Ekosistem OkUMPSA yang inklusif dan kondusif.	Peratusan skor audit Sistem My-U OKU	70%	75%	80%	100%

**Carta 12: Ekosistem OkUMPSA yang Inklusif dan Kondusif**



### 5B(3) Ekosistem OkUMPSA yang Inklusif dan Kondusif

**Jadual 42: Perincian Ekosistem OkUMPSA yang Inklusif dan Kondusif**

BIL.	INISIATIF UTAMA	PROJEK/ AKTIVITI	PERANCANGAN PELAKSANAAN	LAPORAN KEMAJUAN SEHINGGA Q4 2023
1.	Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK DAMAi)	Sesi pembelajaran dijalankan mengikut jadual kelas harian yang telah disediakan	Mencapai bilangan minimum bagi pelatih PPDK iaitu seramai sepuluh orang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pelatih terkini adalah seramai sembilan orang</li> <li>Enam orang pelajar OKU UMPSA</li> <li>Tiga orang pelatih daripada komuniti luar</li> <li>Iklan bagi pengambilan pelatih telah diuar-uarkan dalam platform media sosial PPDK DAMAi</li> </ul>
2.	Seminar Pemerkasaan Ekosistem Inklusif di Universiti Awam anjuran KPT pada 26 September 2023	Pembentang bagi Perkongsian Amalan Terbaik PPDK DAMAi	Memperkasakan ekosistem inklusif OKU di universiti awam (UA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>PPDK DAMAi dapat diperkongsikan bersama ahli jemputan dalam seminar tersebut.</li> </ul>
3.	Sesi Libat Urus Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Dasar Ekosistem Inklusif Orang Kurang Upaya (OKU) di Universiti Awam pada 19 Disember 2023	Penubuhan Jawatankuasa Pemandu bagi Pelaksanaan Dasar Ekosistem Inklusif	Garis masa pelaksanaan bermula dari Januari sehingga Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbincangan awal yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Ahmad Rizal Adnan dan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Dasar Ekosistem Inklusif OKU di Universiti Awam (UA)</li> </ul>
4.	Kursus Asas Bahasa Isyarat	Latihan bersasar	Platform bagi staf dan pelajar UMPSA bagi mempelajari Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 84 staf UMPSA telah menghadiri khusus ini dan setiap yang hadir dijadikan sebagai perintis Bahasa Isyarat UMPSA (KARIB ISYARAT)</li> </ul>

## Teras 5C: Kampus Pintar dan Lestari

**Jadual 43: Pencapaian Peratus Capai Kampus Pintar dan Lestari**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 5C: Kampus Pintar dan Lestari</b>					
1. Pembangunan Kampus Pintar	Peratusan kemajuan pembangunan Kampus Pintar	84%	80%	80%	<b>100%</b>

**Jadual 44: Inisiatif Utama Berkaitan Keupayaan Infostruktur dan Infrastruktur ICT Berteraskan Teknologi Pintar**

BIL.	INISIATIF UTAMA	PROJEK/AKTIVITI	PERANCANGAN PELAKSANAAN
1.	<i>Virtualized Learning Environment</i>	<i>Virtual Desktop Interface (VDI)</i>	100%
2.	<i>Complete Campus Connectivity</i>	<i>Network Refresh Phase 2</i>	100%
3.	<i>Integrated Command Centre</i>	<i>Smart Surveillance Platform</i>	20%
4.	<i>UMPSA Cloud Document Management</i>	<i>Digital Sign</i>	100%
5.	<i>UMPSA Super App</i>	<i>Phase 1: 8 Modules for Staff</i>	77%
6.	<i>Autonomous Vehicle</i>	<i>Smart Campus Autonomous Vehicle (SCAV) Phase 2</i>	85%
7.	<i>Digital ID</i>	<i>Phase 2: Complete Internal Integrated</i>	40%

**Jadual 45: Pencapaian Peratus Capai Kampus Pintar dan Lestari**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 5C: Kampus Pintar dan Lestari</b>					
2. Pembangunan Kampus Lestari	Peratusan kemajuan pembangunan Kampus Lestari	83.84%	78%	82.93%	<b>100%</b>

**Jadual 46: Perincian Peratusan Kemajuan Pembangunan Kampus Lestari**

BIL.	KATEGORI	MARKAH PENUH KRITERIA UI GREENMETRIX	BASELINE 2021 (UMPSA PEKAN)	MARKAH SASARAN 2023	MARKAH CAPAI 2023
1.	<i>Setting Infrastructure (SI)</i>	1,500	1,275	1,325	1,350
2.	<i>Energy and Climate Change (EC)</i>	2,100	850	1,200	1,550
3.	<i>Waste (WS)</i>	1,800	1,425	1,500	1,575
4.	<i>Water (WR)</i>	1,000	900	900	900
5.	<i>Transportation (TR)</i>	1,800	1,475	1,475	1,425
<b>Jumlah Markah</b>		<b>8,200</b>	<b>5,925</b>	<b>6,400</b>	<b>6800</b>
<b>Peratus %</b>		-	72.26%	78.00%	82.93%

## Objektif Strategik 6: Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan

### Teras 6A: Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa

**Jadual 47: Pencapaian Peratus Capai Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 6A: Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa</b>					
1. Program kerjasama khidmat komuniti antarabangsa	Bilangan rakan kerjasama khidmat komuniti antarabangsa	8	15	20	<b>100%</b>

**Jadual 48: Program Kerjasama Khidmat Komuniti Antarabangsa**

BIL.	NAMA ORGANISASI	IMPAK PROJEK	JENIS KERJASAMA	AKTIVITI
1.	Ademos Indonesia	Program ini memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk belajar tentang tanggungjawab sosial dan keperluan untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ini membantu mereka membentuk nilai-nilai positif dalam diri dan meningkatkan pemikiran kritis mereka terhadap isu sosial.		
2.	Universitas Bojonegoro	Membantu meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam pembangunan lokal seperti Pembangunan infrastruktur, pemeliharaan alam sekitar dan peningkatan ekonomi masyarakat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan.	Memorandum Persefahaman (MoU)	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
3.	Universitas Nahdlatul Ulama Sunan Giri, Bojonegoro	Program ini memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk belajar tentang tanggungjawab sosial dan keperluan untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ini membantu mereka membentuk nilai-nilai positif dalam diri dan meningkatkan pemikiran kritis mereka terhadap isu sosial.		

BIL.	NAMA ORGANISASI	IMPAK PROJEK	JENIS KERJASAMA	AKTIVITI
4.	IKIP PGRI Bojonegoro	Membantu meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam pembangunan lokal, seperti pembangunan infrastruktur, pemeliharaan alam sekitar dan peningkatan ekonomi masyarakat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan.		
5.	Yayasan Mannah Indonesia	Program ini memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk belajar tentang tanggungjawab sosial dan keperluan untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ini membantu mereka membentuk nilai-nilai positif dalam diri dan meningkatkan pemikiran kritis mereka terhadap isu sosial.	Memorandum Persefahaman (MoU)	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

## Teras 6B: Pengantarabangsaan Graduan

Jadual 49: Pencapaian Peratus Capai Pengantarabangsaan Graduan

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 6B: Pengantarabangsaan Graduan</b>					
1. Pelajar antarabangsa	Peratusan pelajar antarabangsa	3.74%	5%	4.02%	<b>80%</b>

Gambar Rajah 14: Perincian Pelajar Antarabangsa di UMPSA Tahun 2023



Jadual 50: Perincian Pelajar Prasiswazah Antarabangsa Tahun 2023



BIL.	PRASISWAZAH	
	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
1.	Diploma	0
2.	Ijazah Dual	0
3.	Sarjana Muda	175
4.	<i>Preparatory Intensive English (PIE)</i>	9
5.	Program Transfer	3
6.	Program Mobiliti ( <i>Inbound</i> )	94
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>281</b>

Jadual 51: Perincian Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa Tahun 2023


BIL.	PRASISWAZAH	
	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
1.	Sarjana	99
2.	Sarjana (Kerja Kursus)	8
3.	Sarjana ( <i>Mixed Mode</i> )	1
4.	Doktor Falsafah (PhD)	265
5.	<i>Pre-sessional English Course (PEC)</i>	0
6.	Program mobiliti ( <i>Inbound</i> )	26
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>399</b>

**Jadual 52: Pencapaian Peratus Capai Pengantarabangsaan Graduan**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 6B: Pengantarabangsaan Graduan</b>					
2. Pelajar mengikuti program mobiliti di luar negara	Peratusan pelajar mengikuti program mobiliti di luar negara	0.338%	3%	2.99%	<b>99.67%</b>
3. Pelajar mengikuti latihan industri di luar negara	Bilangan pelajar mengikuti latihan industri di luar negara	29	30	53	<b>100%</b>

**Carta 13: Bilangan Pelajar Menjalani Latihan Industri di Luar Negara****Carta 14: Bidang Pengajian Latihan Industri di Luar Negara****Jadual 53: Pencapaian Peratus Capai Pengantarabangsaan Graduan**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 6B: Pengantarabangsaan Graduan</b>					
4. Graduan bekerja di luar negara	Bilangan graduan bekerja di luar negara	35	50	75	<b>100%</b>

**Carta 15: Bilangan Graduan Bekerja di Luar Negara**

## Teras 6B: Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan

**Jadual 54: Pencapaian Peratus Capai Pengantarabangsaan Graduan**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENYATAAN SASARAN	CAPAI 2022	2023		
			SASAR	CAPAI	PERATUS CAPAI
<b>Teras 6C: Keusahawanan Graduan</b>					
1. Syarikat pelajar yang mempunyai perniagaan berimpak	Jumlah syarikat pelajar mencapai keuntungan minimum yang diunjurkan	24	30	36	100%

**Nota:**

Perniagaan berimpak pelajar diukur menggunakan rubrik yang menilai empat elemen iaitu:

- Pendapatan perniagaan
- Peratusan keuntungan
- Bilangan staf
- Bilangan cawangan

**Jadual 55: Perincian Syarikat Pelajar yang Mempunyai Perniagaan Berimpak**

MARKS	RATING	KATEGORI	PENERANGAN
<15	B-	No Impact	Perniagaan tidak berimpak dan mengalami kerugian
16 < 40	B+	Freelancer	Perniagaan yang mampu menjana pendapatan dan menggaji diri sendiri
41 < 60	A	Job Creator	Perniagaan yang mampu menggaji pekerja dan diri sendiri
61 < 80	AA	Impactful	Perniagaan berimpak, berkembang dan menggaji pekerja dan diri sendiri
81 < 100	AAA	Icon	Perniagaan yang berimpak tinggi dan menjadi ikon kepada usahawan pelajar

**Jadual 56: Pencapaian Peratus Capai Pengantarabangsaan Graduan**

BIL.	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN	RATING (KATEGORI)
1.	Azrul Azuan Ahmad	Makanan (Oden)	B+ (Freelancer)
2.	Anang Rustanto Suwito	Makanan (Shawarma)	A (Job Creator)
3.	Nik Mohamad Fahmi Sabri	Makanan (Ayam Gunting)	B+ (Freelancer)
4.	Nurhaiqal Faqrur Islam Norashid	Perkhidmatan Urutan	B+ (Freelancer)
5.	Nurshahira Hafiza Zakaria	Makanan (Kek Hokaido dan Biskut)	B+ (Freelancer)
6.	Nurtasha Syahira Rajali	Makanan (Asam Mangga dan Aneka Makanan)	B+ (Freelancer)
7.	Muhammad Harith Ikhwan Mohd Radzuan	Makanan (Choco Jar)	B+ (Freelancer)
8.	Edzannizam Ramlan	Perkhidmatan Membaki Komputer Riba dan Telefon Pintar	B+ (Freelancer)
9.	Nuraisyah Ashikin Razaruddin	Perkhidmatan Percetakan	B+ (Freelancer)
10.	Putera Mikael Heikal Syhaiful Afanddi	Makanan (Choco Jar)	B+ (Freelancer)
11.	Sofia Afifah Hazemi	Makanan Haiwan (Kucing)	B+ (Freelancer)
12.	Muhammad Syafiq Aiman Suhirman	Jualan Pakaian	B+ (Freelancer)

# Keunggulan TVET Aras Tinggi (Termaju)

---



Keunggulan TVET aras tinggi (Termaju) bertujuan untuk menghasilkan graduan holistik yang dipacu bersama komuniti melalui program TVET aras tinggi (Termaju). Untuk mencapai objektif ini, tiga penekanan utama digariskan iaitu graduan holistik, program TVET aras tinggi (Termaju) dan bersama komuniti. Penekanan ini diturunkan kepada dua teras strategik iaitu 1A - Graduan Holistik dan 1B - Akademik Bersama Komuniti.

Program TVET aras tinggi (Termaju) merujuk kepada program di tahap enam dan ke atas dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Ia mempunyai integrasi kemahiran dan pengetahuan tahap tinggi yang mengandungi elemen kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kritis, inovasi, pengurusan, penyeliaan dan keusahawanan bagi memenuhi keperluan pekerjaan. UMPSA komited menawarkan 70 peratus program berteraskan TVET aras tinggi (Termaju) dan 30 peratus program berfokus.

Program TVET aras tinggi (Termaju) adalah program Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan manakala program berfokus pula adalah program Kejuruteraan dan Pengurusan. Perbezaan utama di antara program TVET aras tinggi (Termaju) dan berfokus adalah peratusan pembahagian pembelajaran teoritikal dan praktikal. Program TVET aras tinggi (Termaju) mempunyai sekurang-kurangnya 50 peratus elemen praktikal manakala program berfokus memberi penekanan elemen teoritikal yang lebih tinggi. Namun, kesemua program akademik dibangunkan bersama komuniti agar hasil pembelajaran menepati keperluan semasa.

**Menghasilkan graduan holistik yang dipacu bersama komuniti melalui program TVET aras tinggi (Termaju)**

**1 A: Graduan Holistik**

**1 B: Akademik Bersama Komuniti**



## Keunggulan TVET Aras Tinggi (Termaju)

### Graduan Holistik

Teras pertama ialah penghasilan graduan holistik yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pembangunan pelajar yang holistik ini dilakukan melalui pembelajaran di kuliah dan luar kuliah.

### Kebolehpasaran Graduan




Gambar Rajah 15: Pencapaian  
Kebolehpasaran Graduan Tahun 2023

90%  
Sasar

97.3%  
Capai

## Kemasukan Pelajar

**Gambar Rajah 16: Pecahan Kemasukan Pelajar Tahun 2023**



**Jadual 57: Perincian Kemasukan Pelajar dalam Pelbagai Bidang Tahun 2023**

BIL.	BIDANG PENGAJIAAN	PERINCIAN	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
1.	Ijazah Sarjana Muda	Februari Semester II Sesi Akademik 2022/2023	389	2,514
		Semester I Sesi Akademik 2023/2024	2,125	
2.	Ijazah Dual	Februari Semester II Sesi Akademik 2022/2023	5	53
		Semester I Sesi Akademik 2023/2024	48	
3.	Diploma	Semester I Sesi Akademik 2022/2023 (Ambilan UPU)	709	737
		(Ambilan PUPW)	28	
4.	Asasi	Semester I Sesi Akademik 2022/2023	39	39
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>3,343</b>

Jumlah kemasukan pelajar pascasiswazah tahun 2023 adalah seramai 299 orang iaitu 227 orang pelajar tempatan dan 72 orang pelajar antarabangsa. Manakala, enrolmen mobiliti antarabangsa adalah seramai 16 orang.

**Gambar Rajah 17: Pecahan Kemasukan Pelajar Pascasiswazah Tahun 2023**



## Enrolmen Pelajar



Jumlah enrolmen keseluruhan pelajar UMPSA pada tahun 2023 ialah seramai 16,731 orang (tidak termasuk mobiliti antarabangsa). Daripada jumlah itu, seramai 14,967 orang jumlah keseluruhan pelajar prasiswazah (tidak termasuk mobiliti antarabangsa). Manakala, enrolmen pelajar pascasiswazah adalah seramai 1,764 orang.

**Gambar Rajah 18: Enrolmen Pelajar Prasiswazah Tahun 2023**



**Gambar Rajah 19: Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Tahun 2023**



## Pascasiswazah

252

Jumlah Graduan Program Pascasiswazah Tahun 2023

**Gambar Rajah 20: Jumlah Graduan Program Pascasiswazah**

80

Doktor Falsafah (PhD)

85

Sarjana (Penyelidikan)

76

Sarjana (Kerja Kursus)

11

Sarjana (Mod Campuran)

**Gambar Rajah 21: Jumlah Enrolmen Pelajar Antarabangsa**

264

Doktor Falsafah (PhD)

99

Sarjana (Penyelidikan)

5

Sarjana (Kerja Kursus)

1

Sarjana (Mod Campuran)

4

Mobiliti

Jumlah

Enrolmen Pelajar

Antarabangsa

Tahun 2023

373

**Gambar Rajah 22: Jumlah Enrolmen Pelajar Pascasiswazah**

859

Doktor Falsafah (PhD)

662

Sarjana (Penyelidikan)

216

Sarjana (Kerja Kursus)

27

Sarjana (Mod Campuran)

1,764

Jumlah Enrolmen Pelajar  
Pascasiswazah

### Nota

- Perincian adalah termasuk pelajar aktif, tangguh pengajian, tamat pengajian, berhenti, diberhentikan, gagal dan meninggal dunia (termasuk pelajar mobiliti dan *summer program* sehingga 31 Disember 2023).

UMPSA telah menambah baik Skim Biasiswazah pada tahun 2023 dengan memperkenalkan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar siswazah. Penawaran Skim Biasiswazah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan *academic efficiency* kepada Institut Pengajian Siswazah UMPSA terutamanya dalam usaha

untuk menarik pelajar yang terbaik untuk menyambung pengajian di UMPSA, meningkatkan bilangan kemasukan pelajar, menggalakkan pelajar menghasilkan artikel jurnal yang berkualiti dan meningkatkan bilangan pelajar yang mencapai status *Intake Graduate on Time* (IGOT).

**Gambar Rajah 23: Bilangan Slot Skim Biasiswazah DRS dan MRS yang Ditawarkan Pada Tahun 2023**

5

Biasiswa Naib  
Canselor

10

*Doctoral Research Scheme*  
(DRS) Jom Sambung Doktor  
Falsafah (PhD)

10

*Masters Research Scheme*  
(MRS) Jom Sambung Master

210

Skim Mahasiswa  
Holistik

10

Skim Penyeliaan

155

Skim Pembantu Pengajar

5

*Doctoral Research Scheme*  
(DRS) Promosi

## Penganugerahan dan Pengijazahan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku Canselor UMPSA berkenan berangkat bagi menyempurnakan Istiadat Pemasuhan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan pengurniaan watikah

pemasuhan Pro-Canselor UMPSA kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersempena Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18 pada 21 hingga 24 Oktober 2023 di Dewan Kompleks Sukan UMPSA Kampus Gambang.



**Gambar Rajah 24: Bilangan Program Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2023**

Pada tahun 2023, seramai 4,854 graduan menamatkan pengajian iaitu 1,273 orang graduan diploma (termasuk diploma eksekutif/profesional), 2,762 orang graduan sarjana muda (termasuk dual ijazah dan bacelor eksekutif), 749 orang graduan sarjana (termasuk master eksekutif) dan 70 orang graduan Doktor Falsafah (PhD).

<b>4,854</b>	<b>70</b>	<b>749</b>
Jumlah Keseluruhan	Doktor Falsafah (PhD)	Sarjana
	<b>2,762</b>	<b>1,273</b>
	Sarjana Muda	Diploma

**Jadual 58: Bilangan Graduan Mengikut Program Tahun 2023**

<b>PROGRAM PRASISWAZAH</b>		<b>PROGRAM PASCASISWAZAH</b>		<b>UMPSA ADVANCED</b>	
Sarjana Muda	2,284	Doktor Falsafah	70	Master Eksekutif	588
Ijazah Dual	34	Sarjana (Penyelidikan)	75	Bacelor Eksekutif	444
Diploma	858	Sarjana (Kerja Kursus)	75	Diploma Eksekutif atau Profesional	415
<b>JUMLAH</b>	<b>3,176</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>231</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>1,447</b>
		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4,854</b>	



## Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus

Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dato' Ts. Dr. Mortaza Mohamed yang merupakan penganugerahan tertinggi akademik atas pelbagai sumbangan yang telah dicurahkan kepada universiti dan pendidikan tinggi negara. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Kampus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Cawangan Pahang pada tahun 1998 dan terlibat dalam penubuhan

Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-16 di Malaysia pada tahun 2002. Sepanjang perkhidmatan beliau di UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Mortaza juga merupakan Timbalan Rektor dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang pertama di UMPSA.

## Perhubungan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan



Alumni Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan Kepujian, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) UMPSA, Leftenan (PA) Kang Wei Xian dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menyertai misi mencari dan menyelamat tragedi gempa bumi di Adiyamen, Turkiye. Beliau juga pernah bertindak sebagai Ketua Operasi mencari dan menyelamat di Batang Kali.

**Gambar Rajah 25: Perincian Statistik Alumni Tahun 2023**



**Gambar Rajah 26: Perincian Perhubungan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan**

#### KOLABORASI STRATEGIK

- Sesi Libat Sama dan Meja Bulat Alumni UMPSA bersama Pusat Bahasa Moden bagi Penambahbaikan Komunikasi Efektif dalam kalangan Graduan TVET
- Sesi Libat Sama *Industry Network Alumni Platform* (INAP) bersama Naib Canselor
- Sesi Libat Sama Pusat bersama Penyelaras Alumni Fakulti
- Sesi Libat Sama dan kunjungan Pahang Skills Development Centre (PSDC) berkenaan Latihan Kebolehpasaran Graduan
- Sesi Libat Sama bersama Akar Indah Engineering Sdn. Bhd. berkenaan Latihan Industri dan Kebolehpasaran Graduan



#### JARINGAN DAN KERJASAMA

- Majlis Temu Mesra Alumni Sabah@Kota Kinabalu, Sabah
- Majlis Temu Mesra Alumni Utara dan Libat Sama Industri@Pulau Pinang
- Majlis Hi-Tea bersama Alumni Program Ijazah Dual dan Industri Jerman

#### KHIDMAT KOMUNITI

- Alumni Turun Padang@Sekolah Menengah Sains Tuaran (SMESH), Sabah

#### PENANDA ARAS

- Lawatan Penanda Aras ke Pusat Jaringan Alumni (ANC), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
- Sesi Penanda Aras (Dalam Talian) bersama Pusat Perhubungan Alumni-Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### ALUMNI PRIHATIN

- Ziarah prihatin ke rumah keluarga alumni Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM), Almarhumah Asniza Adek@Che Ahmad yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya
- Sumbangan ikhlas kepada alumni Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), Nurfarazila Ramli yang ditimpa musibah kesihatan
- Sumbangan ikhlas kepada keluarga alumni Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), Almarhum Mohammad Shahrin Roslan yang meninggal dunia akibat kanser

#### PEMERKASAAN MAHASISWA

- Sumbangan RM10,000.00 untuk geran pemerkasaan mahasiswa oleh alumni Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA), Muhammad Redzuad Abdul Rask
- Alumni Homecoming sempena Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UMPSA 2023



#### ALUMNI PRIHATIN

- Sesi Semakan dan Pengesahan Sistem OSCAR 2.0 (pangkalan data Alumni) bersama Pusat Teknologi Digital (DiTec) UMPSA
- Sesi Penambahbaikan Sistem bersama Pusat Teknologi Digital (DiTec) UMPSA dan Vendor

#### MAJLIS KONVOKESYEN UMPSA KE-18

- Sesi serahan cenderamata kenangan alumni dan pendaftaran Sistem OSCAR 2.0
- Sesi *Chit Chat UMPSAIAN* bersama Pengarah Alumni-UMPSA sempena Ekspokonvokesyen Ke-18



## Perakuan Akreditasi

Bagi memastikan program yang ditawarkan di UMPSA mematuhi aspek-aspek yang telah ditetapkan dalam *Malaysian Qualification Frameworks* (MQF) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), penilaian akreditasi telah dilaksanakan oleh Badan Akreditasi/Badan Profesional. Pada tahun 2023, sebanyak sepuluh program telah mendapat perakuan Akreditasi Penuh dan sejumlah empat program pula diberi perakuan Akreditasi Sementara. Perakuan Akreditasi Sementara

dan Akreditasi Penuh ini merangkumi tahap pengajian program di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana mahupun doktor falsafah di UMPSA. UMPSA mendapat perakuan akreditasi oleh tiga badan berkenaan iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang merangkumi tahap pengajian program di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

**Gambar Rajah 27: Program Perakuan Akreditasi Tahun 2023**

AKREDITASI SEMENTARA	AKREDITASI PENUH
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Sains Kecerdasan Buatan</li> <li>• Sarjana Sains Keselamatan Siber</li> <li>• Sarjana Sains Transformasi Digital</li> <li>• Sarjana Kejuruteraan Petroleum</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diploma Sains Industri</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak dan Gas dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Farmaseutikal) dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi</li> </ul>




**Gambar Rajah 28: Program Perakuan Akreditasi Tahun 2023**

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)	LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (BEM)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diploma Sains Industri</li> </ul> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Farmaseutikal) dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga dan Persekitaran) dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan Kepujian</li> <li>• Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam</li> <li>• Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal</li> </ul> 


  

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak dan Gas dengan Kepujian</li> </ul> 

**Carta 16: Lawatan Penilaian Akreditasi Program Akademik Tahun 2023**



**Carta 17: Pecahan Perakuan Akreditasi Tahun 2023**



## Kelulusan Program Akademik Baharu



Pada tahun 2023, sejumlah tiga program akademik baharu UMPSA telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

### Program Akademik Baharu UMPSA Diluluskan KPT Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT)

- ✓ Sarjana Sains Kecerdasan Buatan;
- ✓ Sarjana Sains Keselamatan Siber; dan
- ✓ Sarjana Sains Transformasi Digital.

## Penganugerahan Anugerah Akademik Universiti



Anugerah Akademik Universiti (AAU) anjuran Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik merupakan antara anugerah tahunan berprestij UMPSA yang merangkumi dua anugerah utama.

**Gambar Rajah 29: Senarai Anugerah Utama Anugerah AAU**

#### Anugerah Pengajaran

Terdapat tiga kategori: Kejuruteraan, Sains Gunaan dan Sains Sosial. Penyertaan: Staf akademik yang berumur 35 tahun ke atas dan mempunyai pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selama tiga tahun ke atas.

#### Anugerah Ahli Akademik Harapan

Penyertaan: staf akademik yang berumur 34 tahun ke bawah dan mempunyai pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) satu hingga lima tahun (pensyarah muda).

Anugerah ini telah dimulakan pada tahun 2009 melalui Anugerah Pensyarah Cemerlang bagi menghargai jasa ahli akademik yang telah menonjolkan kecemerlangan dan kreativiti dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ia juga dilihat sebagai satu bentuk penghargaan oleh universiti kepada ahli akademik yang telah menunjukkan usaha dan komitmen dalam membentuk pelajar menjadi cemerlang dan bersifat holistik.

Pada tahun 2023, Anugerah AAU telah dibuka untuk penganugerahan bagi tahun 2022. Seramai 16 orang yang telah membuat permohonan iaitu 11 permohonan bagi Anugerah Pengajaran manakala lima orang bagi Anugerah Ahli Akademik Harapan. Daripada permohonan tersebut hanya tujuh orang sahaja yang layak ke peringkat akhir, lima orang finalis Anugerah Pengajaran dan dua orang finalis Anugerah Ahli Akademik Harapan.

**Gambar Rajah 30: Senarai Pemenang Anugerah AAU**

ANUGERAH PENGAJARAN (KATEGORI KEJURUTERAAN)	ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN
<p>Nurul Wahidah Arshad Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)</p>	<p>Noraisah Nurul Fatwa Mohd Razali Pusat Bahasa Moden (PBM)</p>

## Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Seramai 25 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMPSA Sesi 2022/2023 telah mengangkat sumpah menunaikan kewajipan dan taat setia di hadapan Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yusarie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ts. Dr. Mohd Ruslim Mohamed serta pengurusan tertinggi universiti dalam Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023 pada 26 Januari 2023 di Swiss-Belhotel, Kuantan.



## Confucius Institute



### *The 2023 Malaysia Confucius Institute and Confucius Classroom Conference and International Chinese Teachers Sharing Forum*

The 2023 Malaysia Confucius Institute and Confucius Classroom Conference and International Chinese Teachers Sharing Forum pada 2 hingga 3 November 2023 di UMPSA Pekan. Tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk memperkuuh hubungan dan pertukaran pendapat di antara semua CI di seluruh Malaysia. Penyertaan daripada 13 CI selurah Malaysia termasuk lebih daripada 20 orang guru bahasa Cina antarabangsa telah berkumpul untuk berkongsi pengalaman dan idea berkaitan kaedah pengajaran bahasa Cina.

**Gambar Rajah 31: Senarai Pencapaian CI Tahun 2023**

#### **Ujian Kefasihan Bahasa Mandarin (HSK dan HSKK)**

CI UMPSA telah menganjurkan ujian sebanyak enam kali pada tahun 2023 iaitu pada bulan Mac, April, Mei, Jun, Julai dan Ogos 2023. Ia merupakan ujian yang diiktirafkan pada peringkat antarabangsa. Kelulusan sekurang-kurangnya HSK 3 merupakan syarat melanjutkan pelajaran di China, khasnya pelajar-pelajar program ijazah dual UMPSA dengan Beijing Jiaotong Universiti, China.

#### **Kursus Railway Mandarin**

CI UMPSA telah menawarkan Kursus Railway Mandarin untuk *site technician* pada bulan Mac, Jun dan Ogos 2023 untuk penyelidik Makmal Kejuruteraan Rel pula pada Februari 2023. Kursus ini adalah sebahagian daripada Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) untuk *East Coast Rail Link* di UMPSA. Seramai 76 graduan diploma dan sarjana muda yang terlibat dalam latihan ini di UMPSA Kampus Gambang.

**Jadual 59: Senarai Aktiviti CI UMPSA Tahun 2023**

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>Chinese New Year Cultural 2023</i>	5 Januari 2023	
2.	Kunjungan hormat Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Marang	8 Februari 2023	UMPSA Pekan
3.	<i>The 22<sup>nd</sup> Chinese Bridge Competition for Undergraduate East Coast Malaysia Preliminary</i>	9 April 2023	UMPSA Kampus Gambang
4.	<i>The 16<sup>th</sup> Chinese Bridge Competition for Secondary School Students East Coast Malaysia Preliminary</i>	13 April 2023	Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYT) Marang
5.	<i>The 3<sup>rd</sup> Chinese Bridge Competition for Primary School Students East Coast Malaysia Preliminary</i>	18 April 2023	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Gambang, Kuantan
7.	<i>Mid-Autumn Festival Cultural Workshop 2023</i>	26 September 2023	Dalam Talian

## Pensijilan Ulul Albab

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) menawarkan Pensijilan Ulul Albab kepada mahasiswa UMPSA bermula pada tahun 1 sesi pengajian. Pensijilan Ulul Albab diteruskan bagi tahun ketujuh yang bermula pada 2017 dengan kerjasama Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP). Tawaran pengajian ini adalah kepada mahasiswa sepanjang pengajian di UMPSA. Hafazan al-Quran sekurang-kurangnya lima juzuk bagi mendapat prasyahada dari MTNP.

Mahasiswa bukan sahaja mendapat ijazah dalam bidang Kejuruteraan, malah turut mempunyai Pensijilan Tahfiz al-Quran yang membuka ruang lebih luas dalam bidang pekerjaan.

**Yuran:** RM550 Satu Semester

**Tajaan:** Insentif Murojaah: Satu Juzuk RM150.00  
(Basiswaa Yayasan UMPSA)

**Tarikh:** Sepanjang Tahun 2023

**Lokasi:** UMPSA Pekan dan UMPSA Kampus Gambang

### Perincian Staf dan Penyertaan Pelajar Tahun 2023

**16** UMPSA Pekan

**17** UMPSA Kampus Gambang  
**6** Guru Tasmik (Staf PIMPIN)



Jadual 60: Senarai Aktiviti Pensijilan Ulul Albab Tahun 2023

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT	BIL. PENYERTAAN
1.	Daurah Ulul Albab Siri 1	10 hingga 12 Mac 2023	Janda Baik, Pahang	<b>31</b> Pelajar Ulul Albab <b>13</b> UMPSA Pekan <b>18</b> UMPSA Kampus Gambang
2.	Ujian Pengiktirafan Juzuk 1	23 Jun 2023	Pejabat PIMPIN	<b>8</b> Pelajar Ulul Albab • Guru Tasmik daripada MTNP
3.	Daurah Ulul Albab Siri 2	22 Julai 2023	Darul Iman Training Centre (DITC), Kemaman	<b>19</b> Pelajar Ulul Albab
4.	Bengkel Penulisan dan Teknik Hafazan	2 November 2023	Hotel Ancasa Royal, Pekan	<b>28</b> Pelajar Ulul Albab

## Pensijilan Ilmu Turath

Pensijilan Ilmu Turath oleh PIMPIN diteruskan bagi tahun ketiga iaitu bermula pada tahun 2021. Pengajian kitab selama satu semester dan diberikan sijil selepas tamat pengajian.

- Terhad kepada 20 orang pelajar sahaja
- Terbuka kepada pelajar UMPSA
- Pembelajaran hanya satu jam sahaja seminggu
- Tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman
- Pengajian satu kitab 1 semester

**Tempoh Pengajian:** Semester 1 (2022/2023)

**Lokasi:** Dalam Talian

**Kitab:** Aqidatul Awwam

**Penyertaan Pelajar Tahun 2023:** 30 Orang Pelajar




Mahasiswa bukan sahaja mendapat ijazah dalam bidang Kejuruteraan, malah turut mempunyai Pensijilan Kitab Turath dan boleh menjadi tenaga pengajar bagi kitab tersebut.

Jadual 61: Senarai Aktiviti Pensijilan Ilmu Turath Tahun 2023

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT	
1.	Program Daurah Kitab Aqidatul Awwam	14 Januari 2023	UMPSA Kampus Gambang	<b>26</b> Pelajar UMPSA

## Pemasaran dan Promosi Program Akademik

Gambar Rajah 32: Perincian Program Pemasaran dan Promosi Program Akademik Tahun 2023



**Gambar Rajah 33: Kitaran Proses Pengambilan Pelajar Diploma dan Sarjana Muda****Gambar Rajah 34: Carta Alir Proses Pengambilan Pelajar Diploma dan Sarjana Muda**

## Akademik Bersama Komuniti

Teras kedua bagi keunggulan TVET aras tinggi (Termaju) ialah Akademik Bersama Komuniti. Dalam konteks ini, ia berfokus kepada penglibatan komuniti seperti alumni, industri, masyarakat tempatan dan antarabangsa. Kepentingan akademik bersama masyarakat adalah untuk mengurangkan jurang di antara kebolehan graduan yang menepati keperluan industri dengan kebolehan pelajar yang dibina di universiti.

## Latihan Industri Pelajar

Pada tahun 2023, seramai 2,968 orang pelajar UMPSA telah ditempatkan di 1,924 syarikat, firma, institusi atau agensi untuk menjalani program latihan industri (LI). Program latihan industri ini dijalankan dalam tiga mod iaitu tiga bulan terapit semester, enam bulan di hujung pengajian dan *workbased learning* (WBL). Daripada 1,924 tempat menjalani latihan industri tersebut, 462 industri adalah industri premium yang diklasifikasikan berdasarkan

jumlah elaun melebihi RM1,000.00 sebulan. Secara purata, elaun bulanan latihan industri yang diperoleh oleh para pelajar adalah sebanyak RM616.00. Nilai purata tersebut dipengaruhi oleh seramai 276 orang pelajar yang memilih untuk menjalani latihan industri di tempat yang tidak memberi elaun. Dalam pada itu, 472 orang pelajar memperoleh elaun lebih daripada RM1,000.00.

**2,968**  
Jumlah Pelajar Mengikuti Latihan Industri Tahun 2023


Gambar Rajah 35: Pecahan Latihan Industri Pelajar Tahun 2023

<b>1,924</b>	Industri	<b>RM616</b>	Purata Elaun Bulanan (Elaun Bulanan >RM1,000)
<b>462</b>	Industri Premium	<b>740</b>	Pelajar Jalani Latihan Industri Premium




Pada tahun 2023, *e-Log Book* telah diwujudkan dan digunakan secara meluas dalam program latihan industri. Pusat Kerjaya (UMPSACC) telah menjalankan dua kali taklimat latihan industri berskala besar pada Januari dan Oktober 2023. Latihan yang dijalankan adalah berkaitan etika, komunikasi berkesan, *curriculum vitae* (CV), penampilan diri dan kemahiran temu duga. Pada Disember 2023, seramai 45 orang pelajar menjalani program *LI by Design for Premium Industri* dan 70 orang pelajar menjalani LI luar negara.

Carta 18: Purata Elaun Bulanan Tahun 2023



Gambar Rajah 36: Aktiviti Pusat Kerjaya UMPSA Berkenaan Latihan Industri Tahun 2023



Taburan tempat latihan industri di seluruh negara adalah menunjukkan penumpuan di negeri Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, dan Kelantan. Manakala syarikat yang terbanyak mengambil pelajar untuk latihan industri didahului oleh Kerjaya Prospek, Celestica Electronics, Infenion Technologies, FGV; Jabil; Petronas dan lain-lain. Secara keseluruhannya, syarikat yang banyak mengambil pelajar ialah *multi-national company* (MNC).

**Gambar Rajah 37: Perincian Bilangan Industri Mengikut Negeri Tahun 2023**



**Gambar Rajah 38: Perincian Industri dan Bilangan Pelajar Latihan Industri**

27	Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.	16	Celestica Electronics (M) Sdn. Bhd.
16	Infenion Technologies Sdn. Bhd.	14	FGV Palm Industries Sdn. Bhd.
14	Jabil Circuit Sdn. Bhd.	14	Petronas
12	UMP Keraglow Sdn. Bhd.	11	Isuzu Hicom Malaysia Sdn. Bhd.
11	Kaneka (Malaysia) Sdn. Bhd.	10	Coherent Malaysia Sdn. Bhd.
10	Heitech Padu Berhad	10	Perodua Manufacturing Sdn. Bhd.
10	Prasarana Malaysia Berhad	9	Air Kelantan Sdn. Bhd.
9	AQ Wise Sdn. Bhd.	9	GC Logistic Sdn. Bhd.
9	Novugen Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd.	8	B Braun Medical Industries Sdn. Bhd.
8	Cybersecurity Malaysia	7	Adaptive Netpoleon Malaysia Sdn. Bhd.
7	Besi Apac Sdn. Bhd.	7	Celestica Malaysia Sdn. Bhd.
7	Duopharma Hapi Sdn. Bhd.	7	FPG Oleochemicals Sdn. Bhd.
7	Mesiniaga Berhad	7	Robert Bosch Power Tool Sdn. Bhd.
7	Sarawak Energy Berhad	7	Sony EMCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

**Jadual 62: Senarai Program UMPSACC Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Graduate Employability and Industrial Training</i>	13 Januari 2023
2.	Taklimat Latihan Industri Siri 1/2023	17 hingga 18 Januari 2023
3.	<i>Interview Crash Course for AT&amp;S Documents and Oral Communication</i>	3 Februari 2023
4.	Program Grooming Pelajar Latihan Industri ke Akar Indah Engineering Sdn. Bhd.	24 Februari 2023
5.	<i>Student Interview Screening for Akar Indah Sdn. Bhd.</i>	2 Mac 2023

BIL.	PROGRAM	TARIKH
6.	Sesi Temu Duga Calon Latihan Industri ke Jepun (Program Bersama Syarikat Akar Indah Engineering Sdn. Bhd.)	7 Mac 2023
7.	Sesi Penerangan Sistem Mynext Bersama Talentcorp	23 Mac 2023
8.	<i>Crafting Your Career: Resume and Interview Mastery</i>	7 Mei 2023
9.	<i>Huawei Intelligent Day World 2023</i>	9 hingga 10 Mei 2023
10.	<i>Capital Market Graduate Programme</i>	11 Mei 2023
11.	<i>Career Profiling Roadshow</i>	13 hingga 14 Mei 2023
12.	<i>FutureReady 3.0 Info Session by YTAR</i>	17 Mei 2023
13.	<i>From Campus to Career: A Guide to Nailing Interviews and Securing Employment</i>	25 Mei 2023
14.	Resume Pelajar Latihan Industri ke Robert Bosch	1 Jun 2023
15.	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UMPSA	10 hingga 11 Jun 2023
16.	Program <i>Graduate Employability and Industrial Training</i>	7 Julai 2023
17.	Eksplorasi Kerjaya MIDA@MITI Day Pulau Pinang	30 Julai 2023
18.	Eksplorasi Kerjaya MIDA@MITI Day Shah Alam	5 Ogos 2023
19.	Video Resume Workshop: <i>Boost Your Digital Brand</i>	24 Ogos 2023
20.	<i>Be Digital Petronas UMT Bootcamp</i>	2 hingga 13 September 2023
21.	Career Talk Featuring The Managing Director Flow Tech Services Sdn. Bhd.	13 Oktober 2023
22.	<i>Industry Expectation on TVET Graduates</i>	18 Oktober 2023
23.	<i>The Journey from Engineering to Entrepreneur</i>	22 November 2023

## Confucius Institute





## CI UMPSA Tawar Kursus Mandarin for Kids

CI UMPSA telah menawarkan Kursus *Mandarin for Kids* sepanjang cuti persekolahan dari 18 Disember hingga 22 Disember 2023 di UMPSA Pekan dan UMPSA Kampus Gambang. Seramai 15 orang anak-anak staf UMPSA telah berjaya menamatkan kursus *Mandarin for Kids*. Program ini merupakan program cuti sekolah bagi memberikan pendedahan pembelajaran bahasa Mandarin kepada kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

## Kolaborasi Industri dan Masyarakat

Jadual 63: Senarai Persidangan Meja Bulat Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) Tahun 2023

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Program dianjurkan bersama Pusat Kerjasama Strategik Akademik dengan tema 'A Global Perspective on The Landscape of Sustainable Development: Where Do We Go From Here' melibatkan Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA), Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan BASF.	7 September 2023	UMPSA Pekan
2.	Program anjuran bersama Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI) UMPSA dan pihak Gebeng Industrial Support Group (GISG) yang melibatkan 15 industri	9 Oktober 2023	Hotel Swiss Garden, Kuantan
3.	Program JPT-KPT <i>Industry Roundtable Discussion Series</i> (Zon Timur) yang telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dato' Mohd Sharil Abdullah telah menghimpunkan sebanyak 26 industri dan agensi Zon Timur	27 November 2023	Hotel Zenith, Kuantan




**Gambar Rajah 39: Senarai Syarahan Industri PJIM Tahun 2023**

5


- Advanced Techonology & Solution (AT&S)
- Bosch Rexroth Sdn. Bhd.
- TNB GSPARX
- Huawei Malaysia
- IJM Corporation Berhad

**Carta 19: Perincian Jalinan Kerjasama Tahun 2023**

89

**Carta 20: Perincian Program Komuniti Mengikut Kluster Tahun 2023**

73

**Gambar Rajah 40: Perincian Program Profesor Turun Padang Tahun 2023**



## Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Pahang

Lebih **4,000**  
kehadiran  
direkodkan

**22**  
Reruai dari  
pelbagai agensi

**20**  
Aktiviti interaktif  
telah diadakan

Perkongsian pengalaman di  
angkasa lepas oleh Angkasawan  
Pertama Negara, Dato' Dr. Sheikh  
Muszaphar Shukor Al-Masrie  
Sheikh Mustapha

Gambar Rajah 41: Senarai Projek Alam Tahun 2023



## Persidangan Akademia

Jadual 64: Senarai Persidangan Akademia Peringkat Antarabangsa Tahun 2023

BIL.	PROGRAM	PENGANJUR	KERJASAMA	TARIKH
1.	<i>2<sup>nd</sup> International Conference on Human Sciences and Civilisations (ICHSC2023)</i>	Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Universitas Islam Raden Rahmat Malang, Indonesia</li> </ul>	8 hingga 9 Ogos 2023
2.	<i>7<sup>th</sup> International Conference on Electrical, Control and Computer Engineering (InECCE2023)</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	<ul style="list-style-type: none"> <li>University College TATI</li> </ul>	22 Ogos 2023
3.	<i>4<sup>th</sup> International Conference on Applied and Industrial Mathematics and Statistics 2023 (ICOAIMS 2023)</i>	Pusat Sains Matematik (PSM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Malaysian Mathematical Sciences Society (PERSAMA)</li> <li>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li> </ul>	22 hingga 24 Ogos 2023

BIL.	PROGRAM	PENGANJUR	KERJASAMA	TARIKH
4.	<i>8<sup>th</sup> International Conference on Software Engineering and Computer Systems 2023 (ICSECS 2023)</i>	Fakulti Komputeran (FK)	• Institute of Electrical and Electronics Engineers	25 hingga 27 Ogos 2023
5.	<i>7<sup>th</sup> The International Conference on Mechanical Engineering Research (ICMER2023)</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	• The University of Mindanao, Philippines	12 September 2023
6.	<i>World Sustainable Construction Conference Series 2023 (WSCC2023)</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	• Universiti Sains Malaysia • Universitas Syiah Kuala	13 hingga 14 Oktober 2023
7.	<i>Malaysia Confucius Institute Conference and International Chinese Teachers Sharing Forum</i>	Confucius Institute (CI)	-	2 November 2023

## Pengajaran dan e-Pembelajaran

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan bagi menerajui Agenda e-Pembelajaran UMPSA sejak Januari 2016.


**Gambar Rajah 42: Fungsi-fungsi PSPe**



**Gambar Rajah 43: Senarai Inisiatif PSPe**

## Pembelajaran Teradun Sokongan (PTS)


KALAM adalah platform Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan oleh staf akademik, tenaga pengajar dan para pelajar di UMPSA bagi mengukur pencapaian Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*). Secara purata, pencapaian keseluruhan PTS bagi tahun 2023 adalah sebanyak 96 peratus.

**Carta 21: Perbandingan Pencapaian PTS UMPSA Tahun 2023****Carta 21: Pencapaian PTS UMPSA Tahun 2023**

## Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

PTG adalah kaedah yang diterapkan ke dalam kurikulum fleksibel dalam bentuk pembangunan dan penawaran kursus *Modular* dan *Micro-Credentials*. Pelantar yang digunakan bagi penawaran kursus *Modular* dan *Micro-Credentials* (kursus dalaman UMPSA) adalah melalui KALAM dan TINTA. Manakala penawaran

kursus *Modular* dan *Micro-Credentials* kepada komuniti luar UMPSA adalah melalui pelantar *Cred-B* iaitu para pengguna atau pelajar boleh belajar secara kendiri (*self-paced learning*). Secara puratanya, pencapaian PTG bagi 2023 adalah sebanyak 25 peratus.

**Carta 22: Perbandingan Pencapaian PTS UMPSA Tahun 2023****Carta 24: Perbandingan Pencapaian PTG UMPSA Tahun 2023**

## Massive Open Online Courses (MOOC)

MOOC adalah satu kaedah pembelajaran kendiri yang ditawarkan melalui pelantar *Cred-B* kepada para pelajar UMPSA dan juga komuniti luar. Kaedah pembelajaran kendiri melalui MOOC ini memberikan banyak kebaikan dan manfaat kepada sistem pendidikan tinggi Malaysia kerana kaedah ini dapat meningkatkan lagi enrolmen pelajar, mempertingkatkan kualiti pengajaran, mengantaralangsakan institusi pendidikan tinggi (IPT)

dan mengurangkan kos penyampaian kandungan kursus. Ia sekali gus dapat mempertingkatkan lagi penjenamaan UMPSA pada peringkat antarabangsa. Antara kursus MOOC yang ditawarkan oleh UMPSA adalah seperti *Data Structure and Algorithms* dan *System Analysis and Design*. Kursus ini juga ditawarkan di pelantar udemy.my dengan kerjasama BINUS University (Indonesia).

## Kursus Micro-Credentials (MC)

Kursus *Micro Credentials* (MC) UMPSA ditawarkan kepada komuniti dalam dan luar UMPSA melalui pelantar *Cred-B*. Sehingga Disember 2023, sebanyak 50 kursus atau modul bagi *Micro-Credentials* (MC) UMPSA telah ditawarkan dengan mencatatkan enrolmen seramai 879 orang pelajar (komuniti luar UMPSA).

**Gambar Rajah 44: Perincian Kursus MC Tahun 2023**



## Kursus Micro-Credentials Industri (MCI)

**Gambar Rajah 45: Kursus MCI Tahun 2023**



*TRIZ: Method in Organization Structure and Engineering*



*Project Risk Management*

## Global Classroom (GC)

GC adalah salah satu inisiatif di bawah PSPe yang memperlihatkan kaedah pembelajaran yang merentasi sempadan secara dalam talian yang dijalankan sejak tahun 2018. Peningkatan statistik bagi penganjuran sesi PdP di bawah inisiatif GC mencerminkan penerimaan yang baik dan menggalakkan daripada fakulti serta juga tenaga pengajar. UMPSA juga telah menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi yang menjalankan

inisiatif GC seperti seperti *Collaborative Open Online learning (COIL)* - SUNY COIL yang berpangkalan di State University of New York, Amerika Syarikat dan juga Kansai University atau dikenali sebagai KU COIL, Jepun serta lain-lain rakan kerjasama seperti BINUS dan juga UNISA, Indonesia. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 107 sesi atau aktiviti di bawah inisiatif GC dicatatkan.

**Gambar Rajah 46: Jumlah Pelaksanaan dan Rakan Kerjasama Inisiatif GC Tahun 2023**



## Siri Latihan (Webinar dan Hibrid)

PSPe dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan lapan siri latihan secara dalam talian dan bersemuka yang berfokuskan kepada inisiatif e-Pembelajaran kepada warga UMPSA sepanjang 2023. Bahan-bahan bagi sesi webinar boleh dimuat turun dari portal rasmi PSPe di [www.cirel.umpsa.edu.my](http://www.cirel.umpsa.edu.my).

**Jadual 65: Senarai Latihan (Webinar dan Hibrid) Dalam Talian Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Webinar: <i>ChatGPT for Academic</i>	7 Februari 2023
2.	Webinar: <i>Road to AKRI, Mastering the Art of Question Design with ChatGPT</i>	11 April 2023
3.	Webinar: <i>Mastering the Art of Question Design with ChatGPT</i>	12 Jun 2023
4.	Webinar: <i>Hands-on Edpuzzle</i>	27 Julai 2023
5.	Webinar: Kategori Pentaksiran Alternatif	16 Ogos 2023
6.	Webinar: Kategori Kurikulum Pengajian Inovatif	
7.	Webinar: Kategori Pengajian Transformatif	18 Ogos 2023
8.	Webinar: Kategori Pembelajaran Imersif (Bersemuka)	

## Program Inovasi Sosial Bersama Komuniti

PSPe menyahut saranan pengurusan UMPSA dengan hasrat menjadikan universiti untuk masyarakat yang bukan sahaja memberi tumpuan dalam aspek akademik semata-mata, malah memberikan perkongsian yang bermanfaat kepada komuniti melalui program khidmat masyarakat. Berkonsepkan ‘Perkongsian Teknologi Pendidikan’, program bersama komuniti ini telah dijalankan oleh PSPe bersama beberapa agensi pendidikan yang terpilih. Program ini memfokuskan kepada pengenalan asas pembangunan bahan

kandungan pembelajaran secara digital sekali gus membantu komuniti dalam mengaplikasikan sistem dan teknologi terkini PdP. Penganjuran program ini selari dengan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di bawah inisiatif Menggalakkan Penggunaan Platform Digital Secara Beretika yang mana menerapkan penggunaan media digital yang beretika ke dalam program akademik dan aktiviti kurikulum di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

**Jadual 66: Senarai Program Inovasi Sosial Bersama Komuniti Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Perkasa Teknologi dalam Pendidikan	15 Februari 2023	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan
2.	Program Inovasi Teknologi Bersama Komuniti Pekan (Kembara Pekan)	17 Jun 2023	UMPSA Pekan
3.	Program Inovasi Teknologi Bersama Komuniti (Pelajar Institusi Pengajian Tinggi)	21 Jun 2023	
4.	Program Inovasi Teknologi Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Karak	26 Julai 2023	Sekolah Menengah Kebangsaan Karak
5.	Program Inovasi Teknologi Bersama Komuniti (Pelajar Institusi Pengajian Tinggi) Siri II	19 Ogos 2023	UMPSA Pekan
6.	Perkongsian Ilmu Teknologi Digital dalam Pembelajaran Bersama Pelajar Sekolah Kebangsaan Tasik Chini, Pekan	14 Disember 2023	Sekolah Kebangsaan Tasik Chini, Pekan

## *International University Carnival on E-Learning (IUCEL 2023)*

UMPSA telah dipilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran International IUCEL2023 pada 25 hingga 26 September 2023 di Dewan Kompleks Bandaraya, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK). Sebanyak 253 produk inovasi teknologi pendidikan berteraskan e-pembelajaran dipertandingkan iaitu sebanyak 40 projek inovasi adalah daripada guru dan pelajar sekolah seluruh Malaysia.

# Inovasi dengan Kolaborasi Industri

---



## Demonstrasi Penggunaan Teknologi Dron Kepada Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Nanas Malaysia (LPNM)

PRInT dijemput untuk membuat demonstrasi penggunaan teknologi dron kepada Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Nanas Malaysia (LPNM) pada 4 November 2023. Ia susulan demonstrasi yang pernah dibuat kepada Lembaga Nanas Pahang sebelum ini. Dron berpotensi digunakan oleh industri nanas untuk taburan baja dan hormon.

Dron yang digunakan dalam demonstrasi ini adalah dron yang dihasilkan oleh penyelidik PRInT melalui geran PDU213214 bertajuk '*Optimized Design Agricultural Drone for Small Scale Farmers*' diketuai oleh Ts. Nazriyah Che Zan. Pasukan PRInT diketuai oleh Ts. Joharizal Johari dan Ts. Nidzamuddeen Ishak.

Parameter-parameter yang diketengahkan adalah kelajuan, kadar semburan air dan ketinggian dron mengikut saiz atau umur pokok nanas. Anggaran penjimatan yang dikira hasil penjimatan tenaga buruh, masa dan penjimatan baja dan hormon adalah sekitar 20 peratus daripada kos asal.



## Kerjasama Industri



**Gambar Rajah 71: Senarai Kerjasama Industri PRInT Tahun 2023**

*Letter of Appointment* (LoA) di antara UMPSA dengan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction ECRL Sdn. Bhd. untuk tempoh bermula Mac 2023 hingga Mac 2024. LOA ini memboleh PRInT yang dilantik sebagai penyedia latihan melaksanakan latihan kepada bakal pekerja-pekerja ECRL khusus bagi *Tester Training Module* dan *Site Technition Training Module*.

**Gambar Rajah 72: Senarai Aktiviti Industri PRInT Tahun 2023**

Aktiviti PdP Melibatkan Kilang Pembelajaran	Aktiviti Kursus Kompetensi Melibatkan Kilang Pembelajaran	Aktiviti Projek Melibatkan Kilang Pembelajaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Smart Modular Mechatronic Teaching Factory</i></li> <li>• <i>Smart Automotive Manufacturing Teaching Factory</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Basic Automation Studio - Hydraulic</i></li> <li>• <i>Bosch Hydraulic – Level 1</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Food Grade Grease</li> </ul>

# Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi

---



Penerokaan teknologi berimpak tinggi merujuk kepada inisiatif penyelidikan yang membawa perubahan positif kepada komuniti. Ini dilakukan dengan menghasilkan ilmu pengetahuan baharu dan teknologi baharu (*cutting-edge knowledge and technology*). Dengan terhasilnya ilmu dan teknologi baharu, pasaran baharu berpotensi diwujudkan yang berupaya mentransformasi kelaziman global bagi pelaksanaan sesuatu pekerjaan.

**Menjana ilmu dan teknologi termaju melalui inisiatif penyelidikan**

- 3 A: Penjanaan Pengetahuan Baharu**
- 3 B: Penjanaan Teknologi Baharu**



## Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi

Penerokaan teknologi berimpak tinggi merujuk kepada inisiatif penyelidikan yang membawa perubahan positif kepada komuniti. Ini dilakukan dengan menghasilkan ilmu pengetahuan baharu dan teknologi baharu (*cutting-edge knowledge and technology*). Dengan terhasilnya ilmu dan teknologi baharu, pasaran baharu berpotensi diwujudkan yang berupaya mentransformasi

kelaziman global bagi pelaksanaan sesuatu pekerjaan. Penyelidikan yang memberi impak juga diukur melalui penjanaan teknologi baharu. Dalam aspek ini, penjanaan teknologi baharu dapat dilihat melalui bilangan harta intelek yang berjaya dilesen dan diaplikasikan serta memberi manfaat kepada komuniti. Selain itu, teknologi baharu juga memberi tumpuan terhadap kemampuan UMPSA untuk menghasilkan teknologi yang pertama di dunia dan mampu memberi impak positif kepada masyarakat.



Gambar Rajah 163: Inisiatif Jabatan Penyelidikan dan Inovasi

KPI 3A(2) Ketua projek geran luar penyelidikan menerusi inisiatif Penawaran Geran Penyelidikan Kerjasama Strategik dan *Project Scouting* bagi Permohonan Geran

Keempat, KPI 3B(2) Penghasilan penemuan atau teknologi pertama di dunia (*First Discovery or Technology in The World*) menerusi inisiatif Geran *First In The World*

Pemerkasaan Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi ini telah memberi impak positif kepada universiti dengan menyaksikan UMPSA berada di tangga kelapan dengan jumlah keseluruhan 6,982 terbitan. Manakala berdasarkan Analisa Keseluruhan Penerbitan Universiti Awam Malaysia (*Field Weighted Citation Impact*), UMPSA berada di tangga kedua dengan nilai 1.28 selepas Universiti Malaya (1.42).

## Penjanaan Pengetahuan Baharu Penerbitan Penyelidikan dan Sitasi

21 Penyelidik UMPSA Tersenarai 2% Saintis Terbaik Dunia bagi Dua Kategori Pencapaian

Gambar Rajah 73: Pecahan 21 Penyelidik UMPSA Mengikut Kategori Pencapaian





## 4 Penyelidik UMPSA Tersenarai Dalam Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2023

### Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)

- Profesor ChM Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim
- Profesor Dr. Chong Kwok Feng

### Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)


- Profesor Ts. Dr. Jolius Gim bun

### Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)

- Profesor Ir. Ts. Dr. Kumaran a/l Kadrigama


Sesi penganugerahan 2023 *Conferment of ASM Fellowship & Recognition of Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) telah berlangsung pada 17 Oktober 2023 bertempat di Resort and Hotel, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

**Gambar Rajah 74: Pecahan 21 Penyelidik UMPSA Mengikut Kategori Pencapaian**



## Keupayaan Penyelidikan

**Carta 30: Perincian Penyelidik Utama Geran Penyelidikan Tahun 2023**



Ekosistem penyelidikan perlu sentiasa diperkuuhkan bagi menghasilkan lebih banyak inovasi yang mampu memberikan manfaat kepada negara. UMPSA sentiasa berusaha bagi mewujudkan ekosistem penyelidikan yang memberangsangkan. Ia secara langsung akan mendorong, menggalak dan mengasah bakat-bakat penyelidik dalam kalangan staf akademik ke arah meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidik di UMPSA yang seterusnya mencetus kepada penghasilan ilmu dan teknologi baharu. UMPSA menyasarkan sebanyak 80 peratus Penyelidik Utama secara keseluruhan. Peratusan Penyelidik Utama ini menggambarkan budaya aktiviti penyelidikan di UMPSA dan memacu kepada hasil penyelidikan yang lebih memberangsangkan seterusnya menyokong pencapaian universiti.

Peratusan Penyelidik Utama Keseluruhan dikira berdasarkan peratusan staf akademik aktif yang mengetuai geran penyelidikan berbanding jumlah keseluruhan staf akademik aktif tahun semasa. Peratusan Penyelidik Utama Keseluruhan untuk tahun 2023 adalah 81 peratus. Peratusan Penyelidik Utama Geran Luar pula dikira berdasarkan peratusan staf

akademik aktif yang mengetuai geran penyelidikan luar berbanding jumlah keseluruhan staf akademik aktif tahun semasa. Geran Luar tersebut adalah Geran Penyelidikan Antarabangsa, Geran Penyelidikan Industri dan Geran Penyelidikan Nasional. Peratusan Penyelidik Utama Geran Luar untuk tahun 2023 adalah sebanyak 42 peratus.

## Geran Penyelidikan Aktif

Gambar Rajah 75: Takrifian Geran Penyelidikan Aktif



**RM62,391,089.59**  
Geran Penyelidikan Aktif

**1,126**

Geran penyelidikan aktif bagi tahun 2023 adalah berjumlah 1,126 projek dengan nilai RM62,391,089.59. Daripada jumlah keseluruhan ini, 37 peratus adalah dari sumber dana geran penyelidikan universiti manakala 63 peratus lagi adalah dari sumber dana geran penyelidikan luar yang terdiri dari dana kementerian, agensi, industri dan antarabangsa.

Jadual 115: Perincian Kategori Geran Penyelidikan Aktif Tahun 2023

BIL.	GERAN PENYELIDIKAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH DANA	JUMLAH DANA
1.	Geran Universiti	680	37%	RM23,331,849.65
2.	Geran Nasional	295		RM28,095,976.00
3.	Geran Industri	87		RM5,459,126.64
4.	Geran Antarabangsa	64		RM5,504,137.30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,126</b>	<b>100%</b>	<b>RM62,391,089.59</b>

## Geran Penyelidikan Universiti



**RM7,418,286.05**  
Geran Penyelidikan Universiti

**250**

Penawaran geran-geran penyelidikan yang ditawarkan melalui dana penyelidikan UMPSA membolehkan skim geran-geran penyelidikan di UMPSA ini melibatkan keseluruhan keperluan yang merangkumi aspek penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan. Secara tidak langsung, ia juga meliputi kepada TRL 1-9 yang melibatkan penyelidikan asas, percambahan idea dan konsep baharu, pembangunan prototaip dan produk,

prapengkomersialan dan seterusnya pengkomersialan. Struktur penawaran geran-geran penyelidikan ini sentiasa ditambah baik melalui penawaran kepada beberapa skim geran penyelidikan baharu. Pada tahun 2023, Geran Pengajaran dan Pembelajaran telah mula ditawarkan. Ini bagi memberikan fokus kepada inovasi dalam meningkatkan bidang pengajaran dan pembelajaran di UMPSA. Dana Penyelidikan Universiti juga merupakan sokongan dan pemangkin kepada ekosistem penyelidikan yang memberangsangkan. Ia secara langsung membantu penyelidik melaksanakan penyelidikan terlebih dahulu dalam universiti sebagai persediaan memohon dana penyelidikan luar.

**Jadual 116: Perincian Geran Penyelidikan Universiti Tahun 2023**

BIL.	GERAN PENYELIDIKAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH DANA
1.	Geran Dalam	105	RM3,471,850.00
2.	Geran Inovasi Sosial	38	RM390,000.00
3.	Geran Kerjasama Strategik MTUN	4	RM100,000.00
4.	Geran Khas Pengkomersialan	3	RM393,000.00
5.	Geran <i>Lab2market Seed Fund</i>	2	RM100,000.00
6.	Geran Padanan Antarabangsa	20	RM425,172.13
7.	Geran Padanan Industri	14	RM267,296.00
8.	Geran Penerbitan Antarabangsa	11	RM415,010.00
9.	Geran Pengajaran dan Pembelajaran	13	RM290,880.00
10.	Geran Penyelidikan Sains Sosial	10	RM329,995.00
11.	Geran Penyelidikan Unggul	24	RM1,106,170.00
12.	Geran <i>Seed Money</i>	3	RM14,000.00
13.	Geran Projek Khas	3	RM214,912.92
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>250</b>	<b>RM7,418,286.05</b>

## Geran Penyelidikan Nasional



Penyelidik UMPSA turut menerima geran nasional di mana geran ini diperoleh daripada kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun dan padanan bersama universiti-universiti awam yang lain. Untuk tahun 2023, pencapaian perolehan Geran Dana Penyelidikan

Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) adalah dengan jumlah geran sebanyak RM5,947,650.00 melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototipe (PRGS) dan Skim Geran Program Translasional melibatkan 54 Projek Penyelidikan. UMPSA turut berkolaborasi bersama UA untuk mewujudkan inisiatif geran padanan universiti yang dapat memberi manfaat dalam penerbitan bersama peringkat nasional.

**Jadual 117: Perincian Geran Penyelidikan Nasional Tahun 2023**

BIL.	GERAN PENYELIDIKAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH DANA
1.	Geran FRGS KPT	48	RM5,299,350.00
2.	Geran PRGS KPT	3	RM253,000.00
3.	Geran Translasional KPT	3	RM395,300.00
4.	Geran Agensi	9	RM1,269,050.00
5.	Geran Padanan Universiti	5	RM95,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>54</b>	<b>RM5,947,650.00</b>

## Inisiatif dan Program Penyelidikan


Beberapa siri taklimat dan bengkel diadakan secara dalam talian bagi memperjelaskan tadbir urus penyelidikan, kewangan penyelidikan, garis panduan yang terlibat, info permohonan dan tatacara pemantauan hasil penyelidikan bagi memberikan impak kepada perjalanan tadbir urus geran penyelidikan yang efektif. Bengkel kepada panel penilai dalaman UMPSA turut diadakan bagi memperkasakan kemahiran panel-panel dalaman UMPSA.

**Jadual 118: Senarai Inisiatif dan Program Penyelidikan Secara Dalam Talian Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Taklimat Pemantauan Geran: Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Bil. 01/2023	2 Februari 2023
2.	Taklimat dan Sesi Perkongsian Skim Geran Penyelidikan <i>Fundamental</i> (FRGS) Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2023	23 Februari 2023
3.	Taklimat Penilaian Dalaman Panel IPT Bagi Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2023	28 Februari 2023
4.	<i>How to Secure A Prototype Research Grant Scheme (PRGS) - Tips and Tricks</i>	31 Mac 2023
5.	Taklimat Permohonan Geran Program Penyelidikan Translasional Bidang Fokus TVET Termaju	20 Julai 2023
6.	Taklimat Pemantauan Geran Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Bil. 02/2023	24 Julai 2023
7.	Taklimat Permohonan Geran Skim Geran Penyelidikan Kerjasama Strategik MTUN Tahun 2023	24 Ogos 2023
8.	Bengkel Perancangan Inisiatif MyRA	13 Oktober 2023

## Geran Penyelidikan Pengajaran dan Pembelajaran (Geran PdP)

Geran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) UMPSA adalah geran yang diwujudkan untuk penyelidik bagi menyokong penyelidikan dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Hasil Penyelidikan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada penambahbaikan kepada pengajaran dan pembelajaran serta menunjukkan nilai inovasi.

**Jadual 76: Senarai Bidang atau Skop Geran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**



**RM295, 880.00**  
Geran Pengajaran dan  
Pembelajaran (PdP)

14

Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (PIDA) telah menerima sebanyak 18 permohonan geran PdP secara dalam talian melalui *Integrated Research and Innovation Management System* daripada staf

akademik UMPSA bermula pada Jan 2023 dan penilaian permohonan tersebut telah dilaksanakan melalui Sesi Penilaian Geran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada 15 Jun 2023 dan 11 Ogos 2023. Hasil keputusan penilaian tersebut, seramai 14 orang staf akademik UMPSA telah berjaya mendapat Geran PdP dengan jumlah nilai geran sebanyak RM295, 880.00.


**Jadual 119: Senarai Penerima Geran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tahun 2023**

BIL.	NAMA	TAJUK PENYELIDIKAN	FAKULTI
1.	Profesor Madya Dr. Zuraina Ali	<i>Perceptions, Acceptability, Engagement and Effectiveness of Using Substitute Blended Learning Among Practitioners and Students in UMPSA</i>	Pusat Bahasa Moden (PBM)
2.	Dr. Umi Kalsom Masrom	<i>Enhancing Learning Experience with Interactive Content: Designing Job Application Skill Enhancement Activities Using Moodle H5P</i>	
3.	Khairul Bahri Abdul Samad	<i>German Language Hero. Unleash Your Full Potential and Become A German Language Hero with Our App! Get Ready for The B1 Telc Exam.</i>	
4.	Nurul Wahidah Arshad	<i>Development of A Mini Digital Trainer for Enhancing Digital Electronics Teaching Delivery</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
5.	Profesor Madya Ts. Dr. Khairil Azman Masri	<i>Integrated Model Framework for The Implementation of Complex, Broadly Defined and Well-Defined Engineering Problems for Civil Engineering Related Programmes</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
6.	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Faizal Ab Razak	<i>Learning by Teaching in Immersive Virtual Reality: Design, Implementation and Evaluation Based on Microcredential Framework.</i>	Fakulti Komputeran (FK)
7.	Ts.Dr. Danakorn Nincarean a/l Eh Phon	<i>Integrating Augmented Reality in Education: A Study of Student Engagement, Motivation and Learning Outcomes In Higher Education</i>	
8.	Ts. Dr. Nor Saradatul Akmar Zulkifli	<i>Implementation of Multiplayer Collaborative Virtual Training System to Enhance Learning Experience in Higher Education</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
9.	Profesor Madya Ts. Roshahliza M Ramli	<i>Study of Moodle Features Implementation in Kalam for Mobile and Offline Environments</i>	
10.	Ts. Dr. Mohd Shafie Bakar	<i>Assessing The Influence of Integrating Classpoint Technology in Electrical Engineering Course</i>	

BIL.	NAMA	TAJUK PENYELIDIKAN	FAKULTI
11.	Dr. Mohd Zaidi Sidek	<i>UMPSA's Made Kinematic Laboratory Equipment</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)
12.	Dr. Wan Norfazilah Wan Ismail	<i>Assessing The Effectiveness of Laboratory Quality Management Learning Through A Board Game-Based Approach</i>	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
13.	Profesor Madya Dr. Mohd Fadzil Faisae Ab. Rashid	<i>Development of Intelligent Computational Tool to Optimize Student Academic Load</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Automatif (FTKMA)
14.	Ts. Mohd Ghazali Maarof	<i>Develop A Teaching Module for A TVET Subject Using Learning Factory Approach</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)

## Geran Inovasi Sosial dan Pemindahan Ilmu Komuniti (CDU)

**Gambar Rajah 77: Statistik Kelulusan Geran Inovasi Sosial dan Pemindahan Ilmu Komuniti (CDU) Mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tahun 2023**



## Penerbitan Ilmiah

**Gambar Rajah 78: Penerbitan Mengikut Kategori Tahun 2023**



**Jadual 120: Senarai Produksi Tahun 2023 Mengikut Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

BIL.	FAKULTI	JUDUL BUKU	KATEGORI
1.	Umum	<i>IOT-Panduan Asas Raspberry PI</i>	Manual
2.		Memimpin Yang Terpimpin Siri 3 Model Kompetensi Bakat dan Kepimpinan Universiti Awam	Karya Suntingan
3.		Memoir Lima Dekad Stadium Darul Makmur 1973-2023	Buku Mewah
4.	Pusat Sains Matematik (PSM)	<i>Applied Mathematics 2<sup>nd</sup> Edition</i>	Modul
5.	Pusat Bahasa Moden (PBM)	<i>Halal Issues in Malaysia Volume 1</i>	Buku
6.	Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)	Orang Kena Pengawasan	Penyelidikan
7.		Polisi Pengurusan dan Proses Bimbingan Akrab Melalui Teknik <i>Biofeedback</i>	Buku Penyelidikan
8.		Sahabat Perjalanan PhD	Karya Asli
9.	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)	Etika dan Tadbir Urus Berintegriti: Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran	Buku Penyelidikan
10.		<i>Intumescent Coating Scientific Evidence of Effective Halogen-Free Fireproofing Coating</i>	
11.	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	<i>Individual Field Project Volume 2</i>	Modul
12.		500 Syair Darul Makmur	Karya Kreatif
13.		<i>PhD: The Amazing Journey Volume 2</i>	Karya Asli
14.		<i>Business Sustainability During The COVID-19 Pandemic</i>	Buku Penyelidikan
15.		<i>The Strategic Roles of Management Accounting in Business and Management</i>	

BIL.	FAKULTI	JUDUL BUKU	KATEGORI
16.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	<i>Intelligent Engineering Optimisation Approaches with Numerical Example and Matlab Code</i>	Buku Penyelidikan
17.		<i>Survival Statics Part 2</i>	Karya Kreatif
18.		<i>A Complete Analysis of Kinematics of A Rigid Body</i>	Modul
19.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	<i>Steps to Become A Professional Engineer in Malaysia</i>	Manual
20.		Pandemik COVID-19 dan Perubahan Landskap Kehidupan Masyarakat	Karya Suntingan
21.		<i>A Route to A High Impact Journal</i>	Manual
22.		Pandemik COVID-19 dan Impak Terhadap Kelestarian Masyarakat	Karya Suntingan
23.	Fakulti Komputeran (FK)	<i>Emerging Technologies During the Era of COVID-19 Pandemic</i>	Karya Suntingan
24.		<i>Non-Cooperative Multimodal Biometric Issues &amp; Solutions</i>	Buku Penyelidikan
25.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)	<i>Advanced Polymeric Membrane Technology for Gas Separation Processes</i>	Buku Penyelidikan
26.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	5 Tokoh Jurutera Mekanikal Muslim Berpengaruh	Karya Asli
27.		<i>Digital Competencies for Information Literacy</i>	Manual
28.		<i>Landslide Monitoring Systems Based on GNSS Signal Processing Technique</i>	Buku Penyelidikan
29.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	<i>The Flexible Pavement Engineering Module</i>	Modul



### Anugerah Buku MAPIM-KPT 2023

Pensyarah Pusat Sains Kemanusiaan, Profesor Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab merangkul Anugerah Penulis Prolifik Terbaik di Anugerah MAPIM-KPT Ke-14 pada 22 Disember 2023 di Dewan Za'ba Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya

Syarat bagi memenang anugerah ini adalah penulis mempunyai beberapa terbitan buku ilmiah yang berimpak dan berkualiti. Buku terbitan beliau bersama Penerbit UMPSA ialah:

- Pembangunan Insan: Konsep dan Proses Teknik *Biofeedback*;
- Protokol, Skrip Intervensi dan Interpretasi Data *Biofeedback* Program Bina Insan;
- Manual Penggunaan Alat *Emwavepro Biofeedback*; dan
- Modul Bina Insan Menggunakan Teknik *Biofeedback*.





## Anugerah Buku Negara 2023

Hasil kerjasama lintas sempadan UMPSA dalam bidang penerbitan ilmiah meraih kejayaan apabila buku yang berjudul 'Rukun Negara dan Pancasila: Ideologi dan Amalan' telah diiktiraf sebagai penerima Anugerah Buku Negara 2023 bagi Buku Umum Terbaik Kategori Industri (Kenegaraan). Majlis tersebut telah diadakan di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 22 Disember 2023.

**Gambar Rajah 79: Senarai Majlis Pelancaran Buku Terbitan Penerbit UMPSA Tahun 2023**

Pelancaran buku 'Memoir Lima Dekad: Perbadanan Stadium Darul Makmur, 1973-2023' sempena Majlis Sambutan Jubli Emas Stadium Darul Makmur pada 25 November 2023. Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli berangkat bersama Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan anakanda Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah bagi menyempurnakan sambutan ini. Karya bersejarah ini merupakan kerjasama oleh perbadanan stadium bersama tenaga penyelidik dan pengarang UMPSA.

Pelancaran buku 'Pendakwaan Terhadap Ahli Sihir dan Jenayah Sihir' bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) oleh Pensyarah Pusat Sains Kemanusiaan, Profesor Madya Dr. Mahyuddin Ismail sempena Seminar Pemerkasaan Bidang Amalan Pengubatan Islam pada 26 September 2023 di Auditorium Ibnu Sina Masjid Putra, Putrajaya.



**Jadual 121: Senarai Aktiviti Penerbit UMPSA Tahun 2023**

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Pesta Buku dan Kopi Kiz X Penerbit UKM	12 hingga 15 Januari 2023	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2.	Seminar Isu-isu Akidah dan Syariah dalam Perubatan Tradisional dan Komplementari	26 hingga 27 Januari 2023	UMPSA Kampus Gambang

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
3.	Lawatan Penanda Aras OSHMO dan EKSA		Makmal Berpusat
4.	Lawatan Penanda Aras ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	1 Februari 2023	Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
5.	Bengkel Pemurnian dan Pengemaskinian Templat Jurnal (Sains Teknologi dan Kejuruteraan)	8 Februari 2023	
6.	<i>Creation, Innovation, Technology &amp; Research Exposition (CITREX) 2023</i>	13 Mac 2023	UMPSA Kampus Gambang
7.	Bengkel Pemurnian dan Pengemaskinian Templat Jurnal (Sains Teknologi dan Kejuruteraan)	8 Februari 2023	
8.	Lawatan Penanda Aras ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai	21 Mei 2023	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
9.	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur	26 Mei hingga 4 Jun 2023	World Trade Center, Kuala Lumpur
10.	Bengkel Penilaian Kualiti dan Penyuntingan IJAME Bil.1/2023	7 hingga 8 Jun 2023	UMPSA Pekan
11.	Bengkel Penilaian Kualiti dan Penyuntingan IJAME Bil.2/2023	24 hingga 25 Jun 2023	
12.	Bengkel Penilaian Kualiti dan Penyuntingan JMES Bil.1/2023	15 hingga 16 Julai 2023	Holiday Villa, Cherating
13.	Pesta Buku Pahang	21 hingga 27 Ogos 2023	Dewan Kompleks Bandaraya Kuantan
14.	Polisi Pengurusan dan Proses Bimbingan Akrab Melalui Teknik <i>Biofeedback</i>	6 September 2023	Dewan Persidangan Kompleks SUK Kelantan
15.	Pelancaran Buku Pendakwaan Terhadap Ahli Sihir dan Jenayah Sihir	26 September 2023	Auditorium Ibnu Sina Masjid Putra, Putrajaya
16.	Kunjungan Penanda Aras Pusat Penyelidikan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	3 Oktober 2023	UMPSA Kampus Gambang
17.	Pelancaran Buku AKEPT	23 Oktober 2023	Hotel Sri Manja Kuantan
18.	Bengkel Penilaian Kualiti dan Penyuntingan IJAME Bil.3/2023	24 hingga 25 Oktober 2023	
20.	<i>IJAME Paper Review Workshop</i>	25 Oktober 2023	UMPSA Pekan
19.	Program Pemantapan Kerja Berpasukan Penerbit UMPSA	27 hingga 28 Oktober 2023	
21.	Kursus Inforgrafik	16 November 2023	UMPSA Kampus Gambang
22.	Hari OSH	22 November 2023	UMPSA Kampus Gambang
23.	Pesta Buku Selangor	1 hingga 10 Disember 2023	MBSA Convention Center, Shah Alam Selangor

## Program Intervensi Penerbitan

Sebanyak lima program intervensi penerbitan telah dilaksanakan dengan kerjasama PTJ UMPSA bagi tujuan untuk mendedahkan peserta tentang *tips and tricks* dalam penerbitan artikel jurnal serta melibatkan *hands-on coaching* dalam usaha untuk meningkatkan penerbitan ilmiah staf akademik UMPSA.

**Jadual 122: Senarai Program Intervensi Penerbitan**

BIL.	NAMA BENGKEL	TARIKH	ANJURAN
1.	Bengkel <i>Writing Paper For Social Sciences and Management</i>	23 Ogos 2023	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI)
2.	Bengkel Penyelidikan anjuran Fakulti Pengurusan Industri	11 September 2023	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
3.	Bengkel <i>Writing and Tools for Publishing In High Impact Journal</i>	4 Oktober 2023	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI)
4.	Bengkel <i>Key Scientific Writing Strategies for Strengthening A Manuscript: Intensive With Hands-On Practice</i>	16 Oktober 2023	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)
5.	Bengkel <i>Writing High Impact Journal Article Using Systematic Literature Review Method</i>	27 Oktober 2023	Pusat Sains Matematik (PSM)

## UMPSA Meneroka Teknologi Rel dan Besi Keluli Bersama Kolej Vokasional di China



UMPSA telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Baotou Iron & Steel Vocational Technical College (BISVTC) bagi meningkatkan kualiti kursus Metallurgy Mandarin Confucius Institute UMPSA dengan Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. serta melahirkan lebih ramai juruteknik dalam bidang keluli.

UMPSA juga meneroka teknologi rel apabila menjalankan kerjasama dengan Baotou Railway Vocational & Technical College (BRVTC). Ia bertujuan supaya pelajar-pelajar program ijazah dual UMPSA dan Beijing Jiaotong University (BJTU) dapat menjalankan latihan industri di BRVTC.

Delagasi UMPSA mengadakan kunjungan hormat pada 22 hingga 23 Julai 2023 di Baotou Iron & Steel Vocational Technical College (BISVTC) dan Baotou Railway Vocational & Technical College (BRVTC).

# Penjanaan Teknologi Baharu Harta Intelek Yang Telah Didaftarkan Tahun 2023

Tahun 2023 menyaksikan beberapa harta intelek yang didaftarkan dengan pihak Perbadanan Harta Intelek (MYIPO) oleh UMPSA. Selain itu, terdapat juga beberapa hak cipta yang telah dilindungi oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi.


**Gambar Rajah 80: Harta Intelek Yang Telah Didaftarkan Tahun 2023**



## Bilangan Harta Intelek Yang Dilesenkan atau Dijual

Bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2023, sebanyak 13 Harta Intelek telah dilesenkan dan dijual dengan jumlah keseluruhan pendapatan hasil daripada pelesenan dan penjualan teknologi adalah sebanyak RM1,653,000.00.

**Gambar Rajah 81: Pencapaian Harta Intelek Dilesenkan atau Dijual Sehingga Tahun 2023**



## Pameran Penyelidikan

### Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREX) 2023

Seramai 279 penyelidik UMPSA yang terdiri daripada pensyarah, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah mempamerkan hasil penyelidikan dalam Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREX) 2023 pada 12 hingga 14 Mac 2023 di Dewan Kompleks Sukan, UMPSA Kampus Gambang. Penganjuran CITREX merupakan medan mempamerkan hasil penyelidikan UMPSA melalui penyelidikan, pemindahan pengetahuan, pendedahan teknologi mahupun perkongsian pengalaman.

**Gambar Rajah 82: Ringkasan CITREX 2022**

<b>279</b>	Penyelidik Keseluruhan UMPSA	
<b>142</b>	Staf Akademik dan Pelajar Pascasiswazah UMPSA	<b>102</b>
<b>25</b>	Staf Akademik dan Pelajar IPTA/IPTS Seluruh Negara	<b>10</b>

**Gambar Rajah 83: Pencapaian Keseluruhan Peserta dalam CITREX 2023**

<b>31</b>	Anugerah Khas	<b>84</b>	Pingat Emas	<b>136</b>	Pingat Perak	<b>36</b>	Pingat Gangsa
-----------	---------------	-----------	-------------	------------	--------------	-----------	---------------

### Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2023

UMPSA memperoleh 100 peratus pencapaian melalui 20 projek penyelidikan yang dipertandingkan dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2023 pada 11 hingga 12 Mei 2023 di Kuala Lumpur Convention Centre.

**Gambar Rajah 84: Pencapaian UMPSA dalam ITEX 2023**

<b>11</b>	Pingat Emas	<b>9</b>	Pingat Perak
-----------	-------------	----------	--------------

**Jadual 123: Senarai Pemenang ITEX Tahun 2023**

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	PINGAT
1.	Dr. Hajar Fauzan Ahmad	<i>Triumph Medico: Next-Generation Diagnostic Tools for Sepsis Detection</i>	Emas
2.	Dr. Mohd Suhardi Mat Jusoh	System Pengurusan Masjid (E-SPM)	
3.	Ts. Dr. Nurul Nadrah Aqilah Tukimat	<i>Wales Simulator</i>	
4.	Ts. Dr. Syafiq Fauzi Kamarulzaman	<i>An Elephant Intrusion Detector and Deterrent Based on Artificial Intelligence</i>	
5.	Ts. Dr. Wan Isni Sofiah Wan Din	<i>Revolutionize Fire Safety: A Mobile App for Fire Extinguisher Management</i>	Emas
6.	Profesor Madya Dr. Mansor Sulaiman	<i>E-book Panduan Syarak Berkenaan Potongan Individu untuk Zakat Pendapatan</i>	
7.	Profesor Dr. Saiful Nizam Tajuddin	<i>Greenopalm: Establishment of Engineered Plant Scent for Oil Palm Production and Sustainability</i>	
8.	Ts. Mohd Najib Razali	<i>Biodegradable Grease for Food and Pharmaceutical Industry</i>	
9.	Profesor Madya Dr. Yudi Fernando	<i>2ReLogCarChain Using Blockchain Technology for Carbon Footprint Tracking and Monitoring</i>	
10.	Dr. Syifak Izhar Hisham	<i>Zigzag-LSB: An Authentication System for PDF Files</i>	
11.	Dr. Zahian Ismail	<i>Let's Be Aware! - A Cyber Safe Explorace</i>	

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	PINGAT
12.	Ts. Dr. Yasmin Abdul Wahab	<i>Modeling of an Invasive Electrical Capacitance Tomography Technique for Evaluating The Concentration Profile in The Conducting Pipe</i>	Perak
13.	Dr. Mohd Azraai Mohd Razman	<i>Agronetics IoT Based Smart Farming System</i>	
14.	Dr. Norwahida Yakub@Yaakub	<i>Risk Assessment Matrix of Occupational Stress (Ramos)</i>	
15.	Dr. Noridayu Mah Hashim	<i>Application Procedure for Flood Evacuation Process Using P-Median Model</i>	
16.	Norazidah Shamsudin	<i>Embedding Micro-Credential Module for Substitute Blended Learning: Adoption in Financial Management Modular Course</i>	
17.	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila Ramli	<i>Birdie: Edible Bird Nest Cleaning Solution Using Enzyme Technology</i>	
18.	Ts. Dr. Ahmad Zamani Ab Halim	<i>Decarbonized With A Renewable Hydrogen-Assisted Solar Photovoltaic to Renewable Methane Via A Deco2x Catalyst.</i>	
19.	Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Che Ghani	<i>Integrating Robotic Manual Transmission Intelligent Control (I-roManTIC)</i>	
20.	Profesor Ts. Dr. Mohd Rashid Ab Hamid	<i>Value-Based Assessment Tool for University Leadership</i>	Perak

### Malaysia Technology Expo (MTE) 2023

UMPSA memperoleh 100 peratus pencapaian melalui lapan projek penyelidikan yang dipertandingkan dalam *Malaysia Technology Expo (MTE) 2023* pada 16 hingga 18 Mac 2023 di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

**Gambar Rajah 85: Pencapaian UMPSA dalam MTE Tahun 2023**

<b>1</b> Anugerah Khas	<b>6</b> Pingat Emas	<b>3</b> Pingat Perak
---------------------------	-------------------------	--------------------------



**Jadual 124: Senarai Pemenang MTE Tahun 2022**

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	ANUGERAH
1.	Profesor Dr. Abdurahman Hamid Nour	<i>A Hybrid Ultrasonic Membrane Anaerobic System (UMAS) In Treating Wastewater</i>	<i>Japan Intellectual Property Association (JIPA) - Best Environment Association, Emas</i>
2.	Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Ghazali	<i>Smart Leak Characterization</i>	Emas
3.	Ts. Dr. Roshahliza M Ramli	<i>PATRIOT: IoT-Enabled Solar Irrigation System for Oil-Palm Pre-Nursery</i>	Emas
4.	Dr. Lee Chia Kuang	<i>A New Interactive Global Certified Project Management (I GCPM) Modular</i>	Emas

5.	Dr. Ahmad Irfan Ikmal Hisham	<i>i-LocSolat – Enhanced Geotagging Based Prayer Time Smart Application</i>	Emas
6.	Profesor Ts. Dr. Md Mustafizur Rahman	<i>TriNexus: The Future of Machining with Eco-Efficient Cutting Fluids</i>	Perak
7.	Profesor Madya Dr. Jaya Vejayan a/l Palliah	<i>MHG TABLET: An Improved Tongkat Ali Product for The Wellbeing of Aging Men</i>	Perak
8.	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Azrul Hisham Mohd Adib	<i>COVID-19 GAME: Awareness and Educational Serious Game for Health</i>	Perak

### *Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology (MUCET) 2023*

Seramai sembilan orang penyelidik UMPSA telah menyertai *Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology (MUCET)* yang telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2023 di Renaissance Johor Bahru Hotel.

**Jadual 125: Senarai Pemenang MUCET Tahun 2022**

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK ARTIKEL	ANUGERAH
1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Profesor Dr. Yudi Fernando</li> <li>• Ts. Dr. Azian Ibrahim</li> <li>• Nik Athirah Nik Mahdi</li> </ul>	<i>Revealing the Path to A Green Economy: Insights and Recommendations for Sustainable Development in Malaysia</i>	<i>Best Paper Award</i>



Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin hadir dalam Majlis Perasmian *Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology (MUCET) 2023* bersama Simposium Elsevier MTUN. Turut berlangsung Pelancaran Buku Amalan Terbaik Penyelidikan dan Inovasi MTUN dan juga penyampaian MUCET Best Paper Awards.

## Anugerah Cendekia Bitara

Tema  
**Prowess Craftsmanship**

yang bermaksud  
**Terampil Unggul**

Anugerah Cendekia Bitara adalah merupakan acara penganugerahan tahunan yang telah dianjurkan oleh UMPSA sejak tahun 2009 bagi tujuan menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang ditunjukkan oleh warga UMPSA. Pada kali ini, Anugerah Cendekia Bitara (ACB) telah diadakan pada 15 September 2023 bertempat di Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan dengan kategori dan kriteria yang telah ditambah baik selaras dengan Pelan Strategik UMPSA 25 serta bentuk ganjaran yang lebih relevan yang dilihat mampu meningkatkan ekosistem penyelidikan UMPSA.

**Gambar Rajah 86: Ringkasan Pemenang Anugerah Cendekia Bitara (ACB)**

<b>124</b> Anugerah Cendekia Bitara (ACB)	<b>20</b> Anugerah Sanjungan	<b>188</b> Anugerah Gold	<b>33</b> Anugerah Silver
--	------------------------------------	-----------------------------	------------------------------

Pencapaian cemerlang dalam aspek penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dalam sepuluh kategori yang diperkenalkan pada tahun ini seperti Kategori Penerbitan Jurnal, Penerbitan Buku, Kertas Polisi/Dasar, Geran Antarabangsa, Geran Industri, Geran Agensi, Harta Intelek Yang Dikomersial, Produk Penyelidikan, Perundingan dan Kualiti Penyelidikan. Sebanyak dua Anugerah Akademik Universiti (Kategori Pengajaran) turut dianugerahkan kepada penyelidik yang telah

menunjukkan pencapaian cemerlang dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Buat julung kalinya, pada tahun ini Anugerah Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) telah diperkenalkan bagi tujuan menghargai sokongan serta pencapaian terbaik yang telah diberikan dan disumbangkan oleh pihak fakulti atau pusat dalam memastikan inisiatif serta hala tuju e-Pembelajaran UMPSA berjalan lancar.

## Majlis Hari Kualiti dan Inovasi

Tema  
**'Kelestarian Kualiti ke Arah Kebitaraan Universiti'**

Majlis Hari Kualiti dan Inovasi 2023 ini telah diadakan pada 21 Mac 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, UMPSA Pekan. Majlis diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan buat warga UMPSA yang membuktikan tahap pencapaian yang cemerlang melalui pembudayaan kualiti serta inovasi sebagai penggerak utama ke arah kecemerlangan organisasi.

**Jadual 126: Perincian Pemenang Anugerah Hari Kualiti dan Inovasi**

BIL.	ANUGERAH	KATEGORI	PENERIMA ANUGERAH 2022
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	-	149 Penerima APC
2.	Anugerah Kecemerlangan Industri dan Masyarakat	Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Kategori Staf Akademik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ts. Dr. Syafiq Fauzi Kamarulzaman</li> <li>• Ts. Mohd Najib Razali</li> <li>• Profesor Madya Ir. Dr. Mohamad Rizza Othman</li> </ul>
		Anugerah Kualiti Kerjasama Komuniti - Kategori Staf Akademik	Profesor Madya Dr. Mahyuddin Ismail
		Anugerah Rakan Komuniti Terbaik	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.

BIL.	ANUGERAH	KATEGORI	PENERIMA ANUGERAH 2022
			China Communications Construction (ECRL) Sdn. Bhd.
			Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
3.	Anugerah Personaliti Masyarakat	-	Dr. Mohamad Hilmi Mat Said
4.	Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKKP)	Kategori Fakulti/Makmal	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)
		Kategori Residen Pelajar	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) Residen Pelajar 1
		Kategori Pejabat Pentadbiran	Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK)
		Kategori Ketua PTJ/RP Terbaik	Ts. Dr. Yusnita Muhamad Noor
5.	Anugerah Sukan	Kategori Atlet Terbaik Lelaki	Profesor Madya Dr. Mohd Fakhrurrazi Ishak
		Kategori Atlet Terbaik Wanita	Ezrinda Mohd Zaihidee
		Kategori Berpasukan Terbaik (Lelaki)	Futsal
		Kategori Berpasukan Terbaik (Wanita)	Tenpin Boling
		Anugerah Kepimpinan Sukan	Al-Muhaimin Ali
6.	Anugerah Penulisan Rencana Terbaik	Kategori Kenegaraan, Sains Sosial dan Kemanusiaan – Tempat Pertama	Dr. Hasnah Hussiin
		Kategori Kenegaraan, Sains Sosial dan Kemanusiaan – Tempat Kedua	Rosilavi Mat Jusoh
		Kategori Kenegaraan, Sains Sosial dan Kemanusiaan – Tempat Ketiga	Dr. Noradilah Md Nordin
		Kategori Kejuruteraan, Sains dan Teknologi – Tempat Pertama	Dr. Ahmad Mahfuz Gazali
		Kategori Kejuruteraan, Sains dan Teknologi – Tempat Kedua	Dato' Ir. Ts. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz
		Kategori Kejuruteraan, Sains dan Teknologi – Tempat Ketiga	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila Ramli
7.	Anugerah EKSA	Anugerah Harapan	Bahagian Keselamatan
8.	Anugerah <i>World's Top 2% Scientist</i>	-	Dr. Sudhakar Kumarasamy
			Profesor Dr. Jose Rajan
			Profesor Dr. Wan Azmi Wan Hamzah
			Profesor Dr. Rizalman Mamat
			Profesor Dr. Jayarama Reddy Venugopal
			Profesor Dato' Ts. Dr. Zularisam Ab Wahid
			Profesor Ir. Ts. Dr. Kumaran a/l Kadrigama

BIL.	ANUGERAH	KATEGORI	PENERIMA ANUGERAH 2022
			Profesor Dr. Md. Maksudur Rahman Khan
			Ts. Dr. Norazlianie Sazali
			Profesor Ts. Dr. Md. Mustafizur Rahman
			Ts. Dr. Ahmad Shahrizan Abdul Ghani
			Profesor Madya Dr. Ramdhansyah Putra Jaya
			Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli
			Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Wan Sharuzi Wan Harun
			Profesor Madya Dr. Mohd Herwan Sulaiman
			Profesor Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim
			Profesor Madya Ir. Ts Dr. Mahendran a/l Samykano
			Profesor Ts. Dr. Jolius Gimbun
			Profesor Dr. Chong Kwok Feng
			Ts. Dr. Ros Azlinawati Ramli
			Dr. Izan Izwan Misnon
			Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ashraf Ahmad



## Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Kali Pertama Tahun 2023 di UMPSA

Bahagian Jaminan Kualiti, Pusat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK) berjaya menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang menggunakan format Horizon Baharu kali pertama pada tahun 2023 di UMPSA. Konvensyen selama dua hari tersebut berlangsung pada 7 hingga 8 November 2023 di UMPSA Pekan. Konvensyen ini merupakan satu pelantar yang bernilai kepada warga UMPSA untuk berkongsi idea dan usaha menyelesaikan permasalahan di tempat

kerja secara kreatif melalui penerokaan idea yang berpotensi serta inovatif dengan menggunakan tools yang terkini seperti *Design Thinking*, *Blue Ocean Strategy*, PDCA dan sebagainya. Selain itu, menerusi kumpulan KIK staf dapat memaparkan idea-idea yang terbaik dalam kalangan warga kerja sehingga mencetuskan perubahan positif dalam kehidupan dan di tempat kerja.

**Jadual 127: Perincian Pemenang Konvensyen KIK Tahun 2023**

BIL.	KEDUDUKAN	NAMA KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	TAJUK PROJEK
1.	Johan	<i>Innovative-T</i>	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)	<i>Flexible Integrated System Trolley (FiS-T)</i>
2.	Naib Johan	<i>Innovatory</i>	Pusat Sains Matematik (PSM)	Aplikasi Pengurusan Alat Tulis dan Inventori pejabat.
3.	Tempat Ketiga	Teramax	Fakulti Komputeran (FK)	<i>Integrated Development and Application Hosting (INDAH)</i> .
4.	Anugerah Inovatif/Kreativiti Terbaik	Dimensi	Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	Gonio+
5.	Anugerah Persembahan Terbaik	DiTech	Pusat Teknologi Digital (DiTek)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Build your own System: Low Code</i></li> <li>• Inisiatif bagi Pembangunan Aplikasi Berskala Kecil</li> </ul>
6.	Anugerah Inovasi Harapan	<i>Research Innovation Success (RIS KIK)</i>	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI)	Pemantapan Pelaporan Pencapaian Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI)
7.	Anugerah Kumpulan Harapan	Optimis	Jabatan Pendaftar	Pembangunan Kaedah Pengukuran Beban Tugas Pentadbir UMPSA
8.	Anugerah Khas Juri	1000Q	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)	<i>CHEM-E CHAT: AI-Powered Knowledge Management Framework for Efficient Administration</i>

# Kelestarian Kewangan

---



Kelestarian kewangan merujuk kepada keadaan kewangan UMPSA yang mampu berdikari daripada geran operasi kerajaan Malaysia. Untuk jangka masa yang panjang, rizab UMPSA seharusnya mampu membiayai keseluruhan operasi UMPSA tanpa memerlukan suntikan kewangan daripada kerajaan. Ini membolehkan UMPSA bergerak secara autonomi dan mencapai salah satu keperluan sebuah Universiti Teknologi Terunggul. Untuk mencapai kecekapan dan kelestarian kewangan, Pelan Strategik UMPSA 2021-2025 menggariskan dua strategi teras iaitu pengukuhan sumber kewangan dan kecekapan operasi yang munasabah.

## Menuju Kelestarian Kewangan

**4A - Pengukuhan Sumber Kewangan**

**4B - Kecekapan Operasi yang Munasabah**




# Pengukuhan Sumber Kewangan

## Sasaran Pengukuhan Sumber Kewangan

1. Peningkatan rizab universiti yang merujuk kepada keupayaan UMPSA dalam meningkatkan rizab. Ia dapat dilaksanakan melalui langkah-langkah penjimatan perbelanjaan operasi dan peningkatan hasil-hasil dalaman universiti.
2. Peratusan Pembiayaan Kendiri Peningkatan Rizab - Pendekatan keusahawanan sosial merujuk kepada pendekatan operasi sosial secara kendiri (*self-financing social operations*).

Pada tahun 2023, peratus peningkatan rizab adalah 0.12 peratus berbanding sasaran dua peratus daripada rizab tahun 2022. Pengurangan peningkatan rizab ini adalah disebabkan oleh pembelian *one-off* kenderaan universiti berjumlah RM4.87 juta dan pembangunan Kolej Mawaddah yang dipermodalkan berjumlah RM6.35 juta serta perbelanjaan bagi meningkatkan dan pengantian kemudahan infrastruktur pembelajaran dan pengajaran yang telah usang di dewan dan bilik-bilik kuliah. Manakala bagi peratus pembiayaan kendiri, peratus pencapaian bagi tahun 2023 adalah 21.0 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan oleh universiti iaitu 23.70 peratus.

**Carta 31: Pengukuhan Sumber Kewangan UMPSA Tahun 2023**




### Sasaran Kecekapan Operasi Yang Munasabah

1. Peratusan pengurangan kos setiap pelajar merujuk kepada penurunan kos tahunan yang munasabah berbanding dengan bilangan keseluruhan pelajar di UMPSA.
2. Peratus pulangan kewangan atas kapasiti fizikal merujuk kepada pulangan dalam bentuk kewangan daripada kepakaran staf dan harta modal UMPSA.
3. Pengurangan peratusan kos operasi akademik yang ditanggung oleh universiti berasaskan pulangan kapasiti akademik.

Peratus penjimatan kos per pelajar bagi tahun 2023 adalah sebanyak 24.54 peratus (RM7,363) iaitu jumlah kos per pelajar adalah sebanyak RM22,637.00 berbanding standard kos per pelajar KPT setahun RM30,000.00. Untuk peratus kumulatif pulangan kewangan atas kapasiti fizikal, peratus pencapaian adalah sebanyak 14.32 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan oleh universiti iaitu 15 peratus tahun 2023. Bagi pengurangan peratusan kos operasi akademik yang ditanggung oleh universiti berasaskan pulangan kapasiti akademik, universiti berjaya mencapai peratus yang telah ditetapkan iaitu sembilan peratus bagi tahun 2023.

**Carta 32: Pengukuhan Sumber Kewangan UMPSA Tahun 2023**



**Confucius Institute (CI) UMPSA Menerima Buku Sumbangan dari China**

CI UMPSA telah menerima sebanyak 372 buku sumbangan dari *Center for Language Education and Cooperation (CLEC)*, China Kali Keempat pada 10 November 2023 dengan jumlah nilai ¥30,000 bersamaan dengan nilai RM19,425.00. Buku-buku ini disumbangkan dengan tujuan membangunkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin di CI UMPSA serta tapak pengajaran CI bagi menubuhkan sudut pembacaan bahasa Mandarin. Jenis buku bahasa Mandarin yang diterima termasuklah buku pembelajaran bahasa Mandarin, buku seni budaya Cina, kamus bahasa Mandarin, buku cerita dan lain-lain.

**Confucius Institute (CI) UMPSA menawarkan Biasiswa Confucius Institute**

CI UMPSA telah menawarkan biasiswa CI kepada 55 orang pelajar-pelajar yang menang dalam aktiviti bahasa dan budaya yang bernilai RM8,904.00. Biasiswa diberikan adalah pengambilan ujian HSK secara percuma dan biasiswa mengambil satu kursus bahasa Mandarin anjuran CI UMPSA secara percuma dalam tempoh setahun. CI UMPSA telah menyemarakkan inovasi dalam penganjuran program bahasa Mandarin secara dalam talian pada tahun 2023. CI UMPSA telah menganjurkan program bahasa Mandarin secara dalam talian seperti *Dragon Boat Festival*.



# Kecemerlangan Ekosistem Universiti

---



Ekosistem universiti merujuk kepada interaksi antara unit-unit yang saling mempengaruhi dan bergantung antara satu sama lain dalam menyediakan perkhidmatan universiti. Manakala kecemerlangan ekosistem universiti pula boleh didefinisikan sebagai kebolehan dan kemampuan untuk menggabungkan dan menggunakan segala potensi sumber manusia dan peralatan yang ada dalam setiap unit di universiti dalam menyediakan perkhidmatan melangkaui keperluan dan kehendak pelanggan. Kecemerlangan ini perlu disokong dengan pembudayaan prestasi kerja aras tinggi, inovatif dan berintegriti.

**Mengamalkan persekitaran kerja yang inovatif dan cemerlang**

**5 A: Kecemerlangan Sistem Pengurusan Universiti**

**5 B: Sumber Manusia yang Sejahtera**

**5 C: Kampus Pintar dan Lestari**



# Kecemerlangan Ekosistem Universiti

## Kecemerlangan Sistem Pengurusan Universiti

Kecemerlangan sistem pengurusan universiti merujuk kepada satu mekanisme tadbir urus yang seragam dan berstruktur yang bertujuan menjadi kawalan serta pemantauan pentadbiran untuk keseluruhan fungsi utama universiti. Pengurusan universiti adalah berlandaskan kepada perlembagaan, statut dan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa, pekeliling serta dasar kerajaan yang diguna pakai di UMPSA. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi Lonjakan 6 iaitu pemantapan tadbir urus, persekitaran kerja yang dinamik dan semakan semula serta pembaharuan sistem pengurusan adalah diperlukan.

## Perpustakaan

Menelusuri evolusi kecemerlangan 21 tahun keberadaan UMPSA, Perpustakaan UMPSA juga berada di landasan penjenamaan tersebut sebagai Perpustakaan UMPSA. Perpustakaan masih kekal berdiri sebagai komponen penting dalam menyokong landskap pendidikan dan penyelidikan universiti yang dinamik hingga ke hari ini.

### Perkhidmatan Baharu



Perkhidmatan baharu yang ditawarkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan perpustakaan adalah Robot AI 'Temi'.

**Gambar Rajah 87: Perincian Robot AI Temi**




Selain itu, penambahbaikan perkhidmatan rujukan, susun atur semula Koleksi Projek Sarjana Muda (PSM) di UMPSA Kampus Gambang dan UMPSA Pekan juga telah dilaksanakan. Pengguna tidak perlu lagi ke kaunter rujukan. PSM boleh diakses di rak terbuka bermula September 2023.

### Koleksi Perpustakaan

Memperkasa koleksi digital perpustakaan memainkan peranan penting dalam mengharungi perubahan kecanggihan transformasi digital dan ledakan kecerdasan buatan (AI) dalam dunia pendidikan dan penyelidikan universiti. Proses ini melibatkan peralihan daripada koleksi fizikal tradisional kepada bahan digital yang lebih dinamik dan boleh diakses tanpa batasan waktu dan tempat. Pada tahun 2023, perolehan koleksi digital meningkat sejajar dengan peruntukan yang diperoleh.

Pada tahun 2023, koleksi bahan hadiah dengan anggaran nilai RM95,066.94 telah diperoleh hasil daripada sumbangan warga UMPSA. Objektif strategi dalam meningkatkan perolehan bahan hadiah amat memberangsangkan apabila berlaku peningkatan nilai sumbangan sebanyak RM26,047.94 berbanding tahun 2022.

**Gambar Rajah 88: Koleksi Perpustakaan UMPSA Tahun 2023**



Beberapa ruang Sudut Komuniti disediakan di Perpustakaan UMPSA bagi pelajar beriadah. Antara permainan yang disediakan adalah pingpong dan karom.



## Pencapaian Perkhidmatan

Pencapaian yang cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan bukan sahaja mencerminkan kesan perpustakaan terhadap komuniti penggunanya, malah memberi pandangan yang bernalih untuk penambahbaikan berterusan dan perancangan strategik yang lebih baik.

**Gambar Rajah 89: Pencapaian Perkhidmatan UMPSA Tahun 2023**



## Unit Arkib Universiti (UAU)

Arkib Universiti merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam menerima, memperoleh, menyimpan, memelihara dan melupus rekod atau bahan arkib universiti. Perpustakaan UMPSA telah mendapat mandat bagi menguruskan Arkib Universiti dan pada tahun ini, kelulusan Dasar Arkib Universiti telah diperoleh daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 5 Julai 2023.

**Gambar Rajah 90: Perincian Unit Arkib Universiti (UAU) Tahun 2023**



**Pelupusan 606**  
Rekod Pusat Tanggungjawab (PTJ)

**Pelupusan  
1,308 KG Rinch**

**Penerimaan 163**  
Rekod Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Jerayawara

**5** Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- Jabatan Bendahari
- Pejabat Naib Canselor (PNC)
- Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)



## Kolaborasi bersama Yayasan Bank Rakyat (YBR)

Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Keempat iaitu memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama, Serambi Ilmu Rakyat (SIR Corner) telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yusarie Zainuddin bersama Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat, Syaiful Abdul Ghani. Projek Khidmat Masyarakat (CSR) YBR ini juga turut menyerahkan inisiatif pemberian Bantuan Awal Pendidikan (BAP) 2023 berjumlah RM100,000.00 kepada 100 orang pelajar UMPSA yang terpilih bagi mengurangkan beban kewangan pelajar-pelajar B40.

**Gambar Rajah 91: Perincian Serambi Ilmu Rakyat**

1. Kursus Asas Bahasa Isyarat ini merupakan inisiatif Objektif Strategik 5: Kecemerlangan Ekosistem Universiti selaras dengan Teras 5B: Sumber Manusia Yang Sejahtera dan Berbakat, 5B(3) Skor MyU-OKU dan pelaksanaan inisiatif ini dikategorikan di bawah PPU 2A(2) Staf atau pelajar yang mengikuti latihan teknikal kendalian industri dalam Pelan Strategik UMPSA 2023-2025.
2. Kursus ini adalah merupakan kerjasama strategik di antara Unit Perkhidmatan OKU UMPSA, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) dan Persatuan Orang Pekak Pahang (PADA).
3. Kursus ini telah dilaksanakan pada 6 sehingga 8 November 2023 (Siri 1) dan 20 sehingga 22 November 2023 (Siri 2) bertempat di Makmal Komputer, Perpustakaan UMPSA Pekan.
4. Setiap peserta yang telah mengikuti kursus ini akan secara automatik menjadi KARIB OkUMPSA DAMAi (Sukarelawan OKU UMPSA).

**Gambar Rajah 102: Senarai Tarikh Bersejarah OkUMPSA Tahun 2023****Jadual 135: Pencapaian OkUMPSA Peringkat Antarabangsa Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>Workshop on Development of Inclusive Open Textbook (iOTB)</i>	1 hingga 3 November 2023	Kota Kinabalu, Sabah
2.	Dijemput sebagai pameran di <i>8<sup>th</sup> Global Higher Education Forum 2023 (GHEF2023)</i>	15 hingga 17 November 2023	Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA
3.	Persediaan bagi Majlis Penganjuran <i>Showcase Inclusive Open Educational Resources (iOER)</i>	28 Disember 2023	Secara Dalam Talian/ Studio Hab Digital Inklusif OkUMPSA

**Jadual 136: Pencapaian OkUMPSA Peringkat Kebangsaan Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Lawatan daripada PETRONAS Dagangan: Program Julung Kali Management Trainee for Disability	12 Jun 2023	Perpustakaan UMPSA Pekan
2.	<i>Masterclass Management of Return To Work (RTW)</i> anjuran PERKESO	22 Jun 2023	PERKESO Kuantan
3.	<i>Maybank Work Placement Programme Onboarding Day &amp; Maybank Group Sustainability Week</i>	14 Ogos 2023	Menara Maybank, Kuala Lumpur
4.	Kolaborasi Strategik bersama Hab Usahawan Belia dan OKU Negeri Pahang	16 Ogos 2023	UMPSA Pekan
5.	Jemputan bagi membentang ( <i>Pitching</i> ) di Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 Kementerian Pendidikan Tinggi	17 Ogos 2023	Dewan Za'aba, Kementerian Pendidikan Tinggi
6.	Sesi Libat Urus Pemerkaan Mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) di Universiti Awam anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	11 September 2023	Hotel Vivatel, Kuala Lumpur
7.	Jemputan Sebagai Pembentang di Seminar Pemerkaan Ekosistem Inklusif di Universiti Awam anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	25 hingga 26 September 2023	Hotel Vivatel, Kuala Lumpur
8.	Jemputan Sebagai Pempamer untuk Pameran Berteraskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Sempena Minggu Sains Negara 2023	10 hingga 11 November 2023	UMPSA Pekan
9.	Sesi Libat Urus Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Dasar Ekosistem Inklusif OKU di Universiti Awam anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	19 Disember 2023	Hotel Vivatel, Kuala Lumpur

**Jadual 137: Pencapaian OkUMPSA Peringkat Antarabangsa Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1.	Siri Santai dan Santun OkUMPSA 2023	6 Januari 2023
2.	Ziarah Muhibah OkUMPSA dan Pendaftar UMPSA ke Kediaman Staf OKU (Mohd Iszuani Mohd Hassan)	13 Januari 2023
3.	Lawatan Pemantauan Pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	26 Januari 2023
4.	Lawatan Kerja Misi Ekosistem Inklusif Kerohanian (MEiROHANI) ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1 hingga 2 Februari 2023
5.	Ziarah S.A.M.P.A.i Pelajar OKU di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	9 Februari 2023
6.	Perbincangan Kerjasama Strategik di antara OkUMPSA dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	14 Februari 2023
7.	Jemputan Lawatan Pemantauan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Universiti Sains Malaysia (USM)	16 Februari 2023
8.	Bengkel Pembangunan Modul i.K.M.A.L dan Kolaborasi Strategik di antara UMPSA, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang, Seibu Shoko Corporation Limited, Akar Indah Engineering dengan KV Studio	23 hingga 25 Februari 2023
9.	Perbincangan Kolaborasi Strategik OkUMPSA bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (SUK)	16 Mac 2023
10.	Perbincangan Kolaborasi Strategik OkUMPSA bersama Far East Holdings Berhad	20 Mac 2023
11.	Lawatan Penanda Aras Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah, Pekan bagi Input Berkenaan Pelajar Lepasan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekitar Sekolah Daerah Pekan	11 April 2023
12.	Perbincangan Potensi Kolaborasi Strategik Bersama EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Industri	5 Mei 2023
13.	Bengkel Pembangunan Modul i.K.M.A.L Siri 3 2023	16 hingga 18 Jun 2023
14.	Penyerahan Kerusi Roda Elektronik Kepada Siti Hawa Apandi	30 Jun 2023
15.	Lawatan Kunjung Hormat dan Penanda Aras Perkhidmatan Sokongan OkUMPSA daripada University College of Yayasan Pahang (UCYP)	6 Julai 2023
16.	Mesyuarat Prestasi Perbelanjaan Program Pemulihan dalam Komuniti bersama Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi	12 Julai 2023
17.	Mesyuarat <i>Collaboration Initiative for Dual Degree Program Malaysia-Japan With Job Matching Opportunities</i> bersama Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, Dr. Munira Abdul Razak, Nobi dan Wahida dari Seibu Shoku	24 Julai 2023
18.	Kursus Pengendalian Peralatan Studio dan <i>Multi-Camera Production</i> (MCP) di Studio OkUMPSA	25 hingga 26 Julai 2023
19.	Sesi Semakan Tandatangan Perjanjian Bantuan Kewangan Pertubuhan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Pahang Ogos 2023 - Februari 2024	1 Ogos 2023
20.	Perjumpaan bersama Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin (Pembentangan Laporan Bulanan Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya)	3 Ogos 2023


BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
21.	Bengkel Pelan Strategik UMPSA 2023 (Pencapaian, Kemajuan Inisiatif dan Penggunaan Bajet Pelan Strategik) di Kuala Terengganu	4 hingga 6 Ogos 2023
22.	Program Keusahawanan Pahang (Bengkel Pengurusan Akaun, Cukai, Zakat dan Pemasaran Digital Bersama Maxis Business)	16 Ogos 2023
23.	Penglibatan Van Mobiliti dalam Perarakan dan Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan ke 66, 2023.	31 Ogos 2023
24.	Lawatan Penanda Aras dan Kolaborasi Strategik Bersama Koperasi Esport Pahang Berhad (KEPB)	6 September 2023
25.	Mesyuarat Libat Urus Bersama Premium Language Centre (PLC) Berkaitan Kemasukan Pelajar OKU dari Libya Ke UMPSA	12 September 2023
26.	Ziarah S.A.M.P.A.i ke Darul Makmur Medical Centre (DMMC) Kuantan Bersama Dr. Ahmad Redza Ahmad Mokhtar	19 September 2023
27.	Ziarah S.A.M.P.A.i ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS), Temerloh bersama Mohd Iszuani Mohd Hassan	19 September 2023
28.	Perbincangan Sambutan Hari OKU Peringkat Negeri Pahang	6 Oktober 2023
29.	Pengambilan gambar korporat Pusat Sejahtera di Studio OkUMPSA	9 Oktober 2023
30.	Siri rakaman video S.A.M.P.A.i : GRADUAN OKU UMPSA 2023 Sempena Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18	19 hingga 24 Oktober 2023
31.	Jemputan sebagai pempamer bagi Pameran Berteraskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Sempena Minggu Sains Negara 2023	9 hingga 11 November 2023
32.	<i>3<sup>rd</sup> Annual Special Education Needs Symposium – Conference Theme – Driving The Care Economy : Parents as Advocates in Special Education</i>	19 November 2023
33.	Sesi Rakaman Ucapan Naib Canselor UMPSA Sambutan Hari OKU Sedunia tahun 2023	23 November 2023
34.	Sesi Rakaman Video Bahasa Isyarat bagi ucapan Naib Canselor UMPSA sempena Sambutan Hari OKU Sedunia tahun 2023 Dibantu Jurubahasa Isyarat – Ts. Dr. Fatin Zafirah Mansur	30 November 2023
35.	Sambutan Hari OKU Sedunia 2023	3 Disember 2023
36.	Lawatan Penanda Aras OkUMPSA ke Politeknik Primier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MEiMANTAP)	4 Disember 2023
37.	<i>Strategic Collaboration Series with Premium Language Centre (PLC)</i>	4 Disember 2023
38.	<i>4<sup>th</sup> Edition Asia Smart Campus Summit 2023 (ASCS 2023)</i>	5 Disember 2023
39.	<i>Big Cleaning Day</i> dan Praaudit Peringkat Induk (Perpustakaan)	5 Disember 2023
40.	<i>Strategic Collaboration Series</i> Bersama Haliza Ahmad dari Asia E University	6 Disember 2023
41.	Mesyuarat Kolaborasi Ekosistem Inklusif Strategik UMPSA – UBD (Universiti Brunei Darussalam)	7 Disember 2023
42.	Sesi Facebook Live bagi Promosi Program Akademik oleh Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik – Penggunaan Studio OkUMPSA	19 hingga 22 Disember 2023
43.	Persediaan bagi Majlis Penganjuran Showcase Inclusive Open Educational Resources (iOER)	28 Disember 2023

## Kaunseling


Pusat Sejahtera telah dijenamakan pada 1 April 2022. Perkhidmatan kaunseling pelajar dan staf telah disatukan dan ditempatkan di bawah naungan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA). Pusat Sejahtera menyediakan perkhidmatan kaunseling individu, kelompok, bimbingan, pengujian psikometrik serta penganjuran program kesedaran, pemulihan dan intervensi yang berkaitan dengan kesihatan mental, pengurusan stres, dan sebagainya.


### Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Pelajar

Gambar Rajah 103: Perincian Pelajar Menerima Perkhidmatan Kaunseling Individu Tahun 2023



Gambar Rajah 104: Perincian Pelajar Menerima Perkhidmatan Kaunseling Kelompok Tahun 2023



**Gambar Rajah 105: Perincian Pelajar Menerima Perkhidmatan Bimbingan Tahun 2023**

## Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Staf

**Gambar Rajah 106: Perincian Staf Menerima Perkhidmatan Kaunseling Individu Tahun 2023****Gambar Rajah 107: Perincian Staf Menerima Perkhidmatan Bimbingan Tahun 2023****Jadual 138: Perincian Sesi Kaunseling Pelajar dan Staf Tahun 2023**

BIL.	SESI KAUNSELING	PELAJAR	STAF
1.	Sesi Kaunseling Individu	464	85
2.	Sesi Kaunseling Kelompok	54	0
3.	Sesi Bimbingan	156	55
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>674</b>	<b>140</b>

**Jadual 139: Senarai Program Pusat Sejahtera Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1.	Academic Survival Siri 1	25 Mac 2023
2.	Chit Chat Pusat Sejahtera: Path to Future	20 Mei 2023
3.	Mengenali Personaliti dan Gaya Bercinta	17 dan 24 Mei 2023
4.	Celik Kewangan UMPSA Siri 1 (UMPSA Kampus Gambang)	24 Mei 2023
5.	Celik Kewangan UMPSA Siri 2 (UMPSA Pekan)	30 Mei 2023
6.	Klinik Bergerak Pusat Sejahtera UMPSA Pekan	16 Jun 2023
7.	University Young Motivator Competition (UMAC)	17 Jun 2023
8.	Lawatan Penanda Aras Program Pementoran di POLISAS	19 Jun 2023
9.	Program Pementoran UMPSA 2023/2024	26 Jun 2023
10.	Program <i>I am A Survivor</i>	
11.	Program Pembimbing Rakan Sebaya (TVET): Slot Bersama Guru Kaunseling Kolej Vokasional	5 Ogos 2023
12.	Program <i>Self-Adaptation</i>	6 Ogos 2023
13.	Pertandingan <i>Intevarsity Young Motivator (IMAC) 2023</i>	21 hingga 24 Ogos 2023
14.	Klinik Kaunseling: Ujian Personaliti TAJMA	10 Ogos 2023
15.	Siri Transformasi Eksekutif Perdana (STEP) Siri 10/2023: Wanita dan Kerjaya	20 September 2023
16.	Academic Survival Siri 2	4 November 2023
17.	Seminar Perubatan Islam dan Kesihatan Mental	8 November 2023

**Jadual 140: Senarai Program Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat UMPSA 2023**

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1.	Program <i>Self-Adaptation</i>	7 Oktober 2023
2.	Program Bicara Minda Sihat	10 Oktober 2023
3.	Program <i>Expressive Dance Therapy</i>	12 Oktober 2023
4.	Program <i>Expressive Art Therapy</i>	14 Oktober 2023
5.	Program Bersama Selebriti dan Majlis Perasmian serta Penutupan Sambutan Bulan Kaunseling UMPSA 2023	23 Oktober 2023

**Jadual 141: Senarai Inisiatif Pusat Sejahtera Tahun 2023**

BIL.	INISIATIF	AKTIVITI
1.	Penambahbaikan Proses kerja	Pembangunan Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Pelajar UMPSA
2.	Pembangunan Sistem Pusat Sejahtera	Sistem E-Sejahtera Pelajar
		Sistem Students Profiling
		Sistem DASS-21

Saringan Minda Sihat kepada pelajar dilakukan sebagai saringan awal isu kesihatan mental. Data ini membantu Pusat Sejahtera untuk memberikan intervensi bersasar kepada pelajar yang telah dikenal pasti.

**Jadual 142: Senarai Laporan Saringan Minda Sihat Tahun 2023**

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH SARINGAN YANG DIKENAL PASTI MENDAPAT SKOR TERUK DAN SANGAT TERUK	JUMLAH HADIR SESI KAUNSELING
1.	Semester 2 2022/2023 (Ijazah)	30/205	10
2.	Semester 0 2023/2024 (Diploma)	61/408	19
3.	Semester 1 2023/2024 (Ijazah)	46/134	30

## Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

### Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) UMPSA 2023

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMPSA 2023: Moh Patuh Prihatin dan Tegur, Proaktif dalam Mencegah Kemalangan anjuran Unit Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) berlangsung selama seminggu bermula pada 9 hingga

13 Oktober 2023. Penyerahan sijil penghargaan dan cenderahati kepada jabatan yang memperoleh penarafan 4 dan 5 Bintang di dalam Audit Penarafan KKP 2022 telah diserahkan di dalam Majlis Pelancaran Minggu KKP UMPSA 2023.

**Jadual 143: Perincian Penarafan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tahun 2023**

<b>5 BINTANG</b>	<b>4 BINTANG</b>			
	<b>PENTADBIRAN</b>	<b>MAKMAL</b>	<b>RESIDEN PELAJAR</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Residen Pelajar 1</li> <li>• Pusat Teknologi Digital</li> <li>• Pusat Kesihatan Universiti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Sains Matematik (PSM)</li> <li>• Jabatan Perundungan</li> <li>• Perpustakaan</li> <li>• Pusat Bahasa Moden (PBM)</li> <li>• Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH)</li> <li>• Pusat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Sukan dan Kebudayaan</li> <li>• Pejabat Naib Canselor (PNC)</li> <li>• Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA)</li> <li>• Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik</li> <li>• Pusat Sumber Pengajaran dan E-Pembelajaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)</li> <li>• Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)</li> <li>• Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)</li> <li>• Makmal Berpusat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Residen Pelajar 5</li> <li>• Residen Pelajar 3</li> <li>• Residen Pelajar 2</li> </ul>

### Kepatuhan Perundungan

**Gambar Rajah 108: Senarai Kepatuhan Perundungan Tahun 2023**



#### Pemeriksaan Fasiliti Biokeselamatan

- Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)

#### Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (CHRA)

- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)
- Pusat Automotif

## Audit dan Pemeriksaan



### Penguatkuasaan OPS COMODO 2023

Penguatkuasaan OPS COMODO 2023 atau nama penuhnya *Combat Dangerous Condition* (COMODO) berlangsung pada bulan Julai sehingga Ogos 2023. Objektif pada tahun 2023 melibatkan pemeriksaan terhadap pengurusan bahan kimia, sisa terjadual, silinder gas dan peralatan pencegahan kebakaran yang melibatkan enam fakulti dan enam Pusat Kecemerlangan (CoE) yang mempunyai makmal mengandungi bahan kimia berbahaya kepada kesihatan.



**Gambar Rajah 109: Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) OSHMO Tahun 2023**

Program CSR OSH in Tahfiz pada 23 November 2023 di Riyadus Solihin Kampung Semangat, Kuantan.

**Jadual 144: Senarai Aktiviti OSHMO Tahun 2023**

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Pemeriksaan Jentera untuk Perbaharui Lesen (COF) oleh Pegawai Pemeriksa dari DOSH Pahang	20 Februari 2023	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF)
2.	<i>Online Course: Safe Handling of Chemicals</i>		Dalam Talian
3.	Semakan Hasil Kerja Penutup Longkang Konkrit Kepada Besi Yang Baharu Disiapkan Mengikut Fasa	9 Mac 2023	Sekitar Bangunan Makmal UMPSA Kampus Gambang
4.	Webinar: Ergonomik di Pejabat: Sistem Paparan Visual dan Kesan Kepada Kesihatan	20 Mac 2023	Dalam Talian
5.	Pemeriksaan Jentera Untuk Memohon Lesen (COF)	27 March 2023	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)
6.	<i>Webinar: Scheduled Waste Management: You and Legislation</i>	5 April 2023	
7.	Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) oleh Penerima Anugerah	3 Mei 2023	Dalam Talian
8.	OPS COMODO Kontraktor Pembersihan	10 Mei 2023	
9.	Sesi Perkongsian Integrasi Sistem Pengurusan ISO, SDG, ESG oleh Perunding ISOS	23 Mei 2023	UMPSA Pekan
10.		8 Jun 2023	Pusat Automotif
11.	Pemeriksaan Jentera untuk Perbaharui Lesen (COF)	19 Jun 2023	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)
12.	Sesi Perkongsian Masalah Ergonomik dalam Kalangan Komuniti UMPSA	11 Julai 2023	Dalam Talian
13.	Peserta Klinik HIRAO 2023 dibantu oleh Fasilitator OSHMO	7 Ogos 2023	UMPSA Kampus Gambang
14.	Latihan Kawad Kecemasan dengan Kerjasama BOMBA Cawangan Taman Tas dan Taklimat serta Latihan Pertolongan Cemas	15 Ogos.2023	Pusat Kesihatan Universiti, UMPSA Pekan
15.	Lawatan Kerja	15 Ogos.2023	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
16.	Lawatan Kerja	16 Ogos 2023	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
17.	Pemeriksaan Jentera untuk Permohonan Lesen (COF) oleh Pegawai Pemeriksa dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pahang	16 Ogos 2023	Unit Landskap, UMPSA Pekan
18.	Latihan Kawad Kecemasan dengan Kerjasama Pihak BOMBA Cawangan Peramu Pekan	17 Ogos 2023	Pusat Teknologi Digital (DiTEC)
19.	Lawatan Kerja	4 September 2023	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pahang
20.	Kawad Kecemasan dan Kursus Pemadamkan Api Bersama Pihak Bomba Malaysia	7 September 2023	UMPSA Kampus Gambang
21.	Lawatan Kerja sebagai Penanda Aras dan Perkongsian Maklumat	12 September 2023	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
22.	Bengkel Pemeriksaan Tempat Kerja	19 September 2023	UMPSA Kampus Gambang
23.	Bengkel Penyiasatan Kemalangan	4 Oktober 2023	UMPSA Kampus Gambang
24.	Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) UMPSA 2023	10 Oktober 2023	UMPSA Pekan
25.	Latihan Kawad Kecemasan	12 Oktober 2023	Taman Teknologi Inovasi (TTI), UMPSA Kampus Gambang
26.	Sesi Perkongsian Bekerja di Pejabat dan Risikonya untuk Hidap Penyakit Otot Rangka	13 Oktober 2023	Dalam Talian
27.	Lawatan Pemeriksaan oleh Jabatan Atom Malaysia bagi Pemeriksaan Kepatuhan Program Perlindungan Sinaran di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984	12 Oktober 2023	UMPSA Kampus Gambang
28.	Latihan Kawad Kecemasan	17 November 2023	UMPSA Kampus Gambang
29.	Kursus ISO	15 hingga 16 November 2023	UMPSA Kampus Gambang
30.	Pemeriksaan dan Teguran Penambahbaikan Peralatan bagi Kegunaan Pascabanjir	30 November 2023	UMPSA Kampus Gambang
31.	Latihan Pengungsian Bangunan ( <i>Fire Drill</i> )	20 Disember 2023	Kolej Kediaman 2
32.		28 Disember 2023	UMPSA Kampus Gambang

## Kepimpinan dan Kebajikan Kepada Mahasiswa

**Jadual 145: Senarai Program Kepimpinan dan Kebajikan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) Tahun 2023**

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Akademi Imam Muda	13 hingga 15 Januari 2023	D'hati Kita Resources Chalet, Sungai Lembing, Pahang
2.	Festival Ramadan	Sepanjang Bulan Ramadan	Masjid UMPSA Pekan dan UMPSA Kampus Gambang
3.	Iftar Jamaie	Berbuka Puasa Setiap Hari Khamis	
4.	Akademi Da'i Muda	3 hingga 4 November 2023	Akademi A.D.A.B., UMPSA Pekan
5.	<i>My Intellectual Circle (MYIC)</i>	7 November 2023	Masjid UMPSA Kampus Gambang

## Kampus Pintar dan Lestari

Kampus pintar adalah pemodenan proses kerja UMPSA bagi memastikan perkhidmatan dan operasi dapat dipertingkatkan melalui penyediaan dan penggunaan teknologi terkini secara pintar. Manakala kampus lestari pula merujuk kepada kampus yang memenuhi keperluan sosial, dibangun dan diuruskan dengan kos yang munasabah dan sesuai dengan persekitaran dalaman dan luaran UMPSA.



## Kampus Pintar

UMPSA berhasrat untuk menjadi sebuah kampus pintar (*Smart Campus*) dan pelaksanaan inisiatif ini seiring dengan saranan kerajaan dalam memperkasakan agenda kerajaan digital di negara ini. Di UMPSA, inisiatif ini diletakkan di bawah Jabatan Pengurusan Pengetahuan dan Teknologi Maklumat (JPPTM). Bertepatan dengan keperluan dalam era Revolusi Industri 4.0, universiti perlu melaksanakan transformasi

digital (*digital transformation*) kepada sebuah kampus pintar agar terus relevan terhadap keperluan semasa. Kampus pintar ialah suatu persekitaran kampus yang mampu menyediakan teknologi dan infrastruktur yang cekap dalam penyampaian perkhidmatan kepada seluruh warga UMPSA. Ia juga dapat membantu untuk menyokong dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.

### VISI

Mewujudkan persekitaran kampus pintar melalui reka bentuk dan teknologi yang menekankan kepada kualiti hidup, keselamatan dan kelestarian.


### MISI

Kampus pintar juga membantu warga kampus, termasuk pelajar dan staf dengan menyediakan akses mudah kepada sumber pembelajaran, perkhidmatan kampus, dan maklumat penting. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran meningkatkan interaktif dan kreativiti, sementara itu sistem pengurusan menyediakan kelancaran operasi dalam perkhidmatan kampus.



UMPSA telah membangunkan *blueprint* kampus pintar bagi tahun 2022-2025. Perlaksanaan kampus pintar di UMPSA ini telah dibahagikan kepada lima skop utama yang digelar *smart pillar*. Setiap *smart pillar* ini diketuai oleh seorang *champion* bagi memantau perjalanan setiap inisiatif di bawah *smart pillar* masing-masing. *Smart pillar* tersebut ialah *smart learning*, *smart management*, *smart healthcare*, *smart governance* dan *smart community*. Sebanyak 40 inisiatif telah digariskan sepanjang tahun 2022 hingga 2025 bagi kampus pintar UMPSA.

**Gambar Rajah 110: Smart Pillars dan Jumlah Inisiatif Kampus Pintar UMPSA**






### Smart Learning

Smart Pillar yang pertama ialah *Smart Learning*. *Smart Learning* bertujuan untuk meningkatkan proses pembelajaran melalui penggunaan teknologi *digital learning*, *augmented reality* dan *virtual reality* di samping menyediakan sistem aplikasi yang lebih baik. Terdapat lapan inisiatif di dalam *smart pillar* ini dan dua daripadanya telah berjaya dilaksanakan.


**Carta 36: Kemajuan Inisiatif Smart Learning Tahun 2023**



### Smart Management

*Smart Management* memperkenalkan sistem pengurusan maklumat terpadu untuk meningkatkan kecekapan sistem operasi universiti termasuk dari segi capaian maklumat, keselamatan, penggunaan sumber dan analisis. Tujuan *smart management* adalah untuk meningkatkan ketelusan, kebolehpercayaan, dan kecekapan pengurusan universiti. Sebanyak sepuluh inisiatif di bawah *smart pillar* ini dan dua daripadanya telah berjaya dilaksanakan. Pada tahun 2023, inisiatif *Digital Wi-Fi Campus* yang merupakan projek *high impact* telah berjaya dilaksanakan dan memberi manfaat kepada warga kampus.


**Carta 37: Kemajuan Inisiatif Smart Management Tahun 2023**



### Smart Healthcare

*Smart Healthcare* adalah bagi tujuan menyediakan satu pengurusan kesihatan dan meningkatkan aksesibiliti kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik melalui sistem *Digital Medical Record* yang sedang dibangunkan serta *self-access dashboard* bagi pemantauan kendiri rekod kesihatan.

**Carta 38: Kemajuan Inisiatif Smart Healthcare Tahun 2023**




### Smart Governance

*Smart Governance* bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dan governan di samping meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Terdapat sembilan inisiatif di bawah pillar ini iaitu dua daripadanya telah pun selesai dilaksanakan menjelang penghujung tahun 2023. Kedua-dua inisiatif yang telah selesai itu ialah *Vehicle Fleet Management System* (Fasa 1) dan juga *Cloud Document Management System* yang menggunakan sistem DDMS daripada MAMPU. Terdapat enam inisiatif yang sedang berjalan dan satu inisiatif akan bermula pada tahun 2025.




**Carta 39: Kemajuan Inisiatif *Smart Governance* Tahun 2023**



### Smart Community

Smart Pillar yang terakhir ialah *Smart Community*. Ia menyediakan platform kolaborasi bagi warga UMPSA. Penyeragaman platform e-mel dan pembangunan *UMPSA SuperApp* dijangka akan lebih memberi nilai tambah kepada warga UMPSA dalam capaian ke sistem aplikasi UMPSA dengan lebih mudah.


**Carta 40: Kemajuan Inisiatif *Smart Community* Tahun 2023**



## Kemudahan Rangkaian UMPSA

Perkhidmatan rangkaian di UMPSA merangkumi rangkaian berwayar dan tanpa wayar telah digunakan sejak tahun 2003. Perkhidmatan ini dapat dimanfaatkan oleh warga UMPSA merangkumi staf, pelajar dan pihak ketiga seperti anak syarikat, koperasi, badan beruniform dan lain-lain. Bermula pada tahun 2018 hingga 2021, hampir 90 peratus perkakasan rangkaian di UMPSA telah mencapai status usang (*obsolete*) dan tiada sokongan alat ganti daripada pengeluar peralatan. Teknologi rangkaian sedia ada di UMPSA telah ketinggalan jika dibandingkan dengan keperluan semasa yang memerlukan kepada ciri-ciri mobiliti, fleksibiliti, automasi dan kepintaran.

Pelan Strategik UMPSA (UMPSA-25) di bawah Objektif Strategik 5: Kecemerlangan Ekosistem Universiti telah meletakkan Kampus Pintar dan Kampus Lestari sebagai satu teras strategik yang perlu dicapai. Maka keperluan untuk memperkasakan infrastruktur rangkaian dan kemudahan rangkaian tanpa wayar adalah penting untuk menyokong teras ini dan diletakkan di bawah tanggungjawab Pusat Teknologi Digital (DiTec). Pada November 2021, permohonan peruntukan RMK-12 bagi projek ICT telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Pelaknaan projek naik taraf rangkaian baharu UMPSA telah selesai sepenuhnya pada September 2023.

**Gambar Rajah 111: Skop Naik Taraf Rangkaian UMPSA****Gambar Rajah 112: Reka Bentuk Baharu bagi Peningkatan Jalur Lebar dan Menyokong Penjimatan**

**Gambar Rajah 113: Perbandingan Liputan Wi-Fi Sebelum dan Selepas Naik Taraf di UMPSA Pekan**

**Liputan Wi-Fi Sebelum Naik Taraf di UMPSA Pekan**




- 50 peratus liputan Wi-Fi kawasan berpenghuni
- Tiada liputan Wi-Fi kawasan *outdoor*

**Liputan Wi-Fi Selepas Naik Taraf di UMPSA Pekan**



- 95 peratus liputan Wi-Fi kawasan berpenghuni
- 10 peratus liputan Wi-Fi kawasan *outdoor*


**Gambar Rajah 114: Kawasan *Outdoor* di UMPSA Pekan**




- Sokongan *wireless hotspot* dan IoT coverage untuk projek penyelidikan dan pembangunan di UMPSA
- Sokongan *wireless hotspot* untuk lokasi tumpuan warga UMPSA

**Gambar Rajah 115: Perbandingan Liputan Wi-Fi Sebelum dan Selepas Naik Taraf di UMPSA Kampus Gambang**

**Liputan Wi-Fi Sebelum Naik Taraf di UMPSA Kampus Gambang**



**Liputan Wi-Fi Sebelum Naik Taraf di UMPSA Kampus Gambang**



**Gambar Rajah 116: Kerja-kerja Naik Taraf Rangkaian di UMPSA Kampus Gambang**



- 40 peratus liputan Wi-Fi kawasan berpenghuni


- 95 peratus liputan Wi-Fi kawasan berpenghuni

## Kampus Lestari

UMPSA merupakan mercu tanda pendidikan tinggi bagi negeri Pahang. Sebagai salah sebuah UA yang berteraskan teknologi, UMPSA giat menjalankan aktiviti pendidikan, pembelajaran dan penyelidikan berkenaan teknologi semasa, terutamanya dalam mempelopori teknologi boleh baharu. Tenaga Elektrik merupakan perkara teras bagi menjalankan perniagaan. Pendidikan juga adalah merupakan cabang perniagaan dan semestinya bekalan elektrik berterusan perlu dititikberatkan. Tenaga elektrik dijanakan oleh bahan bakar seperti arang batu, gas, dan minyak. Ia merupakan

bahan yang guna habis bermaksud sumber yang terhad. Sehubungan itu, tenaga boleh baharu perlu dijanakan bagi mengatasi permasalah ini. Tenaga elektrik daripada Cahaya Matahari atau solar adalah tidak asing lagi di Malaysia. Teknologi ini semakin mendapat sambutan kepada pengguna. UMPSA Pekan telah memasang sistem solar berkapasiti 3.58MWp bagi penjanaan bekalan elektrik. Pemasangan sistem ini telah bermula sejak bulan 8 Mei 2023 dan siap sepenuhnya pada 29 November 2023.

**Gambar Rajah 117: Perincian Kaaedah Pemasangan Solar di UMPSA Pekan**



Pemasangan solar ini dijangka akan mengurangkan penghasilan karbon dioksida ( $\text{CO}_2$ ) di dalam UMPSA Pekan sebanyak 47 peratus bersamaan penjimatan bil elektrik sehingga RM 600,000 setahun. Pemasangan sistem solar berkapasiti 157.2 kWp di atas Tasik A UMPSA Pekan adalah salah satu usaha penyelidikan


UMPSA dari segi ekosistem, keselamatan dan penjanaan. Sistem solar di atas tasik ini merupakan projek solar terapung yang pertama di negeri Pahang dan UMPSA juga merupakan UA pertama yang memasang sistem solar di atas permukaan tasik di Malaysia.

### Greenpass Certificate,


Greenpass Certificate adalah sijil yang diiktiraf oleh Sustainable Authority Development Malaysia (SEDA) yang membuktikan usaha UMPSA dalam mengurangkan penghasilan Karbon Dioksida ( $\text{CO}_2$ ) ke persekitaran. Dengan sijil ini juga membuktikan UMPSA berada di landasan yang betul dalam pengurusan tenaga dan juga dalam menjayakan usaha ke arah Malaysia Bebas Karbon menjelang tahun 2050.



**Gambar Rajah 118: Perincian Pengurusan Tenaga UMPSA**



Gambar Rajah 119: Perincian Sistem Solar Tanpa Modal di UMPSA Pekan





Selaras dengan Agenda Hijau Negara, UMPSA telah melancarkan penggunaan kenderaan elektrik dalam memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk kebaikan masa hadapan dan generasi akan datang. Pengaplikasian teknologi dan pengamalan gaya hidup lebih baik dapat dicapai melalui pengurangan jejak

karbon yang bakal memberi penyelesaian inovasi kepada industri tenaga. Menerusi inisiatif ini, dua buah bas elektrik dan dua buah van elektrik dengan stesen pengisian EV diperkenalkan di UMPSA bagi menggalakkan penggunaan karbon rendah serta kendaraan pintar yang cekap tenaga.

## Perancangan dan Pembangunan Kampus

Jadual 146: Senarai Pembangunan Kampus Tahun 2023

BIL.	PROJEK FASILITI KAMPUS	TARIKH SIAP
1.	<b>Naik Taraf Infrastruktur Mesra OKU</b> Menaik taraf infrastruktur mesra OKU telah dilakukan pada Januari 2022 dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 25 April 2022. Lokasi naik taraf melibatkan seluruh kawasan UMPSA Pekan. Skop kerja yang terlibat: <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan dan penyediaan petak parkir, ramp, tandas baharu, dan laluan mesra OKU baharu;</li> <li>Pemasangan <i>signage parking</i> OKU baharu;</li> <li>Penggantian penutup longkang; dan</li> <li>Pembinaan studio OKU.</li> </ul>	<b>Fasa 1</b> 12 Januari 2023  <b>Fasa 2</b> 31 Mei 2023  <b>Fasa 3</b> 22 Ogos 2023
2.	<b>Kerja-kerja Naik Taraf Dewan Kuliah 1 dan 2 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)</b> Penggantian akustik panel, karpet, pintu, dan platform pengajar yang telah rosak disebabkan serangan anai-anai sejak bulan Jun 2022, kerusi pelajar dan meja pensyarah yang telah uzur dan telah digunakan sejak tahun 2009. Melengkapkan dewan kuliah dengan sistem audio video dan projektor yang baharu.	13 Februari 2024
3.	<b>Kerja-kerja Pembaikan Tempias di Fakulti Komputeran (FK)</b> Penambahbaikan masalah tempias di bilik kuliah, dewan kuliah, bilik pensyarah dan ruang pejabat. Pemasangan <i>awning</i> , penghadang air hujan di tangga, tembok dan kerja-kerja <i>sealer</i> di tingkap bagi mengurangkan tempias apabila musim hujan dan berangin yang mengganggu proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP).	12 Mac 2024
4.	<b>Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan</b> Pembinaan sebuah loji rawatan kumbahan berkapasiti 15,000 PE berkeluasan 20,300 m <sup>2</sup> yang mengandungi <i>network pumping station</i> , sistem paip kumbahan, rumah kawalan dan jaringan paip pembetung di dalam kampus termasuk kerja mekanikal, elektrikal, infrastruktur dan landskap.	26 Mac 2024

BIL.	PROJEK	TARIKH SIAP
5.	<b>Kerja-kerja Membekal dan Memasang Roller Blind dan Tinted di Fakulti Komputeran (FK)</b> Penambahbaikan masalah silau di bilik kuliah, dewan kuliah dan bilik pensyarah. Pemasangan roller blind dan tinted bagi mengurangkan silau apabila waktu tengah hari dan petang yang mengganggu proses PdP.	26 Mac 2024
6.	<b>Pembinaan Masjid Universiti dan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN)</b> Pembinaan tiga blok bangunan iaitu satu blok bangunan masjid (3,500 jemaah) berkeluasan 5,963m <sup>2</sup> termasuk ruang M&E atau servis, tempat wuduk dan sirkulasi serta dua blok pejabat PIMPIN berkeluasan 448 m <sup>2</sup> termasuk ruang M&E atau servis dan sirkulasi.	1 Jun 2024
7.	<b>Penggantian Bumbung Pejabat Keselamatan</b> Penggantian bumbung sedia ada disebabkan kebocoran yang berlaku dengan mereka bentuk struktur bekuda baharu, melakukan kerja-kerja seni bina dan elektrik yang terlibat.	15 Disember 2023
8.	<b>Pembangunan Dewan Konvokesyen Kampus Pekan</b> Pembangunan Dewan Konvokesyen yang berkeluasan 8,530m <sup>2</sup> di UMPSA Pekan melibatkan pembinaan dewan utama, ruang diraja dan kemudahan graduan.	-
<b>PENGURUSAN TANAMAN DAN LANDSKAP</b>		
9.	<b>Proses Pertukaran Bakar Rusa (Axis-axis kepada Timorensis)</b>	
10.	<b>Projek Pembesaran Kandang Angsa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menampung pertambahan bilangan angsa sebanyak 24 ekor dan pembiasaan akan datang.</li> <li>Menyediakan ruang yang selesa dan lebih selamat bagi perkembangan angsa yang dibela.</li> <li>Lebih mesra pengunjung.</li> </ul>	
11.	<b>Projek Penanaman Kelapa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Benih dari jenis SGG CN16 (Sungai Gulang-gulang)</li> <li>Berupaya mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga tahun.</li> </ul>	
12.	<b>Pelancaran Rimba Komuniti</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penanaman 200 anak pokok dari jenis balak yang mempunyai nilai komersial yang tinggi.</li> <li>Melibuti spesis meranti tembaga, chengal, keruing kertas, merbau, balau pasir, keladan, dan kulim.</li> </ul>	

Pelancaran Rimba Komuniti





# Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan

---



Objektif pengantarabangsaan dan keusahawanan graduan ini berfokus kepada aspirasi UMPSA untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berketerampilan malah berdaya saing dan sentiasa ke hadapan dalam negara bahkan juga pada peringkat antarabangsa. Objektif ini akan membantu UMPSA menjadi lebih relevan, kompetitif, dirujuk dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

**Menghasilkan graduan berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mempunyai kemahiran keusahawanan**

**6A - Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa**

**6B - Pengantarabangsaan Graduan**

**6C - Keusahawanan Graduan**



# Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan

## Jaringan Khidmat Komuniti Antarabangsa

Teras pertama berfokus kepada memperkuuh jaringan di antara UMPSA dan masyarakat antarabangsa. Melalui jaringan tersebut, inisiatif untuk para pelajar mengikuti program mobiliti, latihan industri dan bekerja di luar negara akan lebih mudah dilaksanakan.



*Confucius Institute (CI) UMPSA diiktiraf antarabangsa tawar pembelajaran bahasa Mandarin untuk manfaat komuniti*

Penganjuran *Joint Conference of Southeast Asian Confucius Institutes 2023* berjaya menghimpunkan seramai 300 orang wakil CI daripada sepuluh buah negara di Asia Tenggara yang berlangsung di Beijing, China pada 21 Julai 2023. President of Chinese International Education Foundation China mengharapkan agar CI di Asia Tenggara dapat memperkuuh pembangunan yang melibatkan CI dengan pembangunan universiti dan komuniti melalui kerjasama antara CI di samping mempromosikan TVET Mandarin selaras dengan trend pembangunan global CI.

## Pengantarabangsaan Graduan

Teras kedua bagi objektif strategik ini berfokus kepada pengantarabangsaan graduan. Teras ini merupakan aktiviti susulan jaringan industri dan masyarakat antarabangsa yang dibina melalui teras pertama. Aktiviti pengantarabangsaan graduan ini akan digerakkan melalui program mobiliti dan latihan industri pelajar UMPSA di syarikat atau agensi di luar negara. Ia seterusnya akan membantu graduan UMPSA untuk mendapatkan pekerjaan di luar negara.

### Pemerkasaan Agenda Pengantarabangsaan

UMPSA telah memperkuuhkan lagi jenamanya di peringkat antarabangsa dengan pemerkasaan Agenda Pengantarabangsaan yang bersifat inklusif melalui pelbagai strategi dan inisiatif yang berimpak pada tahun 2023. Jalinan kerjasama strategik baharu dan bermakna telah dicapai melalui pemeteraian

Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pelbagai institusi pendidikan tinggi antarabangsa di samping penerokaan peluang kerjasama baharu melalui penyertaan ke beberapa persidangan antarabangsa.

**Jadual 120: Senarai Penyertaan Persidangan dan Lawatan Kerja Rasmi Peringkat Antarabangsa**

<i>Eurasia Higher Education Summit (EURIE) 2023 pada 27 Februari hingga 3 Mac 2023 di Turkiye</i>
<i>Asia-Pacific Association for International Education (APAIE) 2023 pada 13 hingga 17 Mac 2023 di Thailand</i>
<i>Lawatan Kerja Rasmi ke beberapa Institusi Pengajian Tinggi dan Penyertaan Iraq Education Expo and Conference pada 16 hingga 22 September 2023 di Baghda, Iraq</i>
<i>Lawatan Kerja Rasmi Pemerkasaan Agenda Pengantarabangsaan UMPSA pada 25 hingga 29 September 2023 di Indonesia</i>
<i>Lawatan Kerja Rasmi ke Republik Islam Iran Sempena Lawatan Kerja Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi pada 7 hingga 10 Oktober 2023 di Republik Islam Iran</i>
<i>17<sup>th</sup> Annual Review Meeting of Asean International Mobility for Students (AIMS) Programme pada 7 hingga 10 November 2023 di Filipina</i>

**Gambar Rajah 121: Perincian Perjanjian Kerjasama Strategik Antarabangsa Tahun 2023**



Lawatan Kerja Rasmi ke Republik Islam Iran sempena Lawatan Kerja Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi pada 7 hingga 10 Oktober 2023 di Republik Islam Iran

UNIVERSITY OF MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDUL SAMAD

UNIVERSITY OF ISFAHAN

HIS EXCELLENCY  
MINISTER



**Gambar Rajah 122: Senarai Perjanjian Kerjasama Strategik Antarabangsa Tahun 2023****Memorandum Persefahaman (MoU)****India**

PSGR Krishnammal College for Women

**Jepun**

Setsunan University

**Taiwan**

Ming Chi University of Technology

**Iran**

Islamic Azad University of Isfahan, D-8 International University, Isfahan University

**Turkiye**

Middle East Technical University

**Malaysia**

Energy Storage Rights PTY LTD

**Indonesia**

Universitas Telkom,  
Universitas Tarumanagara (UNTAR), Universitas Islam Raden Ahmad (UNIRA), Universitas Pembangunan Panca Budi Medan, Universitas Katolik Santo Thomas (UST) Medan, Universitas Budi Luhur (UBL), Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta, Politeknik Negeri Jakarta (PNJ), Politeknik Negeri Banyuwangi (POLIWANGI)  
Universitas Pembangunan Nasional 'Veteran' Jawa Timur (UPNVJT), Universitas Andalas (UNAND), Universitas Negeri Padang (UNP), dan Universitas Riau (UNRI)

**Vietnam**

Industrial University of Ho Chi Minh City (IUH)

**Iraq**

KUT University College, Al-Ayen Iraqi University, Al-Ayen Iraqi University, Al-Mustaqlab University, Al-Maarif University College, University of Technology (UOT) Baghdad, dan Al-Farahidi University (FU)

**China**

Beijing Jiaotong University, Guilin University of Technology, Guizhou University of Engineering Science, dan Guizhou University of Engineering Science

**Thailand**

King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang

**Memorandum Perjanjian (MoA)****Letter of Intent (LOI)****Arab Saudi**

Babaker Group

**China**

Tianjin University, P.R China

**Iraq**

University of Technology (UOT) Baghdad

**Indonesia**

Universitas Indonesia, The Republic of Indonesia

**Turkiye**

Piri Reis University



## Pelajar Antarabangsa

Peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa di UMPSA pada tahun 2023 dengan bilangan 680 orang pelajar antarabangsa merupakan sebuah peningkatan bersifat progresif yang membawa pelbagai manfaat, terutamanya dalam merealisasikan impian universiti untuk menjadi sebuah kampus global yang menerapkan nilai pendidikan bertaraf dunia dan

**Jadual 147: Perincian Pelajar Prasiswazah Antarabangsa Tahun 2023**

BIL.	PRASISWAZAH	
	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
1.	Diploma	0
2.	Ijazah Dual	0
3.	Sarjana Muda	175
4.	<i>Preparatory Intensive English (PIE)</i>	9
5.	Program Transfer	3
6.	Program Mobiliti ( <i>Inbound</i> )	94
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>281</b>


kepelbagaian budaya dalam komuniti. Kepelbagaian budaya dan bahasa di kampus bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran tetapi juga memupuk kefahaman dan keharmonian antara pelajar tempatan dan antarabangsa. Hal ini membantu dalam mewujudkan persekitaran yang inklusif dan dinamik.

**Jadual 148: Perincian Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa Tahun 2023**

BIL.	PASCASISWAZAH	
	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
1.	Sarjana	99
2.	Sarjana (Kerja Kursus)	8
3.	Sarjana ( <i>Mixed Mode</i> )	1
4.	Doktor Falsafah (PhD)	265
5.	<i>Pre-Sessional English Course (PEC)</i>	0
6.	Program Mobiliti ( <i>Inbound</i> )	26
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>399</b>

## Mobiliti Pelajar

**Gambar Rajah 123: Laporan Keseluruhan Program Mobiliti Pelajar Tahun 2023**



**Jadual 149: Senarai Program Mobiliti Pelajar Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PELAJAR
1.	Atu-Net Leadership Forum, Surabaya	14 hingga 17 Mei 2023	2
2.	Malaysia Youth Leadership, Jakarta	9 hingga 1 Jun 2023	1
3.	Program Tautan Jati Diri, Jogjakarta	12 hingga 15 Jun 2023	20
4.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Tammalang	30 Jun hingga 4 Julai 2023	52
5.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Makassar	18 hingga 23 Julai 2023	22
6.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Ubonratchathani	24 hingga 30 Julai 2023	20
7.	We Rise By Lifting Others, Sumatera	1 hingga 4 Ogos 2023	20
8.	Mobiliti Antarabangsa@Universitas Indonesia	6 hingga 11 Ogos 2023	16
9.	Aspire To Inspire@Padang	7 hingga 11 Ogos 2023	7
10.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Bangkok	23 hingga 27 Ogos 2023	15
11.	Program Mobiliti di Program Medan, Indonesia	12 hingga 18 Jun 2023	8
12.	Program Mobiliti di Sumatera Barat	4 hingga 9 September 2023	7
13.	Regional Student Leader Summit@Padang	21 hingga 25 September 2023	1
14.	Kembara Mobiliti UMPSA-21@Phnom Penh	16 hingga 21 September 2023	16
15.	Summer Camp@Hebei, China	8 hingga 21 September 2023	2
16.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Ho Chi Minh	25 hingga 28 September 2023	17
17.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Jepun	13 hingga 18 Oktober 2023	15
18.	Program Ijazah Sanad al-Quran, Mesir	11 hingga 13 November 2023	6
19.	Kembara Eksplorasi ASEAN@Bojonegoro Indonesia	11 hingga 17 November 2023	11
20.	Kembara Eksplorasi ASEAN@Tay Ninh, Vietnam	12 hingga 17 November 2023	10
21.	Kembara Eksplorasi ASEAN@Kemboja	12 hingga 17 November	10
22.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Aceh	11 hingga 14 November 2023	19
23.	Kembara Mobiliti UMPSA-21, Ho Chi Minh	14 hingga 17 November 2023	15

**Program Discovery Scuba Diving (DSD)**

Pelaksanaan program *Discovery Scuba Diving (DSD)* kepada pelajar mobiliti antarabangsa pada 10 Disember 2023 di Akademi A.D.A.B. UMPSA Pekan. Program ini melibatkan lima orang pelajar mobiliti antarabangsa dan dikendalikan oleh jurulatih skuba kompeten yang merupakan pelajar UMPSA merangkap Presiden Kelab Skuba UMPSA. Pelajar didekah dengan ilmu teori dan praktikal selaman termasuk cara-cara pengendalian peralatan selaman.

**Program Meet and Greet**

Seramai 100 orang pelajar pelajar antarabangsa UMPSA (mod sepenuh masa dan program mobiliti dari institusi rakan kerjasama antarabangsa yang mengikuti pengajian selama 1 hingga 2 semester di UMPSA) terlibat dengan program *Meet & Greet* anjuran Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA) di Akademi A.D.A.B. UMPSA pada 4 Oktober 2023.



## Mobiliti Berkredit

Penganjuran program pertukaran pelajar merupakan salah satu instrumen yang penting dalam meningkatkan Agenda Pengantarabangsaan UMPSA sejajar dengan Objektif Strategik 6 (Pengantarabangsaan Graduan). Program ini berjaya memberikan peluang bernalai kepada pelajar tempatan dan antarabangsa untuk merasai dan menghayati persekitaran pembelajaran yang berbeza. Pendedahan ini tidak hanya meluaskan horison pembelajaran mereka tetapi juga memperkaya pengalaman akademik dan sosial mereka, sambil meningkatkan jaringan persahabatan dan kolaborasi dengan pelajar dari universiti-universiti rakan kerjasama strategik UMPSA di seluruh dunia.

Pada tahun 2023, seramai 70 mahasiswa UMPSA telah berpeluang untuk mengikuti program pertukaran pelajar berkredit ke beberapa institusi luar negara

yang merupakan rakan kerjasama strategik UMPSA. Pengalaman ini tidak hanya memperluas pandangan global mereka tetapi juga membina kefahaman antara budaya yang mendalam. Sementara itu, UMPSA juga berbesar hati menyambut kedatangan 114 pelajar antarabangsa dari pelbagai negara, yang telah memilih UMPSA sebagai destinasi untuk program pertukaran pelajar berkredit mereka. Kehadiran pelajar-pelajar ini di kampus UMPSA telah menambahkan dimensi baharu kepada landskap pendidikan dan budaya baharu di UMPSA.

Keseluruhan aktiviti dan pencapaian ini mencerminkan komitmen UMPSA dalam mempromosikan pengalaman pendidikan yang holistik dan global, sesuai dengan visi dan misi universiti dalam menjadi sebuah institusi terunggul pada masa hadapan.



Gambar Rajah 124: Pelajar Mobiliti Berkredit *Outbound* dan *Inbound* Tahun 2023

<b>Mobiliti Berkredit <i>Outbound</i></b>		<b>Mobiliti Berkredit <i>Inbound</i></b>	
11	Turkiye	4	Filipina
16	Indonesia	5	China
25	Jerman	1	United Kingdom
8	Korea Selatan		
		52	Indonesia
		27	China
		17	India
		13	Jerman

Gambar Rajah 125: Senarai Institusi dan Negara bagi Program Mobiliti Berkredit Tahun 2023

### Mobiliti Berkredit *Outbound*

#### Indonesia

- Institut Teknologi Sepuluh Nopember
- Institut Teknologi Bandung
- Universitas Ahmad Dahlan

#### United Kingdom

- University of Portsmouth

#### China

- Hebei University

#### Jerman

- Karlsruhe University of Applied Science
- Mannheim University of Applied Sciences

#### Korea Selatan

- Chonnam National University

#### Turkiye

- Sakarya University
- Istanbul Technical University
- Middle East Technical University

#### Filipina

- Saint Louis University

### Mobiliti Berkredit *Inbound*

**Indonesia**

- Universitas Andalas
- Politeknik Negeri Batam
- Universitas Gadjah Mada
- Institut Teknologi Sepuluh Nopember
- Universitas Mohammad Husni Thamin
- Politeknik Negeri Madiun
- Politeknik Negeri Malang
- Politeknik Negeri Lhokseumawe
- Politeknik Negeri Sriwijaya
- Universitas Muhammadiyah Yogyakarta
- Universitas Muhammadiyah Magelang
- Universitas Sebelas Maret
- UPN Veteran Jakarta

**India**

- Amrita University
- Kongu Engineering College
- Manipal University Jaipur
- Sathyabama Institute of Science and Technology

**Jerman**

- Duisburg Essen University
- Karlsruhe University of Applied Science
- Mannheim University of Applied Sciences

**Denmark**

- University of Southern Denmark

**China**

- Ningxia University

**Bangladesh**

- United International University

## Latihan Industri di Luar Negara

Pelajar UMPSA juga ditempatkan di luar negara untuk menjalani latihan industri sepanjang tahun 2023.

**Gambar Rajah 126: Perincian Pelajar Mengikut Negara**

16

2	Somalia	1	Singapura
1	Jerman	8	Arab Saudi
1	Turkiye	1	India
1	Emiriah Arab Bersatu	1	United Kingdom



## Kerjasama Strategik Akademik

**Gambar Rajah 127: Senarai Jalinan Kerjasama Pusat Kerjasama Strategik Akademik Tahun 2023**

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMPSA dengan Yayasan Terengganu pada 30 Mei 2023 di Kuala Terengganu.

Surat Niat atau *Letter of Intent* (LoI) di antara UMPSA dan Seoul National University of Science & Technology (SeoulTech) pada 4 Julai 2023 di Seoul National University of Science and Technology (SeoulTech), Korea Selatan.

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMPSA dengan Hanyang University Erica (HYU ERICA) pada 5 Julai 2023 di Hanyang University Erica (HYU ERICA), Korea Selatan.

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMPSA dengan Beijing Jiatong University (BJTU) pada 21 Julai 2023 di Beijing, China.

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMPSA dengan Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia-Amerika (MACEE) pada 10 Ogos 2023 di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Putrajaya.

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMPSA dengan tiga institusi TVET di Kementerian Pendidikan Hebei, China, iaitu Hebei Petroleum University of Technology, Hebei Software Institute dan Shijiazhuang Institute of Railway Technology pada 22 September 2023 di Hebei, China.

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMPSA dengan Yayasan Sabah dan Kolej Teknologi Yayasan Sabah pada 12 Oktober 2023 di Kota Kinabalu, Sabah.



**Jadual 150: Senarai Program Pusat Kerjasama Strategik Akademik Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Kohort 1 - Seramai 45 orang pelajar program ijazah dual UMPSA menyambung pengajian selama dua tahun di Beijing Jiaotong University (BJTU). Mereka terdiri daripada sepuluh orang pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, 20 orang pelajar Kejuruteraan Mekanikal dan 15 orang pelajar Kejuruteraan Awam.	13 Februari 2023	Kuala Lumpur International Airport (KLIA)
2.	Majlis Hi-Tea Alumni Ijazah Dual UMPSA-Jerman dan Industri Jerman.	21 Februari 2023	Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur
3.	Penghantaran pelajar ijazah dual UMPSA-HKA ke Jerman (kumpulan pertama) melibatkan seramai sepuluh orang pelajar dari UMPSA iaitu dua orang pelajar bagi program Kejuruteraan Automotif dan lapan orang pelajar bagi program Kejuruteraan Mekatronik.	4 Mac 2023	Kuala Lumpur International Airport (KLIA)
4.	Lawatan kunjung UMPSA ke Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia-Amerika (MACEE) bagi memperluaskan lagi peluang dalam penerokaan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat.	27 Februari 2023	UMPSA Pekan
3.	Lawatan Kerja: Timbalan Mufti Selangor dan Staf Jabatan Mufti Negeri Selangor	15 Mei 2023
4.	Lawatan Kerja: Sektor Pengurusan Psikologi dan Kaunseling Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	30 Mei 2023
5.	Lawatan Audit dan Kualiti: Lawatan Penilai Luar ( <i>External Assessor</i> ) bagi program Doktor Falsafah (PhD) Kemanusiaan PSK, Profesor Madya Dr. Mohd Anuar Ramli	15 hingga 16 Jun 2023
6.	Lawatan Audit dan Kualiti: Lawatan Ke Fakulti/PTJ Sebagai Latihan <i>Hands On</i> Kepada Juruaudit Ke Arah Persijilan MS ISO 9001:2015	5 Julai 2023
7.	Lawatan Sambung Belajar di PSK oleh Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)	20 Julai 2023
8.	Lawatan Penanda Aras ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	7 hingga 9 September 2023
9.	Lawatan Kerjasama ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra	
10.	Lawatan Audit dan Kualiti: Lawatan Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ke PSK bagi program Doktor Falsafah (PhD) (MQA/FA 17128)	20 hingga 21 November 2023

## Pusat Bahasa Moden (PBM)

Pusat Bahasa Moden (PBM) merupakan pusat servis berorientasikan fakulti yang menyediakan pengalaman pembelajaran holistik bagi pengembangan kemahiran bahasa dan komunikasi dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi di UMPSA. PBM berperanan menawarkan kursus-kursus mata pelajaran umum universiti dan elektif bahasa (bahasa Inggeris dan bahasa asing) kepada seluruh pelajar UMPSA serta mengendalikan Program *Preparatory Intensive English Course* (PIE) kepada pelajar antarabangsa UMPSA. PBM turut menawarkan program pascasiswazah iaitu Ijazah Sarjana Sains dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) melalui mod

penyelidikan bermula pada tahun 2012 dan program kerja kursus iaitu Ijazah Sarjana Sains Pengajian Bahasa Berintegrasi Teknologi bermula pada tahun 2019. Bermula pada Semester 1, Sesi 2020/2021, PBM juga telah menawarkan kursus Sijil Program Pengkhususan Terbuka. Ini menunjukkan pembangunan berterusan kursus dan program akademik di PBM sejajar dengan kehendak dan pembangunan UMPSA. PBM juga menjalankan khidmat konsultasi dan perundingan melalui perkhidmatan penterjemahan, penyuntingan artikel, jurnal, ceramah/kursus bahasa dan sebagainya kepada UMPSA dan pihak luar.

Gambar Rajah 153: Bidang Penyelidikan Program Pascasiswazah



### Prasiswazah

- *English Language Courses*
- *Foreign Languages Courses*

### Pascasiswazah

- *Master of Science (Technology Integrated Language Studies)*
- *Master of Science by Research*
- *Doctor of Philosophy (PhD) (Research)*

### Kursus Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT)

- *Fictional Prose*
- *Education*
- *Linguistics*
- *Mandarin*
- *Arabic*



Sejajar dengan visi dan misi PBM untuk menghasilkan graduan holistik yang kompeten dalam penggunaan bahasa, staf akademik harus mempunyai kemahiran asas menggunakan medium penyampaian PDP dalam talian. PBM mengambil maklum keperluan dalam membina rangkaian dengan universiti luar dan industri dalam perkongsian ilmu dan maklumat merentas benua. PBM juga serius dalam memberikan impak positif kepada masyarakat setempat dalam perkongsian ilmu menggunakan teknologi.

Gambar Rajah 154: Pencapaian Inisiatif Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)



Jadual 183: Pencapaian Staf PBM Tahun 2023

BIL.	NAMA	KATEGORI/ TAJUK PENYELIDIKAN	ANUGERAH
1.	Wan Noor Farah Wan Shamsuddin	Pertandingan <i>3 Minutes Thesis</i>	<p>UMPSA Level 1<sup>st</sup> Place Social Science Category</p> <p>National Level 1<sup>st</sup> Place Social Science Category Grand Prize Winner</p> <p>Asia Pacific Level Finalist (Top 8)</p>
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Noraizah Nurul Fatwa Mohd Razali</li> <li>Dr. Nor Yazi Khamis</li> <li>Dr. Azwin Arif Abdul Rahim</li> </ul>	<i>Utilizing Canva to Enhance Students' Collaboration in Writing Process Explanation</i>	Pingat Emas, <i>International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2023</i>
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Amy Zulaikha Mohd Ali</li> <li>Jamilah Bebe Mohamad</li> <li>Fathiah Izzati Mohamad Fadzillah</li> </ul>	<i>Empowering Collaboration, Embracing Diversity: The Global Classroom Initiative</i>	Pingat Perak, <i>International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2023</i>
4.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Azlina Mohd Ariffin</li> <li>Rosjuliana Hidayu Rosli</li> <li>Mardhiyyah Zamani</li> </ul>	<i>Feliz Cumpleaños Cantar Conmigo</i>	Pingat Gangsa, <i>International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2023</i>

BIL.	NAMA	KATEGORI/ TAJUK PENYELIDIKAN	ANUGERAH
5.	Dr. Umi Kalsom Masrom	<i>Interactive Learning for Job Application Skills: Unveiling The Potential of Moodle H5P</i>	
6.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dr. Umi Kalsom Masrom</li> <li>• Wan Noor Farah Wan Shamsuddin</li> </ul>	<i>Maximising Efficiency and Effectiveness Teamwork with Strategic Meeting Approaches and Resourceful Techniques (Meet Smart)</i>	Pingat Gangsa, <i>International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2023</i>
7.	Noraizah Nurul Fatwa Mohd Razali	<i>CIC: Canva for Infographic Creation</i>	
8.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Azimah Ahmad Zaki Hanisah Bon@Kasbon</li> <li>• Nur Syafawati Sabuan</li> <li>• Farah Liyana Ahmad A'azmey</li> </ul>	<i>Visual Communication: Bridging Comic Books to Reality</i>	Pingat Perak, <i>International Competition on Sustainable Education (SUSED) 2023</i>
9.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jamilah Bebe Mohamad</li> <li>• Amy Zulaikha Mohd Ali</li> <li>• Fathiah Izzati Mohamad Fadzillah</li> </ul>	<i>Investigating the Transformative Potential of The Global Classroom Initiative</i>	
10.	Pusat Bahasa Moden (PBM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tiktok Tutorial Video Challenge- 1<sup>st</sup> Place</i></li> <li>• <i>Choral Speaking-3<sup>rd</sup> Place</i></li> </ul>	<i>Higher Education English Language Carnival 2023 (ELCA 2023)</i>

PBM komited dalam menyumbang impak positif kepada warga UMPSA dan masyarakat setempat melalui penganjuran pelbagai program mengikut kluster sepanjang tahun 2023. Pelbagai program berkaitan perkongsian pengetahuan dan kepakaran berkaitan kompetensi bahasa dan penggunaan teknologi telah dilaksanakan khusus bagi peningkatan profesionalisme serta keyakinan kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa.



**Jadual 184: Senarai Aktiviti PBM Tahun 2023**

BIL.	KLUSTER	PROGRAM
1.	Perundingan dan Khidmat Komuniti	<p>Kursus Jangka Pendek Kuantan bersama Port Consortium (KPC), Kuantan</p> <p>Program <i>Speak Up!</i> Bersama Peringkat 4 Briged Mekanize, Tentera Darat Kuantan</p> <p>Program <i>Fly High English Camp</i> bersama Pangkalan Tentera Udara Kuantan</p> <p>Program Semarak Merdeka dengan Kerjasama Markas Tentera Laut Wilayah 1</p> <p>Program <i>UNITYINK</i> Bersama Hiroshima University, Jepun</p> <p>Program <i>Enigma English</i> Bersama Sekolah Kebangsaan Kampung Acheh</p>
2.	Profesor Turun Padang	<p>Program <i>Present Pro</i> bersama Pelajar Tingkatan 3 dan 2 SMK Dato' Mahmud Mat, Pekan</p> <p>Program <i>Vocabboost</i> bersama para Pelajar daripada 14 Sekolah Menengah Terpilih di Sekitar Pekan</p> <p><i>Language Leap: Mastering English with Web Wizards</i> bersama Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi, Fakultti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)</p> <p>Pembangunan Profesionalisme untuk Pengajar Bahasa Wilayah Pantai Timur melalui Pembelajaran Aktif bersama para Pensyarah Bahasa Inggeris di sekitar Pekan dan Kuantan</p> <p><i>Pick&amp;Tell: Playing Outdoor to Enhance Productive Language Skills</i> bersama Pelajar Sekolah Menengah Rendah Komuniti Orang Asli di Kuala Lipis</p>
3.	Research Discourse Series	<p><i>Instrument Development</i></p> <p><i>Reading Articles Effectively</i></p> <p><i>Examining My Statement of Problem</i></p> <p><i>Research: What's in The Title?</i></p>
4.	Webinar and Guest Speaker Series	<p><i>Webinar on Language Learning and Teaching Practices in the Era of Post COVID-19 2023 (1) - Teacher Professionalism Towards Quality Education</i></p> <p><i>Guest Speaker Series: Authentic Materials In teaching and Assessment (Implication for Language Instructors and Learners)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Online Webinar Series: Empowering Learners Worldwide</i> (anjuran PBM dengan kerjasama Writing Centre Hiroshima University, Japan)</li> <li>• <i>Abstract Writing</i></li> <li>• <i>Research Gaps in Thesis Writing</i></li> <li>• <i>Literature Review</i></li> <li>• <i>Mixed Methods Research</i></li> <li>• <i>Ace Your Presentation</i></li> </ul> <p><i>Webinar on Language Learning and Teaching Practices In the Era of Post COVID-19 2023 (2) - Artificial-Intelligence Chatbot: Impact on Postgraduate Research</i></p>
5.	Knowledge Sharing Session	<p><i>Knowledge Sharing Session 1.0 - Exploring Instructor Satisfaction with Learning Management Systems: A Comprehensive Study</i></p> <p><i>Knowledge Sharing Session 1.0 - Tahap Pengetahuan Pelajar Kejuruteraan dalam Penulisan Surat Rasmi Bahasa Melayu</i></p> <p><i>Knowledge Sharing Session 1.0 - Needs Analysis of Technical Tertiary Level Students: An Investigation of the Communicative Needs in A Professional English Communication Course</i></p>

BIL.	KLUSTER	PROGRAM
6.	Knowledge Sharing Session	Knowledge Sharing Session 2.0 - Evolution of the Reading Circle Programme (RCP): A Decade of Reflection, Adaptation, and Innovative Pedagogy
		Knowledge Sharing Session 2.0 - English Language Writing Apprehension Among Diploma Engineering Students
		Knowledge Sharing Session 2.0 - Penggunaan Kaedah Ujian Berterusan Peningkatan Penguasaan Kosa Kata bahasa Jepun
		Knowledge Sharing Session 2.0 - Theory of Reasoned Action (TRA): Oscar Wilde's The Nightingale and the Rose Characters Analysis
		Knowledge Sharing Session 2.0 - Strategies to Enhance Students' Participation during Asynchronous English Language Learning
		Knowledge Sharing Session 2.0 - Second Language Acquisition Through Listening Based on Krashen's Affective Filter Hypothesis
6.	Pembangunan Staf	Siri Refleksi Jiwa@PBM Edisi Ramadan (1)
		Siri Refleksi Jiwa@PBM Edisi Ramadan (2)
		Siri Refleksi Jiwa@PBM Edisi Ramadan (3)
		Siri Refleksi Jiwa@PBM Edisi Ramadan (4)
		Webinar Celik Isu Psikologi – Jiwa Damai
		Kesalahan Biasa dalam Membaca al-Quran
6.	Pembangunan Staf	Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

**UMPSA telah diiktiraf sebagai salah satu daripada Pusat Ujian Malaysian University English Test (MUET) di Malaysia dan PBM bertanggungjawab dalam mengendalikan peperiksaan MUET**

**Gambar Rajah 155: Perincian MUET di PBM Tahun 2023**

- 201** MUET Sesi 1
- 93** MUET Sesi 2
- 197** MUET Sesi 3
- MUET E-Seminar
- Kelas Intensif MUET bagi Pelajar Antarabangsa



# Yayasan UMPSA

## Yayasan UMP kini dikenali sebagai Yayasan UMPSA

Yayasan UMPSA mempunyai tekad untuk terus memperjuangkan usaha pengumpulan dana dengan tujuan memberi sokongan kepada individu yang memerlukan melalui pelbagai inisiatif, termasuk pengumpulan dana, kerjasama industri, program kebajikan dan program-program komuniti. Yayasan UMPSA komited dalam menyokong aspirasi pendidikan yang inklusif dan memberikan peluang yang saksama kepada semua lapisan masyarakat dengan harapan untuk membentuk masa depan yang lebih cerah bagi mereka yang memerlukan bantuan.

Antara peranan Yayasan UMPSA adalah pengumpulan dan pengurusan dana, kebajikan mahasiswa, program pendidikan, program kemasyarakatan, kemudahan pembelajaran tambahan, serta jaringan dan kerjasama. Melalui peranan-peranan ini, Yayasan UMPSA membantu memastikan kebajikan mahasiswa dan pembangunan universiti berjalan lancar dan menyokong program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat luas.

## Endowmen dan Tabung Yayasan UMPSA

- |                             |                          |                                    |
|-----------------------------|--------------------------|------------------------------------|
| ► Endowmen Biasiswa Pelajar | ► Endowmen Bencana       | ► Endowmen Prasarana               |
| ► Endowmen Wakaf            | ► Endowmen Kecemerlangan | ► Endowmen Penyelidikan dan Makmal |
| ► Endowmen Kursi            | ► Endowmen Masjid        | ► Endowmen Komuniti                |
| ► Endowmen Ramadan          |                          |                                    |



# Yayasan UMPSA

Gambar Rajah 158: Ringkasan Agihan Dana Yayasan UMPSA Tahun 2023

## Dana Wakaf

UMPSA telah berjaya mengumpul dana wakaf sebanyak RM2,358.00 pada tahun 2023 menjadikan baki dana wakaf yang terkumpul adalah sebanyak RM29,092.66.



**RM2,358.00**

Jumlah Dana Wakaf Tahun 2023

**RM29,092.66.**

Jumlah Dana Wakaf Keseluruhan

**RM2,119,753.00**

Jumlah Dana Endowmen Tahun 2023

**RM 9,311,197.00**

Jumlah Dana Endowmen Keseluruhan



## Dana Endowmen

Bagi dana endowmen pula, UMPSA telah berjaya mengumpul sebanyak RM2,119,753.00 pada tahun 2023 dan baki dana endowmen yang terkumpul adalah sebanyak RM 9,311,197.00.



Ringkasan agihan ini merupakan dana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UMPSA pada tahun 2022 dan 2023 termasuk sumbangan kewangan, program kerjasama serta *inkind* (barang) daripada badan korporat, agensi swasta dan dermawan.

**RM2,337,837.05**

Jumlah Agihan Keseluruhan

Gambar Rajah 158: Pecahan Agihan Dana Yayasan UMPSA Tahun 2023



**Pendidikan**  
RM1,744826.47



**Komuniti**  
RM468,088.50



**Bencana**  
RM124,922.08



**2,500 orang**  
penerima manfaat

**Gambar Rajah 158: Ringkasan Agihan Dana Pendidikan Tahun 2023**

<b>1</b>	<b>Zakat Pelajar</b> RM974,455.00	<b>2</b>	<b>Insentif Pendidikan</b> RM48,000.00	<b>3</b>	<b>Insentif Kecemerlangan</b> RM114,000.00
<b>4</b>	<b>Insentif Sukarelawan</b> RM3,000.00	<b>5</b>	<b>Insentif Penerbitan</b> RM30,000.00	<b>6</b>	<b>Insentif Kecemerlangan Platinum</b> RM5,500.00
<b>7</b>	<b>Biasiswa Yayasan UMPSA</b> RM259,517.40				
<b>8</b>	<b>Biasiswa Etika Takaful</b> RM20,000.00	<b>9</b>	<b>Biasiswa Yayasan Noah</b> RM9,132.00	<b>10</b>	<b>Biasiswa Sulung</b> RM18,930.00
<b>11</b>	<b>Anak Pahang Cemerlang</b> RM18,870.00				
<b>12</b>	<b>Pinjaman Yayasan UMPSA</b> RM1,880.00	<b>13</b>	<b>Campus Pantry UMPSA</b> RM30,992.50.00	<b>14</b>	<b>Iftar dan Program Ramadan</b> RM160,549.57.00
<b>15</b>	<b>E-Kupon Kasih UMPSA</b> RM50,000.00				

## Rakan Strategik

Mereka yang menjadi tulang belakang dalam kejayaan program di bawah Yayasan UMPSA.

**'Memberi bukan sekadar menderma tetapi juga membuat perubahan'**



## Kembara Eksplorasi ASEAN

Program Kembara Eksplorasi ASEAN merupakan inisiatif yang dirancang dengan tujuan menyantuni komuniti dengan mewujudkan jaringan khidmat komuniti, menghulurkan sumbangan dan khidmat sukarelawan pada peringkat global secara strategik dan terarah sekali gus membentuk kepimpinan pelajar melalui program yang diadakan di luar negara.

**Gambar Rajah 158: Lokasi Program Kembara Eksplorasi ASEAN Tahun 2023**

## Program Kembara Prihatin

Program Kembara Prihatin merupakan inisiatif yang dirancang dengan tujuan menyantuni masyarakat dan komuniti yang berbilang kaum di seluruh negara. Program ini bukan sahaja bertujuan untuk meringankan beban komuniti melalui kepakaran dan teknologi yang dibawa oleh UMPSA, tetapi juga untuk meningkatkan kualiti

kehidupan seharian mereka. Melalui gabungan pengetahuan akademik dan aplikasi praktikal, program ini berusaha memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk menyelesaikan masalah harian serta memperbaiki taraf hidup komuniti setempat.

Gambar Rajah 158: Lokasi Program Kembara Prihatin Tahun 2023



Gambar Rajah 159: Perincian Program Kembara Prihatin

Kluster Teknologi	Kluster Komuniti	Kluster Pendidikan	Kluster Kelestarian	Kluster Kerohanian
<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Solar dan Kit Solar</li> <li>Projek Baja Prebiotik</li> <li>Projek Cendawan Nanas</li> <li>Servis Motosikal dan Tukar Minyak Enjin</li> <li>Penyelenggaraan dan Pendawaian Elektrik</li> <li>Projek STEM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program Keluarga Angkat</li> <li>Rewang Rakyat dan Pertandingan Memasak</li> <li>Sukan Rakyat</li> <li>Pertandingan Mewarna dan EA Sport</li> <li>Malam Kebudayaan</li> <li>Aktiviti Mural</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Inspire - Hala Tuju Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan atau Sekolah Kebangsaan</i></li> <li>Pameran Akademik</li> <li>Tuisyen Komuniti</li> <li>Kursus-kursus Pendek</li> <li><i>Street Science</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan Kesihatan</li> <li><i>Plogging</i> dan Gotong-royong</li> <li>Kelas Dandanan dan Gunting Rambut</li> <li>Senamrobik</li> <li>Pertandingan E-Sport</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program Imam Muda</li> <li>Ceramah/ Forum Perdana</li> <li>Kursus Pengurusan Jenazah</li> <li>Klinik Al-Fatiyah</li> <li>Malam Berselawat</li> <li>Simulasi Haji</li> </ul>





## Projek Alam UMPSA

Projek Alam di UMPSA merupakan inisiatif penghijauan kampus yang melibatkan penanaman pokok, pembangunan kawasan hutan, dan pemeliharaan kawasan lapang dengan tumbuhan semula jadi. Inisiatif ini telah menyumbang kepada 27.5 peratus kawasan kampus yang digazetkan sebagai kawasan hijau.

Projek ini juga menyumbang kepada peningkatan dan pembudayaan amalan kelestarian di kampus UMPSA, selaras dengan tujuan *Sustainable Development Goal 13* (SDG13) yang berkaitan dengan tindakan untuk memerangi perubahan iklim dan kesan-kesannya.



### Inisiatif Pucuk Hijau UMW UMPSA

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha inisiatif Pucuk Hijau (UGS) UMW untuk menanam 300,000 pokok bakau menjelang tahun 2023. Inisiatif ini adalah sebagai langkah untuk melestarikan alam sekitar dan menyokong misi kerajaan Malaysia untuk mencapai keadaan netral karbon 100 peratus menjelang 2050, seperti yang tertera dalam Rancangan Malaysia Ke-12.



#### Gambar Rajah: Senarai Program Tahun 2023

- Siri 1 pada 13 Mei 2023
- Siri 2 pada 18 Ogos 2023
- Siri 3 pada 25 November 2023

## Projek Pintar

Gambar Rajah 159: Perincian Program Projek Pintar

<b>Street Science</b>	<b>Tuisyen Komuniti</b>	<b>Inspire@UMPSA</b>
Merupakan pembelajaran yang memperkenalkan sains melalui pendekatan yang interaktif kepada pelajar seperti melakukan eksperimen sains di luar bilik darjah.	Program pembelajaran di luar waktu sekolah untuk pelajar B40 yang menyediakan bantuan akademik tambahan agar dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar.	Inisiatif yang merangkumi bimbingan pembangunan diri dan motivasi agar pelajar mendapat pendedahan dan mengenal pasti bakat dan minat mereka dalam pelbagai kerjaya.
<b>STEM: Drone DIY</b>	<b>PINTAR@Petrosains</b>	<b>Tour de UMPSA</b>
Aktiviti STEM yang melibatkan pembinaan dan penggunaan drone secara <i>do-it-yourself</i> yang mendorong minat pelajar terhadap teknologi dan kejuruteraan.	Mengadakan lawatan dan aktiviti di Petrosains Kuala Lumpur yang dapat memberikan pengalaman pembelajaran sains yang menyeronokkan kepada pelajar.	Lawatan ke UMPSA untuk memberi pelajar pengalaman secara langsung terhadap persekitaran universiti agar dapat mendorong mereka untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat lebih tinggi.

**Gambar Rajah 160: Garis Masa Aktiviti Yayasan UMPSA Tahun 2023**

<b>Januari</b>	<b>Februari</b>	<b>Mac</b>
<b>Projek Dapur Kita</b> Pengagihan makanan percuma yang berkonsepkan mahasiswa bantu mahasiswa	<b>Sumbangan Komputer Riba</b> 100 orang mahasiswa terima komputer riba sumbangan FGV Holdings Berhad	<b>Sentuhan Kasih@Manong</b> Menyantuni komuniti terutama golongan warga emas
<b>Bakul Rahmah KPT-UMPSA</b> Pengagihan 180 Bakul Rahmah KPT-UMPSA di Kota Tinggi, Johor	<b>Program Jejak Kasih</b> Yayasan UMPSA memberikan bantuan bakul makanan kepada yang memerlukan di Pekan dan Kuantan	<b>Back To School</b> Membantu 100 orang murid sekolah rendah dalam kalangan B40 dalam menyediakan kelengkapan pakaian dan peralatan sekolah
<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>
<b>Iftar bersama Canselor UMPSA</b> Iftar ramadan bersama Canselor UMPSA dan pengurniaan sumbangan zakat kepada pelajar universiti	<b>Inisiatif Pokok Hiau UMW-UMPSA</b> Usaha inisiatif Pucuk Hijau UMW untuk menanam 300,000 pokok bakau menjelang tahun 2023	<b>Sumbangan Komputer Riba Yayasan Taqwa MAIWP</b> 400 orang pelajar terima manfaat sumbangan pendidikan oleh Yayasan Taqwa MAIWP
<b>Secangkir Budi</b> Pendekatan khidmat komuniti yang menyasarkan anak yatim dan fakir miskin	<b>Pelancaran Kolej Mawaddah</b> Kolej kediaman buat mahasiswa hasil wakaf yang mempunyai 110 bilik dan dilengkapi kemudahan untuk pelajar	<b>Kembara Prihatin@Pekan</b> Menyantuni komuniti setempat di Pekan sambil membawa penjenamaan baharu UMPSA
<b>Julai</b>	<b>September</b>	
<b>Kembara Prihatin@Negeri Di Bawah Bayu</b> Membantu meringankan beban komuniti di Semporna, Sabah melalui kepakaran dan teknologi universiti	<b>UMPSA Pekan Bridge Run</b> Larian bersempena 21 tahun dan penjenamaan UMPSA disertai oleh warga Pahang dan dilepaskan oleh Pemangku Raja Pahang	
<b>Ogos</b>		
	<b>Inspire@Projek Pintar</b> Pemerkaasan semangat jati diri pelajar sekolah rendah dibantu oleh fasilitator dalam kalangan pelajar UMPSA	
<b>Oktober</b>	<b>November</b>	<b>Disember</b>
<b>Bantuan Insentif Pendidikan Yayasan UMPSA</b> Insentif pendidikan dan kecemerlangan kepada mahasiswa UMPSA yang baru	<b>Projek PINTAR</b> Fasilitator mahasiswa UMPSA membantu meningkatkan tahap pembelajaran melalui interaksi aktif bersama pelajar sekolah rendah	<b>Heroes 2023</b> Program <i>team building</i> bagi mengeratkan hubungan silaturahim dan bina semangat kerjasama dalam kalangan pasukan Yayasan UMPSA
<b>Pelancaran Kembara Eksplorasi ASEAN</b> Pelancaran program Kembara Eksplorasi ASEAN ke tiga buah negara iaitu Indonesia, Vietnam dan Kemboja	<b>Kembara Eksplorasi ASEAN</b> Sukarelawan seramai 50 orang bergerak ke Indonesia, Kemboja dan Vietnam untuk membantu komuniti di sana	



# UMPSA Advanced

---

UMP Advanced kini dikenali sebagai UMPSA Advanced selari dengan penjenamaan semula Universiti Malaysia PAhang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). UMPSA Advanced bertanggungjawab mempromosikan program berkenaan dan menguruskan pengambilan pelajar di luar unjuran Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi melalui pengambilan Masuk UMPSA Secara Terus (MUST) di bawah inisiatif *Public University Private Wing* (PUPW).

UMPSA Advanced berfungsi menawarkan program Perdana iaitu program yang mempunyai pengiktirafan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

- ✓ Asasi Sains dan Teknologi
- ✓ Diploma

UMPSA Advanced juga turut membangunkan Kursus Jangka Pendek yang kini dikenali sebagai *Talent Tech* buat warga industri bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan kehendak industri. Program *Talent Tech* berdasarkan Kompetensi yang ditawarkan mendapat pengiktirafan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp). Program *Talent Tech* juga menawarkan pelbagai peluang untuk individu yang mencari pengalaman pembelajaran berfokus dan bersasar.

UMPSA Advanced telah diberikan kepercayaan oleh *East Coast Economic Region* (ECER) dan *Northern Corridor Economic Region* (NCER) bagi melaksanakan program peningkatan sosioekonomi golongan B40, kumpulan belia menganggur, ibu tunggal, asnaf dan masyarakat Orang Asli.

Seiring dengan perkembangan dunia digital, UMPSA Advanced turut bergiat aktif dalam membangun dan menyediakan platform digital *MyCredential* yang merupakan salah satu platform pengurusan pembelajaran kepada orang awam bagi memudahkan proses permohonan program yang ditawarkan oleh UMPSA Advanced.

Dengan slogan *Education For All, No One Left Behind*, UMPSA Advanced komited dalam menyediakan pendidikan untuk segenap lapisan masyarakat dengan mendokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



## UMPSA Advanced Program Perdana

Program Perdana mempunyai pengiktirafan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antara program yang ditawarkan meliputi Asasi Sains dan Teknologi dan Diploma. UMPSA Advanced bertanggungjawab mempromosikan program berkenaan dan menguruskan pengambilan pelajar di luar unjuran Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi melalui inisiatif Masuk UMPSA Secara Terus (MUST).

**Gambar Rajah 161: Pecahan Program Perdana Tahun 2023**

**440** Pelajar Aktif

**885** Pelajar Alumni

**Jadual 185: Perincian Program Perdana Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	STATUS PENGAJIAN	
		AKTIF	ALUMNI
1.	Asasi Sains dan Teknologi	36	97
2.	Diploma Separuh Masa	0	81
3.	Diploma PUPW	30	228
4.	Sarjana Muda Hujung Minggu	116	193
5.	Sarjana Muda Kemasukan Khas	258	286
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>440</b>	<b>885</b>

## Program Profesional dan Eksekutif

Program Profesional dan Eksekutif merangkumi program peringkat Master Eksekutif, Bacelor Eksekutif dan Diploma Profesional. Kualiti program Profesional dan Eksekutif dikawal selia berdasarkan kerangka dan program standard PSH yang diluluskan oleh Senat Universiti. Program ini merupakan laluan pendidikan alternatif bagi mereka yang tidak memenuhi syarat kemasukan untuk Program Perdana namun mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian. Program Profesional dan Eksekutif mempunyai syarat kemasukan yang lebih fleksibel dan jangka masa pengajian lebih singkat.

**Gambar Rajah 162: Pecahan Program Profesional dan Eksekutif Tahun 2023**

**4,241** Pelajar Aktif

**8,864** Pelajar Alumni

**Jadual 186: Perincian Program Profesional dan Eksekutif Tahun 2023**

BIL.	PROGRAM	STATUS PENGAJIAN	
		AKTIF	
1.	Diploma Profesional	1,000	
2.	Bacelor Eksekutif	1,869	
3.	Master Eksekutif	1,372	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4,241</b>	

## Program *Talent Tech*

Program ini dibangunkan khas untuk pekerja industri untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan kehendak industri. Program *Talent Tech* yang ditawarkan mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), *Human Resource Development Corporation (HRD Corp)*. Program *Talent Tech* juga menawarkan pelbagai peluang untuk individu yang mencari pengalaman pembelajaran berfokus dan bersasar.

**Gambar Rajah 163: Pecahan Program *Talent Tech* Tahun 2023**

8	Kursus
220	Peserta

## *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)*

APEL.A telah diperkenalkan bagi tujuan memberi peluang dan akses kepada individu yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pengajian di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).

**Pusat Penilai APEL (PPA)  
Malaysian Qualifications Agency (MQA)  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
(UMPSA) sejak 27 Jun 2022**



### TANGGUNGJAWAB UMPSA ADVANCED

- Pusat sehenti untuk permohonan dan penilaian APEL
- Membimbing calon melalui proses permohonan penilaian APEL
- Menguruskan proses penerimaan permohonan dan memberikan maklum balas
- Melantik Penilai Portfolio dan Panel Temu Duga

## Program Pendigitalan



*MyCredential* adalah salah satu platform pengurusan pembelajaran kepada orang awam bagi memudahkan proses permohonan program yang ditawarkan oleh UMPSA Advanced sehingga pengguna sistem tersebut tamat pengajian. Sistem ini boleh digambarkan cepat, fleksibel dan boleh diubah suai mengikut kesesuaian individu.



## Sosioekonomi

### Pembangunan Komuniti (NCER)




empowerNCER dilancarkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk memperkasakan masyarakat tempatan dan mempromosikan keusahawanan di Wilayah Pembangunan Ekonomi Utara (NCER) iaitu di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan

Perak. empowerNCER dan JomNiaga@NCER memfokuskan kepada pembangunan kemahiran dan modal insan masyarakat tempatan serta memberikan peluang latihan dan pembangunan di samping membantu usahawan kecil dan sederhana (SME) di wilayah tersebut. Kedua-duanya turut membantu mencipta peluang kerja dan memacu pertumbuhan ekonomi di NCER. Pada tahun 2023 hingga 2024, UMPSA Advanced sekali lagi diberi peluang untuk mengendalikan program tersebut tetapi kali ini di negeri Perlis dan Kedah yang akan melibatkan seramai 1,950 peserta bagi kumpulan pertama.

**Gambar Rajah 164: Perincian NCER**



**Gambar Rajah 165: Perincian empowerNCER Kedah dan Perlis (Batch 3)**



**95%**  
menjadi usahawan atau mendapat pekerjaan

**49%**  
Usahawan

**46%**  
Bekerja

**83%**  
berjaya meningkatkan pendapatan berbanding sebelumnya

**100%**  
Mencebur perniagaan dalam talian

**46%**  
Transformasi daripada B40 kepada M40 atau T20

# UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH)

**UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) ditubuhkan pada 8 Mac 2004 adalah anak syarikat milikan penuh dan juga merupakan cabang pengkomersialan bagi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

UMPH merupakan sebuah syarikat pelaburan yang mempunyai keupayaan perniagaan dalam beberapa sektor iaitu hartanah, pengurusan kemudahan dan aset, pengkomersialan teknologi, perundingan dan penasihat teknikal dan juga pelaburan. Maklumat utama UMPH dalam mengendali perniagaan adalah untuk menjana semula aktiviti perniagaan yang membawa pulangan kepada UMPSA. Ini adalah penting supaya hasil perniagaan dapat digunakan untuk membiayai penyelidikan yang berinovasi di mana UMPSA mempunyai kredibiliti terbaik untuk menghasilkan produk-produk yang dapat membantu memberi solusi industri kepada masyarakat.

Sejak penubuhan UMPH, pengagihan pendapatan tahunan kepada UMPSA telah meningkat setiap tahun dan telah mencapai sasaran satu per tiga daripada belanjawan operasi tahunan UMPSA. Tambahan, UMPH merupakan satu entiti yang sangat penting dalam membantu universiti menghasilkan pendapatan kukuh dalam pelbagai sektor di samping memastikan setiap perniagaan diselia baik dan mengamalkan nilai-nilai integriti.



# UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH)

<b>Moto</b> <i>Sustainability through Innovation</i>	<b>Misi</b> Misi kami adalah untuk mencapai prestasi kewangan yang mampan dan pertambahan nilai serta membudayakan gerak kerja berprestasi tinggi di samping pengurusan risiko secara efektif dan berkesan untuk pemegang saham dalam perniagaan teras kami dalam hartaanah, pengurusan fasiliti, pengkomersialan teknologi dan nasihat dan perundingan.	<b>Nilai Teras</b> <b>T.H.I.N.K</b> <i>Teamwork (Kerjasama)</i> <i>High Performance (Berprestasi Tinggi)</i> <i>Integrity (Berintegriti)</i> <i>Noble (Mulia)</i> <i>Knowledge (Berilmu Pengetahuan)</i>
---	---	--

## Struktur Syarikat

Gambar Rajah 166: Struktur Utama Syarikat



## Perniagaan Teras

Gambar Rajah 167: Perincian Perniagaan Teras yang Menjana Pendapatan UMPH



Jadual 187: Perincian Aktiviti UMPH Tahun 2023

BIL.	AKTIVITI	PENERANGAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Persidangan <i>Rethinking The Future of Sustainability (ReTHINK)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat tajaan daripada Perodua dan disokong penuh oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia</li> <li>Mengumpulkan pakar industri dan ahli akademik bagi membincangkan isu-isu serius berkaitan alam sekitar dalam merangka pertumbuhan ekonomi dan menawarkan penyelesaian strategik kepada para penggiat industri.</li> </ul>	9 November 2023	Royale Chulan, Kuala Lumpur

BIL.	AKTIVITI	PENERANGAN	TARIKH	TEMPAT
2.	Shark Tank 2.0	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat sokongan Majlis Syarikat Induk IPTA Malaysia (MSIM).</li> <li>Bertujuan menyediakan platform bagi pemilik syarikat pemula melontarkan idea-idea inovatif kepada pelabur-pelabur yang hadir.</li> </ul>	10 Ogos 2023	Hotel Zenith, Kuantan
3.	Projek Liquid Phase Catalytic Exchange (LPCE) Reactor System	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek reka bentuk dan pembinaan reaktor <i>Liquid Phase Catalytic Exchange (LPCE)</i> bagi kerja kajian Universiti Teknologi Petronas (UTP).</li> <li>Kerja perundingan bagi mereka bentuk reaktor dijalankan oleh perunding di UMPSA dan pembinaan reaktor tersebut dijalankan oleh kontraktor yang dilantik. Pembinaan reaktor adalah berdasarkan reka bentuk dan pengawasan perunding yang dilantik.</li> </ul>		
4.	Pembangunan Sistem Sumber Gas Asli yang Boleh Diperbaharui Secara Bersepada Melalui Pencernaan Anaerobik Kering Menggunakan Sisa Buangan Organik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek reka bentuk dan pembinaan sistem gas boleh diperbaharui bersepada dengan digester anaerobik menggunakan sisa organik. Sistem ini dapat menukar sisa organik daripada buangan isi rumah kepada gas methana.</li> <li>Anak syarikat UCTS sebagai perunding dikehendaki menyediakan reka bentuk sistem dan menjalankan pembinaan sistem tersebut.</li> </ul>		
5.	Kursus Pensijilan Eksekutif Halal (CHEP) Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anak syarikat UCTS sebagai penyedia latihan eksekutif halal oleh pihak JAKIM telah menjalankan latihan kepada 30 orang pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT).</li> <li>Latihan profesional ini akan melayakkan peserta untuk mendapatkan Sijil Eksekutif Halal.</li> </ul>		
6.	Perkhidmatan Pembersihan	<p>Anak syarikat UMPSA telah berjaya menarik klien untuk menggunakan perkhidmatan ringan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aman Plus</li> <li>2. CO-OP Bank Pertama</li> <li>3. Pejabat JKPP Pahang</li> <li>4. Balai Polis Cawangan Cherating, Gebeng dan Jaya Gading</li> <li>5. Tasek@KotaSAS, KotaSAS</li> </ol>		
7	Kajian Sumber Hasil Negeri Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan pengumpulan data dalam mengenal pasti sumber hasil daripada pembayar cukai bagi mencapai jumlah sebanyak RM1 billion setahun.</li> <li>UMP Holdings telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bagi menjalankan kajian ini.</li> <li>Melalui projek ini juga telah diadakan bengkel yang mengumpulkan badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengumpulkan hasil kutipan cukai negeri.</li> </ul>		

Gambar Rajah 168: Pencapaian UMPH Tahun 2023



**Petronas**  
(SWEG License)



**Huawei**  
(Authorised Partner in  
ICT Technology based Equipment)



**JAKIM**  
(Halal Training Provider)



**Suruhanjaya  
Tenaga**  
(B Class)



**Tenaga Nasional Berhad**  
(Provider in Manpower Expert  
in Various Field)



**CIDB Malaysia**  
(G3, G5, G7  
Licence Holder)



**MyHijau Mark**



**MS 1900:2014**  
(Shariah-Based Quality  
Management System)



**ISO 14001:2015**  
(Environmental  
Management System)



**ISO 37001**  
(Anti-Bribery  
Management System)



**MS ISO 9001:2015**  
(Quality  
Management System)



**ISO 45001:2018**  
(Occupational Health  
and Safety Management System)



**ISO 41001:2018**  
(Facility  
Management System)



*Definition of a Complex Engineering Problem	
Attributes	Complex Problems
Irreducible:	Engineering problems which cannot be reduced to simple engineering knowledge, much of which is well-known, and have some or all of the following characteristics:
Range of conflicting requirements:	Multiple wide-ranging and conflicting technical, engineering and other issues.
Length of analysis required:	Significant additional analysis and resource allocation, including in-situ investigation, available models.
Depth of knowledge required:	Significant research in related knowledge areas of which may not be the domain of the problem engineer, and which often requires extensive basic, field, literature and/or empirical research.
Availability of data:	Insufficient reliable data from previous research.
Extent of applicable codes:	Uncertain applicability of existing codes.
Extent of interrelated requirements and scope of conflicting requirements:	Interrelated groups of requirements with varying conflict levels.
Consequences:	Very large potential consequences if not resolved.
Implications:	Significant implications for the environment, society and economy.
Contingencies:	Significant contingencies in the problem definition.



KELUAR



# Laporan Penyata Kewangan 2023


---

### **PRESTASI KEWANGAN 2023**

Bagi tahun 2023, pada keseluruhannya universiti telah membelanjakan sebanyak RM424.37 juta iaitu peningkatan sebanyak 10.37% (RM39.86 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2022 sebanyak RM384.51 juta. Hasil universiti bagi tahun 2023 ialah sebanyak RM402.65 juta meningkat sebanyak 3.08% (RM12.05 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2022 (RM390.60 juta).


CARTA 1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2019 hingga Tahun 2023

RM Juta



Perbelanjaan universiti telah dibiayai oleh pemberian dari kerajaan berjumlah RM277.98 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM225.77 juta, Kumpulan Wang Pembangunan RM39.54 juta, Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM5.31 juta dan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM7.36 juta. Manakala selebihnya dibiayai oleh urus niaga pertukaran sebanyak RM87.22 juta dan lain-lain hasil sebanyak RM0.97 juta.

CARTA 2 : Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2023 dan 2022







Sebanyak RM424.37 juta telah dibelanjakan pada tahun 2023 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM303.49 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM13.00 juta, belanja pembangunan berjumlah RM34.26 juta, belanja amanah berjumlah RM39.88 juta, dan belanja anak syarikat berjumlah RM33.74 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi emolumen iaitu RM178.42 juta atau 42.04%. Jumlah ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM8.86 juta atau 5.23% dibandingkan dengan jumlah emolumen pada tahun 2022.

Perbelanjaan ke atas perkhidmatan dan bekalan adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM173.62 juta atau 40.91% meningkat sebanyak RM20.45 juta atau 13.35% daripada RM153.17 juta pada tahun 2022.

CARTA 3 : Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2023 dan 2022






### **KUMPULAN WANG PENGURUSAN**


Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, UMPSA adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan universiti melalui hasil yuran pelajar dan hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2023 menurun sebanyak 3.53% (RM9.52 juta), daripada RM269.34 juta pada tahun 2022 kepada RM259.82 juta pada tahun 2023.

CARTA 4: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan wang Pengurusan  
Tahun 2019 hingga 2023




Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, RM225.77 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh kerajaan bagi tahun 2023 iaitu penurunan sebanyak 4.85% (RM11.5 juta) berbanding pada tahun 2022 sebanyak RM237.27 juta. Hasil dari urus niaga pertukaran dan lain-lain hasil meningkat daripada RM32.07 juta pada tahun 2022 kepada RM34.05 juta pada tahun 2023, peningkatan sebanyak 6.17% (RM1.98 juta).

CARTA 5: Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan Tahun 2023 dan 2022



Manakala perbelanjaan pengurusan universiti bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM303.49 juta iaitu peningkatan sebanyak 4.73% (RM13.71 juta) berbanding RM289.78 juta pada tahun 2022. Daripada jumlah ini, sebanyak RM160.07 juta atau 52.74% adalah merupakan perbelanjaan ke atas emolumen. Perbelanjaan sewaan berjumlah RM39.63 juta atau 13.06% daripada jumlah keseluruhan, penurunan sebanyak RM1.67 juta berbanding pada tahun 2022.


CARTA 6: Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 dan 2022



## **KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

Peruntukan pembangunan UMPSA adalah untuk pembinaan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, Pahang. Bagi tahun kewangan 2023, geran peruntukan yang diterima dari Kementerian Pendidikan Tinggi adalah sebanyak RM45.02 juta. Perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2023 adalah sebanyak RM39.55 juta.

**CARTA 7: Perbandingan Peruntukan Tunai Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2019 hingga 2023**



**CARTA 8: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2019 hingga 2023**



### **KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN**


Peratusan perbelanjaan telah menunjukkan penurunan dari RM13.01 juta dalam tahun 2022 kepada RM13.00 juta dalam tahun 2023. Terdapat penurunan kepada pendapatan iaitu daripada RM8.43 juta dalam tahun 2022 kepada RM7.37 juta dalam tahun 2023.

CARTA 9: Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Kumpulan Wang Penyelidikan Tahun 2019 hingga 2023

RM Juta



RM Juta



### **KUMPULAN WANG PENDAPATAN**

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM18.84 juta. Hasil faedah dan dividen menunjukkan 22.61% daripada jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pendapatan iaitu sebanyak RM4.26 juta. Ia meningkat 40.13% atau RM1.22 juta berbanding tahun lalu. Baki hasil dari Kumpulan Wang Pendapatan adalah dari pendapatan sewa dan lain-lain pendapatan berjumlah RM14.58 juta.

### **KUMPULAN WANG PINJAMAN**

Bilangan staf yang mendapat pinjaman kenderaan pada tahun 2023 telah meningkat kepada 44 orang staf berbanding 39 orang staf pada tahun 2022. Manakala bagi pinjaman komputer pula telah menurun kepada 13 orang staf bagi tahun 2023 berbanding 16 orang staf pada tahun 2022. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah digunakan sehingga tahun 2023 adalah sebanyak RM4.40 juta bagi pinjaman kenderaan dan RM0.12 juta bagi pinjaman komputer.



CARTA 10: Bilangan Staf yang Mendapat Pinjaman Komputer dan Kenderaan sehingga tahun 2023

<b>Butiran</b>	<b>Nilai Tabung</b>	<b>Jumlah Pinjaman</b>	<b>Bilangan Staf yang mendapat pinjaman</b>		<b>Baki Tabung</b>
			<b>2022</b>	<b>2023</b>	
<b>Pinjaman Kenderaan</b>	RM6.0 juta	RM4.40 juta	39	44	RM1.60 juta
<b>Pinjaman Komputer</b>	RM0.5 juta	RM0.12 juta	16	13	RM0.38 juta
<b>Jumlah</b>	<b>RM6.5 juta</b>	<b>RM4.52 juta</b>	<b>55</b>	<b>57</b>	<b>RM1.98 juta</b>

### **PEROLEHAN HARTA MODAL**

Pada tahun 2023, jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM30.48 juta meningkat sebanyak 113.45% (RM16.20 juta) berbanding pada tahun 2022 sebanyak RM14.28 juta. Perolehan komputer dan perisian merupakan perolehan yang terbesar daripada jumlah keseluruhan perolehan harta modal bagi tahun 2023.

CARTA 11: Pecahan Perolehan Harta Modal Tahun 2023 dan 2022





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2023

**KETUA AUDIT NEGARA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 43.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 12 dalam penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



PUTRAJAYA

28 OGOS 2024

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH****PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR dan PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH dan kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH dan kumpulan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR  
Pengurus Lembaga Pengarah

Tarikh : 26 JUL 2024  
UMPSA, KUANTAN

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
Naib Canselor/Ahli Lembaga Pengarah


Tarikh : 26 JUL 2024  
UMPSA, KUANTAN

## UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH dan kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas,  
di Kuantan  
pada )  
26 JUL 2024 )



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN  
No. K/P 660507-04-5253

Di hadapan saya,



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	6	668,783,080	673,609,088	664,107,879	668,603,937
ASET TIDAK KETARA	7	1,558,973	825,472	774,785	822,385
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	8	58,789,545	45,470,805	58,581,071	44,445,094
PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	9	35,370	31,113	-	-
PELABURAN HARTANAH	10	261,174,321	265,199,904	-	-
PELABURAN LAIN-LAIN	11	1,250,000	1,250,000	-	-
ASET CUKAI TERTUNDA			32,685	-	-
PELABURAN ANAK SYARIKAT	12	-	-	6,000,002	6,000,002
PENGHUTANG PINJAMAN JANGKA PANJANG	13	3,537,649	3,119,724	3,537,649	3,119,724
PENDAHULUAN ANAK SYARIKAT JANGKA PANJANG	14	-	-	11,769,138	15,685,994
		<b>995,128,938</b>	<b>989,538,791</b>	<b>744,770,524</b>	<b>738,677,136</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	15	320,202	291,150	-	-
Penghutang	16	37,712,223	43,707,333	905,346	1,502,359
Pelbagai Penghutang dan Deposit	17	28,433,269	24,736,919	31,445,469	30,445,488
Pendahuluan Anak Syarikat Jangka Pendek	14	-	-	3,916,856	5,763,827
Penghutang Pinjaman Jangka Pendek	13	1,799,958	1,802,009	1,799,958	1,802,009
Percukaian		321,613	312,222	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	18	129,143,399	150,024,974	79,700,433	91,376,973
		<b>197,730,664</b>	<b>220,874,607</b>	<b>117,768,062</b>	<b>130,890,656</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pembiutang	19	59,881,176	55,073,112	35,831,923	24,822,616
Pinjaman	20	5,788,762	6,264,488	-	-
Percukaian		382,544	51,592	-	-
Cagaran dan Pertaruhan	21	6,144,198	5,982,726	5,990,482	5,825,352
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	22	94,909	823,675	94,909	823,675
		<b>72,291,589</b>	<b>68,195,593</b>	<b>41,917,314</b>	<b>31,471,643</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>					
		125,439,075	152,679,014	75,850,748	99,419,013
		<b>1,120,568,013</b>	<b>1,142,217,805</b>	<b>820,621,272</b>	<b>838,096,149</b>
<b>DIBIAYAI OLEH :</b>					
KUMPULAN WANG MENGURUS	23	237,067,165	258,473,232	(41,726,604)	(17,644,920)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	24	671,435,609	666,146,548	671,435,609	666,146,548
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	25	6,796,153	12,424,018	6,796,153	12,424,018
KUMPULAN WANG AMANAH	26	64,287,857	61,231,059	64,287,857	61,231,059
KUMPULAN WANG PENDAPATAN	27	532,000	824,062	6,532,002	6,824,064
KUMPULAN WANG PINJAMAN	28	7,618,080	7,618,080	7,618,080	7,618,080
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK	29	500,000	500,000	500,000	500,000
ENDOWMEN	30	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000
KEPENTINGAN BUKAN MENGAWAL		586,670	614,833	-	-
		<b>998,823,534</b>	<b>1,017,831,832</b>	<b>725,443,097</b>	<b>747,098,849</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Pinjaman	20	26,566,304	33,388,673	-	-
Liabiliti Pajakan Jangka Panjang	31	123,421	123,462	123,421	123,462
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	22	16,143,103	12,933,744	16,143,103	12,933,744
Pendapatan Tertunda - Pembangunan	32	36,562,038	31,086,862	36,562,038	31,086,862
Pendapatan Tertunda - Penyelidikan	33	33,669,754	32,235,695	33,669,754	32,235,695
Pendapatan Tertunda - Amanah	34	8,679,859	14,617,537	8,679,859	14,617,537
		<b>121,744,479</b>	<b>124,385,973</b>	<b>95,178,175</b>	<b>90,997,300</b>
		<b>1,120,568,013</b>	<b>1,142,217,805</b>	<b>820,621,272</b>	<b>838,096,149</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>PENDAPATAN</b>					
Urusniaga Bukan Pertukaran	35	277,984,606	272,418,224	277,984,606	272,418,224
Urusniaga Pertukaran	36	120,318,843	117,208,042	87,218,310	65,657,683
Lain-lain Hasil	37	4,343,707	942,523	970,245	466,946
Bahagian keuntungan dari syarikat bersekutu		4,258	29,110	-	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>402,651,414</b>	<b>390,597,899</b>	<b>366,173,161</b>	<b>338,542,853</b>
<b>Tolak : PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		178,423,154	169,560,394	160,483,249	152,905,284
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup		9,033,028	7,009,115	9,037,780	7,029,702
Pengangkutan barang-barang		49,785	17,700	49,785	17,700
Perhubungan dan utiliti		20,629,585	14,273,793	20,629,585	14,414,685
Sewaan		6,686,340	7,177,690	40,272,419	41,889,954
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pemasakan		1,921,052	1,499,090	1,921,052	1,499,089
Bekalan dan bahan-bahan lain		16,323,604	13,591,033	16,323,774	13,616,853
Penyelenggaraan / pemasakan kecil yang dibeli		21,020,176	15,617,233	33,104,700	27,413,475
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti		104,640,901	101,160,946	56,847,167	50,767,205
Susut nilai		35,757,879	33,626,554	34,616,176	32,587,199
Kerugian dari syarikat bersekutu		-	-	-	-
Lain-lain perbelanjaan		24,019,624	14,283,654	17,347,454	9,736,264
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>418,505,128</b>	<b>377,817,202</b>	<b>390,633,141</b>	<b>351,877,410</b>
Lebihan / Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(15,853,714)	12,780,697	(24,459,980)	(13,334,557)
Cukai		5,861,752	6,694,402	-	-
Lebihan / Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		(21,715,466)	6,086,295	(24,459,980)	(13,334,557)
<b>KUMPULAN WANG TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN</b>		<b>278,153,119</b>	<b>272,066,824</b>	<b>167,328,624</b>	<b>180,663,181</b>
<b>KUMPULAN WANG TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN</b>		<b>256,437,653</b>	<b>278,153,119</b>	<b>142,868,644</b>	<b>167,328,624</b>
Jumlah Lebihan / Kurangan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai bagi tahun semasa diagihkan kepada :					
Pemilik syarikat		(21,687,303)	6,389,707	(24,459,980)	(13,334,557)
Kepentingan minoriti		(28,163)	(303,412)	-	-
		(21,715,466)	6,086,295	(24,459,980)	(13,334,557)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**KUMPULAN**

	Kumpulan Wang Mengurus Pembangunan		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Amanah Pendapatan		Kumpulan Wang Pinjaman		Kumpulan Wang Pembangunan Staf Akademik		Kepentingan Bukan Mengawal		<b>Jumlah</b>
	<b>RM</b>	<b>Dinyatakan Semula</b>	<b>RM</b>	<b>Dinyatakan Semula</b>	<b>RM</b>	<b>Dinyatakan Semula</b>	<b>RM</b>	<b>Dinyatakan Semula</b>	<b>RM</b>	<b>Dinyatakan Semula</b>	<b>RM</b>	<b>Dinyatakan Semula</b>	
<b>Baki pada 1 Januari 2022</b>	252,554,312	666,437,252	11,986,757	53,118,946	4,140,965	7,618,080	500,000	10,000,000	918,245	1,007,274,557			
Surplus / Defisit Tahun Semasa	(713,914)	(290,704)	(4,579,777)	6,504,245	5,469,857	-	-	-	(303,412)	6,086,295			
Pelarasan	(180,465)	-	385,484	-	-	-	-	-	-	-	205,019		
Pindahan ke Kumpulan Wang	(5,923,280)	-	-	(279,158)	(9,067,334)	-	-	-	-	-	(15,269,772)		
Pindahan dari Kumpulan Wang	8,470,618	-	4,631,554	1,887,026	280,574	-	-	-	-	-	15,269,772		
Rizab Sumbangan Modal	4,265,961	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4,265,961		
Baki pada 31 Disember 2022	258,473,232	666,146,548	12,424,018	61,231,059	824,062	7,618,080	500,000	10,000,000	614,833	1,017,831,832			
<b>Baki pada 1 Januari 2023</b>	258,473,232	666,146,548	12,424,018	61,231,059	824,062	7,618,080	500,000	10,000,000	614,833	1,017,831,832			
Surplus / Defisit Tahun Semasa	(40,901,635)	5,289,061	(5,827,865)	823,734	18,729,402	-	-	-	(28,163)	(21,715,466)			
Pelarasan	2,404,228	-	-	-	400,000	-	-	-	-	2,804,228			
Pindahan ke Kumpulan Wang	(195,000)	-	-	-	(19,421,464)	-	-	-	-	(19,616,464)			
Pindahan dari Kumpulan Wang	17,383,400	-	-	2,233,064	-	-	-	-	-	19,616,464			
Kepentingan Minoriti	(97,060)	-	-	-	-	-	-	-	-	(97,060)			
Baki pada 31 Disember 2023	237,067,165	671,135,609	6,796,153	64,287,857	532,000	7,618,080	500,000	10,000,000	586,670	998,823,534			

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**UNIVERSITI**

	Kumpulan Wang Mengurus		Kumpulan Wang Pembangunan		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Amanah		Kumpulan Wang Pendapatan		Kumpulan Wang Pinjaman		Kumpulan Wang Pemhangganan Stat Akademik		Endowmen		Jumlah		
	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	RM	Dinyatakan Semula	
<b>Baki pada 1 Januari 2022</b>																			
Surplus / Defisit Tahun Semasa	426,385	666,437,252	11,986,757	53,118,946	10,140,967	7,618,080	500,000	10,000,000	-	-	-	-	-	-	760,228,387	(13,334,557)			
Pelarasan	(20,438,178)	(290,704)	(4,579,777)	6,504,245	5,469,857	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	205,019		
Pindahan ke Kumpulan Wang	(180,465)	-	385,484	-	-	(279,158)	(9,067,334)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(15,269,772)		
Pindahan dari Kumpulan Wang	(5,923,280)	-	-	4,631,554	1,887,026	280,574	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15,269,772		
Baki pada 31 Disember 2022	8,470,618	-	(17,644,920)	666,146,548	12,424,018	61,231,059	6,824,064	7,618,080	500,000	10,000,000	500,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000	747,098,849				
<b>Baki pada 1 Januari 2023</b>																			
Surplus / Defisit Tahun Semasa	(43,674,312)	5,289,061	(5,627,865)	823,734	18,729,402	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(24,459,380)		
Pelarasan	2,404,228	-	-	-	-	-	400,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,804,228		
Pindahan ke Kumpulan Wang	(195,000)	-	-	-	-	-	(19,421,464)	-	-	-	-	-	-	-	-	(19,616,464)			
Pindahan dari Kumpulan Wang	17,383,400	-	-	-	-	2,233,064	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	19,616,464		
Baki pada 31 Disember 2023	(41,726,604)	671,435,609	6,796,153	64,287,857	6,532,002	7,618,080	500,000	500,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000	725,443,097				

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
	Dinyatakan Semula		Dinyatakan Semula	
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Tunai diterima dari kerajaan	225,766,600	237,272,370	225,766,600	237,272,370
Tunai diterima dari pelanggan	147,504,589	123,604,656	78,251,116	49,204,543
Tunai dibayar kepada pembekal dan staf	(397,856,324)	(362,272,566)	(338,268,749)	(322,331,372)
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI / (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI</b>	<b>(24,585,135)</b>	<b>(1,395,540)</b>	<b>(34,251,033)</b>	<b>(35,854,459)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian Hartanah,Loji dan Peralatan	(24,522,580)	(11,056,372)	(23,217,344)	(9,348,462)
Pembelian Aset Tidak Ketara	(517,612)	(340,722)	(517,612)	(340,722)
Jualan Aset	73,774	216,018	68,378	242
Pembayaran Pembinaan dalam kemajuan	(20,473,918)	(20,096,364)	(20,473,918)	(20,096,364)
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>(45,440,336)</b>	<b>(31,277,440)</b>	<b>(44,140,496)</b>	<b>(29,785,306)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Geran Pembangunan Diterima	45,019,900	2,950,000	45,019,900	2,950,000
Geran Penyelidikan Diterima	9,053,049	13,609,693	9,053,049	13,609,693
Geran Amanah Diterima	1,361,900	11,032,517	1,361,900	11,032,517
Pemulangan Geran Amanah	(9,600)	(136,033)	(9,600)	(136,033)
Pemulangan Geran Penyelidikan	(221,744)	-	(221,744)	-
Dividen Diterima	-	-	11,511,484	2,150,000
Pembayaran Balik Pembiutang Sewa Beli	(111,264)	(141,665)	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman Berjangka	(5,721,707)	(5,642,084)	-	-
Faerah Diterima	1,446,123	728,699	-	-
Faerah Dibayar	(1,672,761)	(2,597,309)	-	-
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI / AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<b>49,143,896</b>	<b>19,803,818</b>	<b>66,714,989</b>	<b>29,606,177</b>
<b>PENGURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN</b>				
	(20,881,575)	(12,869,162)	(11,676,540)	(36,033,588)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>150,024,974</b>	<b>162,894,136</b>	<b>91,376,973</b>	<b>127,410,561</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>129,143,399</b>	<b>150,024,974</b>	<b>79,700,433</b>	<b>91,376,973</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN Simpanan Tetap</b>	<b>18</b>	<b>109,087,240</b>	<b>129,332,285</b>	<b>69,000,000</b>
Wang di tangan dan di bank		20,056,159	20,692,689	10,700,433
		<b>129,143,399</b>	<b>150,024,974</b>	<b>79,700,433</b>
				<b>91,376,973</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
 PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	JUMLAH BAJET	JUMLAH	VARIAN BAJET^	
	Asal RM	Akhir RM	SEBENAR RM	RM
<b>PENERIMAAN</b>				
Pemberian Kerajaan	214,766,600	225,766,600	225,766,600	-
Yuran Pengajian	-	21,768,000	17,476,279	4,291,721
Yuran Pelbagai	-	13,749,000	8,406,853	5,342,147
Pendapatan Lain	-	17,483,000	8,165,283	9,317,717
<b>JUMLAH PENERIMAAN</b>	<b><u>214,766,600</u></b>	<b><u>278,766,600</u></b>	<b><u>259,815,015</u></b>	<b><u>18,951,585</u></b>
<b>PERUNTUKAN</b>				
<b>Emolumen</b>				
Gaji dan Upahan	113,072,700	108,438,350	108,223,001	215,349
Elaun Tetap	25,594,900	27,171,461	27,126,088	45,373
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	18,564,400	19,877,709	19,839,854	37,855
Elaun Lebih Masa	-	1,645,890	1,645,890	-
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	546,900	3,237,740	3,234,212	3,528
	<b><u>157,778,900</u></b>	<b><u>160,371,150</u></b>	<b><u>160,069,045</u></b>	<b><u>302,105</u></b>
<b>Perkhidmatan &amp; Bekalan</b>				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	-	5,458,129	5,392,997	65,132
Pengangkutan Barang-barang	-	41,640	41,640	-
Perhubungan dan Utiliti	17,330,900	20,626,250	20,619,250	7,000
Sewaan	39,656,800	40,380,613	39,627,287	753,326
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	-	1,578,322	1,573,322	5,000
Bekalan dan Bahan-Bahan lain	-	5,837,079	5,828,938	8,141
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil yang Dibeli	-	27,055,602	27,048,602	7,000
Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang dibeli dan Hospitaliti	-	28,977,806	29,064,747	(86,941)
	<b><u>56,987,700</u></b>	<b><u>129,955,441</u></b>	<b><u>129,196,783</u></b>	<b><u>758,658</u></b>
<b>Harta Modal</b>	-	<b><u>5,871,940</u></b>	<b><u>2,804,624</u></b>	<b><u>3,067,316</u></b>
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	-	2,416,687	2,416,687	-
Manfaat Kakitangan/ ganjaran	-	322,671	318,622	4,049
<b>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap</b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>2,739,358</u></b>	<b><u>2,735,309</u></b>	<b><u>4,049</u></b>
<b>Bayaran-bayaran lain</b>	-	<b><u>70,966</u></b>	<b><u>4,054,746</u></b>	<b><u>(3,983,780)</u></b>
<b>JUMLAH</b>	<b><u>214,766,600</u></b>	<b><u>299,008,855</u></b>	<b><u>298,860,507</u></b>	<b><u>148,349</u></b>

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**1. KENYATAAN AM DAN AKTIVITI UTAMA**

**a. Am**

Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.

Universiti ini telah ditubuhkan di bawah Peruntukan (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Universiti ini mula beroperasi pada Mei 2002. Fokus utama Universiti ini adalah bagi membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia dan petrokimia serta sumber asli dan industri pembuatan. Pada setakat 31 Disember 2023, Universiti ini menempatkan seramai 13,270 orang pelajar dan disokong oleh staf akademik dan bukan akademik seramai 799 dan 1,000 orang masing-masing.

Penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

Matawang fungsian universiti adalah Ringgit Malaysia ("RM"), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.

Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan dicatatkan dalam RM, yang mana merupakan matawang fungsian universiti, dan matawang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

**b. Aktiviti Utama**

Aktiviti utama Universiti adalah sebagai pusat pengajian tinggi yang menjalankan program-program pengajaran, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat. Selain menjalankan aktiviti di atas, Universiti juga menjalankan beberapa aktiviti bercorak komersil yang dijalankan oleh entiti perniagaan seperti :-

- i. Kegiatan-kegiatan di dalam bidang pengurusan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengumpulan dan penyebaran ilmu dan juga menjalankan aktiviti perundingan pengurusan.
- ii. Kegiatan-kegiatan di dalam perkhidmatan pakar runding dan pengendalian kursus jangka pendek dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

**c. Pembentangan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas Bil. 1/2024 pada 16 Januari 2024.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## **2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING**

### **a. Asas penyediaan**

Penyata kewangan ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan mematuhi piawaian perakaunan dibawah ‘*Malaysian Public Sector Accounting Standards*’ (MPSAS) yang diluluskan di Malaysia.

### **b. Penyatuan akaun**

#### **i. Subsidiari- subsidiari**

Syarikat-syarikat subsidiari adalah di mana Universiti mempunyai wakil dalam lembaga pengarah serta mempunyai pengaruh ke atas pengurusan syarikat.

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan universiti dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti syarikat-syarikat tersebut.

Subsidiari-subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilan, hasil-hasil subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan diambil kira dalam penyata kewangan disatukan daripada tarikh berkuatkuasa pengambilan atau tarikh berkuatkuasa pelupusan mengikut kesesuaian.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari dinilaikan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan nilai ini ditunjukkan dalam lembaran imbalan disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama bahagian aset bersih kumpulan atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul atas penyatuan.

Urusniaga, baki dan hasil laba belum direalisasi di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasikan telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

### **c. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Harta Tetap meliputi pembelian tanah, bangunan, kenderaan dan jentera serta peralatan tak luak yang dibeli atau yang didermakan dan mempunyai jangka hayat melebihi empat (4) hingga lima (5) tahun. Kos minima Harta Tetap ialah RM3,000.00 seunit. Kos kenderaan meliputi bayaran aksesori, pendaftaran dan lain-lain kos berkaitan (*on the road price*). Bagi perabot, penentuan harta tetap tertakluk kepada had minima iaitu RM3,000.00 seunit. Perabot/peralatan yang dibina dalam atau *attached* pada bangunan dan menjadi *permanent feature* pada bangunan tersebut tidak dikira sebagai perabot/peralatan tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kos bangunan.

Sesuatu item Hartanah, Loji dan Peralatan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## **2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

### **c. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (Sambungan)**

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai harta tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus berdasarkan jangka masa harta tersebut boleh digunakan. Tiada susut nilai dikenakan kepada tanah milik bebas. Manakala bagi tanah pajakan susut nilai dikenakan mengikut tempoh pajakan. Susut nilai bulanan dikenakan dalam tahun pembelian dan baki bersih setiap hartaanah, loji dan peralatan bernilai tidak kurang dari RM1.

Tanah Pajakan	Kadar Susutnilai %	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2	
Ubahsuai	2	
Peralatan Pejabat	20	
Peralatan Makmal	20	
Perabot dan Kelengkapan	20	
Kenderaan	20	
Peralatan Komputer dan Perisian Infrastruktur	10 – 33.3	
		10

Buku- buku perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Sistem Perpustakaan.

Berdasarkan MPSAS 33, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah akan menerima pakai keseluruhan aset infrastruktur mulai tahun 2023 hingga 2023.

### **d. Aset Tidak Ketara**

Aset Tidak ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal. Pembelian perisian (software) secara berasingan daripada pakej dengan komputer dikelaskan sebagai aset tidak ketara. Pembelian perisian yang dibuat secara berasingan dikelaskan sebagai aset tidak ketara jika kosnya melebihi RM3,000.00. Susutnilai dikira secara bulanan sebanyak 33.3%.

### **e. Pembinaan dalam kemajuan**

Pembinaan dalam kemajuan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambilkira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan.

Pembinaan dalam kemajuan adalah mengikut kos pembinaan (peringkat bayaran) dan susutnilai tidak akan diperuntukkan. Segala kos pembinaan akan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan apabila Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut telah mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan.

### **f. Pelaburan**

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

Peruntukan akan dibuat apabila terdapat penurunan nilai yang kekal dalam pelaburan tersebut.

## **2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

### **g. Inventori**

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

### **h. Kos Pembangunan**

Kos pembangunan harta tanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diagihkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut.

Jika hasil aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan harta tanah dan kos pembangunan harta tanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dengan merujuk kepada kaedah mengikut penyiapan. Peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada pembahagian kos pembangunan harta tanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos pembangunan harta tanah.

Jika hasil pembangunan harta tanah tidak boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan harta tanah diiktiraf setakat kos pembangunan harta tanah yang ditanggung yang mungkin akan boleh diperolehi semula, dan kos pembangunan harta tanah bagi harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia dikenakan.

Sebarang kerugian yang dijangka atas projek pembangunan termasuk tempoh tanggungan liabiliti diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

### **i. Penghutang dan pelbagai penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang telah dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang rugu bagi penghutang pelajar dibuat berdasarkan kepada status pelajar gagal, berhenti dan diberhentikan manakala bagi penghutang lain peruntukan hutang rugu dibuat berdasarkan kepada status penghutang tidak aktif melebihi satu (1) tahun. Hutang lapuk dilupuskan setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

### **j. Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi kewangan.

### **k. Pembiutang dan pelbagai pembiutang**

Pembiutang dinyatakan pada kos yang hampir menyamai nilai saksama ganjaran yang dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diberi.

### **l. Pengiktirafan pendapatan**

#### **i. Urusniaga bukan pertukaran**

Pendapatan diiktiraf atas dasar akruan manakala pemberian kerajaan bagi projek pembangunan pula akan diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunas mengikut projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dipermodalkan.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### i. Pengiktirafan pendapatan (Sambungan)

#### ii. Pendapatan tertunda

Pemberian daripada kerajaan bagi tujuan pembangunan, penyelidikan dan amanah hanya dilunaskan di dalam penyata pendapatan setakat jumlah yang dibelanjakan berdasarkan syarat penyaluran pemberian tersebut yang telah dipenuhi. Jumlah perbelanjaan ini juga termasuk jumlah dalam tahun berkenaan.

#### iii. Urusniaga pertukaran

- a) Pendapatan untuk yuran pengajian dari pelajar berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- b) Pendapatan faedah dan dividen diiktiraf berasaskan akruan.

### m. Manfaat Pekerja

#### i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, Gaji dan Bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh pekerja kumpulan. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang akan meningkat hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek adalah seperti cuti sakit diiktiraf semasa ketidakhadiran berlaku.

Kumpulan dan Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap atau tetap berpencen yang akan bersara pada tahun berikutnya. Pada tahun 2023, Universiti telah memperuntukan Ganjaran Tamat Kontrak bagi staf kontrak *expatriate*.

#### ii. Pelan Caruman Tetap

Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, syarikat di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

#### iii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Jenis manfaat perkerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja tetap atau tetap berpencen sekurang-kurangnya 10 tahun telah berkhidmat yang telah mencapai umur 40 tahun dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib. Kadar gaji akhir (anggaran) telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Pada tahun 2023, Universiti telah memperuntukan Ganjaran Tamat Kontrak bagi staf kontrak *expatriate*.

### n. Sewaan Pajak

Pihak universiti telah membuat sewaan pajak dan jumlah tersebut akan dipindahkan ke aset apabila tamat tempoh pajakan. Susutnilai tidak akan diperuntukkan.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## **2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

### **o. Instrumen Kewangan**

#### **Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

#### **i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

#### **ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

#### **iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai**

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elau. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elau. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

### v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesaikan, atau Kumpulan dan Universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## **2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

### **p. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan.

### **q. Liabiliti dan Ekuiti**

#### **i) Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti**

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

#### **ii) Instrumen Ekuiti**

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan baki kepentingan dalam aset Universiti selepas ditolak semua liabilitinya. Instrumen ekuiti diterbitkan oleh Universiti, selain daripada yang dikeluarkan sebagai sebahagian daripada penggabungan perniagaan adalah diukur pada nilai saksama tunai atau sumber lain diterima, selepas ditolak kos urusniaga. Sekiranya bayaran ditunda dan nilai masa wang adalah ketara, pengukuran awal hendaklah berdasarkan pada asas nilai semasa.

#### **iii) Instrumen Kewangan Kompaun**

Perolehan daripada terbitan hutang boleh tukar atau instrumen kewangan kompaun yang serupa dikelaskan secara berasingan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti selaras dengan ciri-ciri pengaturan. Universiti pertamanya menentukan amaun komponen liabiliti dengan mengukur nilai saksama liabiliti yang serupa yang tidak mempunyai ciri-ciri penukaran atau komponen ekuiti berkaitan yang serupa. Universiti kemudiannya memperuntukan amaun baki sebagai komponen ekuiti. Kos urusniaga diperuntukan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti berdasarkan pada asas nilai saksama relatif.

Peruntukan itu tidak disemak semula dalam tempoh kemudian.

Dalam tempoh selepas instrumen kewangan kompaun telah diterbitkan, Universiti mengambil kira komponen liabiliti. Bagi komponen liabiliti tersebut, Universiti mengiktiraf secara sistematisnya sebarang perbezaan di antara komponen liabiliti dan jumlah pokok yang perlu dibayar pada tarikh matang sebagai perbelanjaan faedah tambahan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

#### **iv) Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Universiti kepada pengaturan.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****iv) Liabiliti Kewangan (Sambungan)**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**v) Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

**vi) Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

**r. Maklumat Bajet**

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak UMP sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

**3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Instrumen kewangan kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaiannya risiko kewangan termasuk risiko hutang, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### **3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

#### **a. Risiko kadar faedah**

Kumpulan dan Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana ia tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

#### **b. Risiko kredit**

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan Kumpulan dan Universiti. Kumpulan dan Universiti terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang. Risiko kredit ditentukan oleh pihak pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

#### **c. Risiko kecairan dan aliran tunai**

Kumpulan dan Universiti tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai atau aset yang boleh ditukarkan kepada wang yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

### **4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN**

#### **4.1 Pertimbangan Kritikal dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan**

Penyediaan penyata kewangan yang memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah aset yang dilaporkan, pendapatan dan perbelanjaan liabiliti. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

#### **4.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Anggaran utama berkenaan masa depan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan pelarasan penting terhadap aman bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya, selain daripada yang didebakkan seperti :

##### **a. Kerugian Rosotnilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan**

